



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016



inovatif • entrepreneurial • global

LAPORAN TAHUNAN 2016

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Isi Kandungan

Profil Universiti

Falsafah, Visi, Misi, Cogan Kata	7
Latar Belakang UTM Sepintas Lalu	8

Tadbir Urus Universiti

Biografi : Canselor, Pro Canselor & Lembaga Pengarah	11
Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Senat	24
Maklumat Korporat Universiti	32
Struktur Organisasi	47

Perutusan Universiti

Aluan Pengerusi	51
Laporan Naib Canselor	53

Kecemerlangan Universiti

Petunjuk Prestasi dan Pencapaian Universiti	58
---	----

Kelestarian Kewangan

Pengurusan Kewangan Strategik	62
Mempelbagaikan Sumber Pendapatan Dalam	63
Projek Pembangunan	66

Pencapaian Mahasiswa

Graduan Holistik	68
Pembelajaran dan Pengajaran	72
Pengalaman Kampus Menyeluruh	74
Kualiti Mahasiswa	82

Kecemerlangan Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi dan Pengkomersilan

Lanskap Baharu Ekosistem Penyelidikan	88
Ekonomi Global dan Penerimaan Dana Penyelidikan	90
Penerbitan Berindeks dan Kompetitif	92
Pemangkin Kelestarian Kewangan Universiti	93
Kepimpinan Cemerlang dalam Penyelidikan dan Inovasi	95
Sinergi Penyelidik dan Pemegang Taruh	96
Kolaborasi Institutsi dan Industri	97

Penyampaian Berprestasi Tinggi

Pengurusan Bakat dan DNA Institusi	100
Program Pengurusan Bakat: Pelan Pembangunan Individu (<i>Individual Development Plan – IDP</i>) Staf Pengurusan & Profesional UTM	110
<i>Leadership Development Programme (LDP): Grooming & Mentoring</i> Kumpulan Pengurusan & Profesional UTM (Gred 44, 48 & ke atas)	112

Persekitaran Kerja Kondusif

Kampus Lestari	114
Akses Kandungan Digital Perpustakaan	116

Reputasi Global

Penarafan Universiti di peringkat Antarabangsa	120
--	-----

Upacara Berimpak Tinggi 2016

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Laporan Ringkasan Kewangan

185

Profil Universiti

Falsafah

Hukum Allah adalah dasar kepada sains dan teknologi.
Maka Universiti Teknologi Malaysia berusaha secara menyeluruh dan bersepadu memperkembangkan kecemerlangan sains dan teknologi untuk kesejahteraan dan kemakmuran sejagat sesuai dengan kehendakNya.

Visi

Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.

Misi

Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengkayaan khazanah Negara

Cogan Kata

"Kerana Tuhan untuk Manusia"

Latar Belakang UTM Sepintas Lalu



Sejarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bermula pada tahun 1904 dengan tertubuhnya Sekolah Teknik Treacher, Kuala Lumpur. Hasrat penubuhan sekolah ini pada awalnya adalah untuk melahirkan tenaga kerja dalam bidang teknikal merangkumi Pembantu Teknik untuk berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Keretapi, Tanah Melayu.

Pembangunan pesat Malaysia yang memerlukan tenaga kerja teknikal lebih mahir dan berkelayakan menyebabkan Sekolah Teknik Treacher, Kuala Lumpur dinaik taraf menjadi Maktab Teknik Kuala Lumpur (MTKL) pada 1 Mac 1955. MTKL telah berperanan mengendalikan kursus Kejuruteraan di peringkat ikhtisas bertaraf ijazah di mana pelajar-pelajarnya menduduki peperiksaan ikhtisas anjuran *Institution of Civil Engineers* dan *Institution of Mechanical Engineers*, United Kingdom untuk menjadi jurutera.

MTKL seterusnya telah dinaik taraf menjadi universiti apabila DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan penubuhan Institut Teknologi Kebangsaan (ITK) di bawah subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan seksyen 22 Akta Tafsiran 1948 dan 1967. ITK menawarkan kursus peringkat ijazah dan diploma di tiga fakulti dan satu pusat pengajian bertaraf fakulti.

ITK telah dijenamakan sebagai Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1 April 1975 yang memulakan pengambilan lebih daripada 2,000 mahasiswa, melalui lima fakulti dan dua pusat pengajian bertaraf fakulti. Pada 1 September 1989 UTM Johor Bahru diisytiharkan sebagai kampus induk manakala UTM Kuala Lumpur berstatus sebagai kampus cawangan. Sejak itu UTM terus berkembang dan sehingga kini merupakan penyumbang utama sumber tenaga

negara dalam bidang teknologi dan kejuruteraan. UTM telah diumumkan sebagai sebuah Universiti Penyelidikan oleh Perdana Menteri Malaysia, pada 10 Jun 2010. UTM adalah sebuah universiti penyelidikan berasaskan inovasi berteraskan keusahawanan dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi; dan dikenali sebagai peneraju kepakaran dan pengetahuan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

Pada 8 Januari 2012, UTM telah menempa sejarah apabila diumumkan sebagai sebuah universiti berautonomi dan melalui UTM diberi kuasa substantif untuk menentukan matlamat, strategi dan program yang hendak dilaksanakan bagi mengukuhkan peranan dan prestasi universiti.

UTM sebagai sebuah universiti penyelidikan yang berorientasikan pengajian pasca ijazah masih mempertahankan statusnya dalam kalangan universiti di Malaysia yang mempunyai paling ramai enrolmen mahasiswa pasca siswazah.

UTM menjadi universiti paling atas dalam kalangan negara ASEAN selepas Singapura. Ia berjaya menduduki tangga ke-63 terbaik di Asia dalam *QS World University Ranking 2016* dan tersenarai dalam kumpulan 100 universiti terbaik Asia menerusi penarafan *Times Higher Education (THE), Asia University Ranking 2016*.

UTM kekal berdaya saing dengan peningkatan kemantapan melalui penampilannya menerusi jaringan kerjasama strategik dengan universiti-universiti ternama dunia dan agensi-agensi korporat yang berwibawa.

Tadbir Urus Universiti



DYMM Raja Zarith Sofiah adalah seorang kerabat Diraja yang dihormati, berdaya intelek tinggi, seorang yang sangat dermawan serta kerabat Diraja yang berjiwa rakyat. Baginda terlibat secara aktif dalam penglibatan intelek serta kerja-kerja sukarela di dalam beberapa badan amal dan organisasi.

Baginda memperolehi *Bachelor of Arts (Hons.)* daripada *University of Oxford* pada tahun 1983 dan merupakan Alumni *University of Oxford*. Baginda adalah Penaung Diraja bagi *University of Oxford Malaysia Club 2011/2012* dan *Malaysian English Language Teachers Association (MELTA)*; dan ahli pertubuhan Diraja Pusat Pengajian

Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Selain itu, baginda terlibat secara aktif sebagai penceramah utama dalam pelbagai persidangan antarabangsa, malah amat dikenali dengan pandangan baginda mengenai pemahaman global dan perbezaan hubungan dalam kalangan pelbagai negara dan agama. Titah Diraja yang pernah disampaikan oleh baginda termasuk "*Voices of Peace, Conscience and Reason (PCORE) Forum*" pada tahun 2010 dan "*Unity & Multiculturalism: Building A Future Together (PCORE) Forum*" pada tahun 2013. Baginda juga telah menyampaikan titah Diraja / ucapnama dimajlis "*3rd Sultan Qaboos Award for Voluntary Work*" pada 5 Disember 2013 di Muscat, Oman setelah berkenan menerima jemputan Kerajaan Oman menerusi Kementerian Pembangunan Sosial negara tersebut. Di samping itu, baginda merupakan seorang penulis yang prolific dan juga penulis jemputan di akhbar *The New Straits Times Malaysia* dan *The Star*.

Senarai pencapaian baginda termasuklah sebagai Presiden Persatuan Pandu Puteri Johor dan Penaung bagi Persatuan Kanak-Kanak Spastik Johor, *Tebrau Rotary Foundation Club*, Persatuan Bulan Sabit Merah Johor dan Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia (NASAM). Baginda juga merupakan penggemar aktiviti melukis yang mana baginda telah diberi penganugerahan 'Ilustrasi Terbaik' bagi kategori buku kanak-kanak pada Majlis Anugerah Buku Negara yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Hubungan baginda dengan dunia pendidikan dan akademik tidak dapat dipisahkan. Sebagai Canselor Universiti Teknologi Malaysia, baginda terus menunjukkan minat dan komitmen yang padu dalam menyokong usaha-usaha ke arah memajukan universiti ini demi memartabatkan pendidikan tinggi Malaysia.

PRO-CANSELOR



Tan Sri Dr. Salleh bin Mohd. Nor
Pro-Canselor
(1.12.2010 - 30.11.2018)

Sains Negara, Anugerah Tun Abdul Razak, Anugerah Brand Laureate dan Anugerah Merdeka dalam bidang alam sekitar. Beliau telah mengetuai pelaksanaan inventori hutan negara pertama bagi Semenanjung Malaysia. Selain itu, beliau telah dilantik sebagai Profesor Adjung di beberapa Universiti tempatan dan bekas Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu. Satu lagi pencapaian beliau adalah dilantik sebagai Felo Kanan Akademi Sains Malaysia pada tahun 2004 yang membawa kepada gelaran '*Academician*'. Beliau juga ahli Lembaga Penyelidikan Antartika Sultan Mizan dan telah ke Antartika sebanyak empat kali. Pada 2012, beliau telah menjejak kaki di Everest Base Camp (EBC) dan menjadi warga negara yang tertua sampai ke sana. Beliau terlibat dalam beberapa NGO dan berperanan sebagai Presiden Persatuan Sains Malaysia, Persatuan Bekas Murid Maktab Tentera DiRaja (OPA), Ahli Lembaga Maktab Tentera DiRaja dan *Presiden Friends of Bukit Kiara*. Beliau juga telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah MNS.



Tan Sri Datin Paduka Siti Sadiah binti Sheikh Bakir
Pro-Canselor
(1.11.2016 - 31.10.2019)

Disember 2016. Pada tahun 2004 hingga 2012, Tan Sri merupakan ahli Lembaga Pengarah Bursa Malaysia Berhad. Selain KPJ Healthcare Berhad, syarikat tersenarai lain yang pernah mendapat khidmat Tan Sri adalah Damansara REIT Managers Sdn. Bhd dari tahun 2006 hingga Mac 2016, KFC (Holdings) Bhd. dan *QSR Brands* dari tahun 2010 hingga 2013, Kulim (Malaysia) Berhad dari tahun 2005 hingga 2016 serta *Chemical Company of Malaysia* (CCM), CCM Duopharma Biotech Berhad dan OSK Holdings Berhad. Tan Sri juga merupakan Pengerusi Nationwide Express Holdings Berhad selain *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH), sejak tahun 1997 hingga kini. Selain menerajui syarikat korporat, Tan Sri juga pernah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Akademik beberapa institusi pengajian tinggi Negara. Pada 1 Jun 2016, Tan Sri telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM), sebuah universiti pengurusan terunggul di Malaysia. Di atas kepimpinan dan sumbangan yang besar di dalam bidang korporat dan pendidikan, Tan Sri telah menerima penghargaan dari pelbagai pihak. Pada tahun 2010, Tan Sri menjadi wanita pertama dinobatkan sebagai "*CEO of The Year 2009*" oleh *New Straits Times Press* dan *American Express*.

Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor adalah seorang pakar perhutanan dan telah mengharumkan nama negara dalam bidang tersebut di dalam dan di luar negara. Beliau adalah perintis yang menubuhkan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Beliau juga mantan Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), yang mana beliau adalah Presiden yang paling lama berkhidmat, iaitu selama 30 tahun. Sebagai Presiden MNS, Salleh telah menubuhkan Taman Negeri Endau Rompin dan Taman Negara Belum selain dari beberapa usaha pemuliharaan lain. Salleh juga merupakan presiden Pertubuhan Kesatuan Antarabangsa Penyelidikan Perhutanan (IUFRO) pertama dari luar Amerika dan Eropah dalam tempoh 100 tahun sejarah IUFRO, iaitu pertubuhan antarabangsa yang menggabungkan penyelidik perhutanan di seluruh dunia. Salleh telah menerima pelbagai anugerah termasuk Anugerah Langkawi, Anugerah

Tan Sri Siti Sadiah telah dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mulai 1 November 2016. Beliau merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, KPJ Healthcare Berhad (KPJ), salah satu penyedia perkhidmatan kesihatan swasta yang terunggul di Malaysia. Tan Sri memulakan kerjayanya dengan Johor Corporation (JCorp) pada tahun 1974. Manakala pada 1989, Tan Sri telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif, Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn. Bhd. sehingga kepada penyenaian KPJ Healthcare Berhad di Bursa Malaysia pada tahun 1994. Tan Sri merupakan mantan Pengarah Urusan KPJ di mana tempoh perkhidmatan beliau adalah dari 1 Mac 1993 sehingga persaraannya pada 31 Disember 2012. Manakala, bermula 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2014, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Korporat KPJ. Selain itu, Tan Sri juga telah dilantik sebagai Pengerusi dan Pro-Canselor *KPJ Healthcare University College* (KPJUC) dari 1 Ogos 2011 hingga 31



Tan Sri Dato' Dr. Lin See Yan

Pro-Cancellor

(1.7.2016 - 30.6.2019)

Tan Sri Dato' Dr. Lin See Yan dilahirkan pada 3 November 1939 di Ipoh, Perak. Beliau mendapat pendidikan awal di Institusi St Michael sehingga 1957 sebelum meneruskan pengajian di Universiti Malaya di Singapura di mana beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi, Statistik dan Falsafah pada tahun 1960 dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi pada tahun 1961. Beliau kemudiannya telah dianugerahkan M.P.A. dalam bidang Kewangan di Harvard Kennedy School pada tahun 1970 dan M.A. dalam bidang Ekonomi Perniagaan daripada Sekolah Pengajian Siswazah Seni & Sains di Harvard University pada tahun 1972. Beliau menerima anugerah Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi (pengkhususan dalam Kewangan & Perbankan, dan Perdagangan Antarabangsa) pada tahun 1977 daripada Harvard University. Beliau menerima Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi dari Universiti Utara Malaysia pada tahun 2000 dan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2011. Beliau telah mendirikan rumahtangga bersama Puan Sri Emily Yap Nyuk Har dan dikurniakan dengan 4 orang cahaya mata.

Tan Sri Dato' Dr. Lin kini merupakan seorang perunding bebas dalam bidang strategik dan kewangan. Sebelum tahun 1998, beliau adalah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Pasifik selama 14 tahun dan kemudian memegang jawatan sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (Bank Negara Malaysia) di mana beliau berkhidmat sebagai seorang pegawai bank pusat untuk tempoh 34 tahun. Tan Sri adalah seorang British Chartered Scientist dan UK Chartered Statistician. Beliau mempunyai tiga sijil lepasan ijazah dari Universiti Harvard dan juga merupakan seorang Fellow Ford Foundation Mason. Beliau adalah seorang Eisenhower Fellow dan Fellow Institut IMF di Washington DC, Persatuan Statistik Diraja di London, Institut Bank-Bank Malaysia, Institut Insurans Malaysia, Institut Pengurusan Malaysia, dan Persatuan Ekonomi Malaysia. Beliau juga merupakan Felo Kehormat Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia. Tan Sri merupakan Pro-Cancellor & Profesor Penyelidik di Universiti Sunway dan Profesor Ekonomi (Adjung) di Universiti Utara Malaysia di samping menjadi Penasihat Ekonomi kepada Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia.

Tan Sri Dato' Dr. Lin kini merupakan ahli Ekonomi Kumpulan Majlis Kerja Perdana Menteri, Ahli Pertandingan Tribunal Rayuan, Pasukan Petugas Pengajian Tinggi Putrajaya, Kementerian Pengajian Tinggi, Jawatankuasa Naib Canselor di bukan Universiti Penyelidikan, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi, dan *Gabenor Asian Institute of Management, Manila* dan juga Pengarah Monash University Malaysia dan Universiti Sunway. Tan Sri adalah pemegang amanah untuk Tun Ismail Ali Foundation di PNB, *Program Fellowship Exchange Perdana Menteri*, Yayasan Jeffrey Cheah, Yayasan Persatuan Ekonomi Malaysia, dan Yayasan Kelab Harvard. Beliau menganggotai ahli Lembaga Pengarah syarikat seperti Ancom Berhad, Genting Berhad, Wah Seong Corporation Berhad, IGB REIT Management Sdn Bhd, Sunway Berhad, Silverlake Axis Limited, dan beberapa syarikat swasta di Malaysia, Singapura dan Indonesia. Beliau merupakan Pengerusi Emeritus Majlis Persatuan Siswazah Sekolah Alumni Universiti Harvard di Cambridge (Amerika Syarikat) dan Presiden Kelab Harvard di Malaysia.



Tan Sri Dato' Dr. Yahya bin Awang

Pro-Canselor

(1.7.2011 - 31.10.2016)

Tan Sri Dato' Dr. Yahya bin Awang yang berasal dari Muar, Johor dan dilahirkan pada 1950, merupakan Perunding Pakar Bedah Kardiotorasik di Pusat Jantung Damansara, Hospital Pakar Damansara, Selangor bermula Mac 2004. Beliau memperolehi *Fellowship* dari *The Royal College of Surgeons and Physicians of Glasgow* (FRCS) Scotland, United Kingdom. Beliau mula berkhidmat di Hospital Royal Brompton pada tahun 1981 dan seterusnya di Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun 1983. Pada Julai 1985, Dr. Yahya Awang dilantik sebagai Ketua dan Perunding Kanan Pakar Pembedahan Kardiotorasik di Jabatan Pembedahan Kardiotorasik di Hospital Besar Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan Pengarah Perubatan di Institut Jantung Negara (IJN) bermula 22 Oktober 1998 sehingga 22 Oktober 2002. Antara kejayaan beliau adalah mengetuai pembedahan pintasan jantung ke atas Tun Dr. Mahathir Mohammad pada 1989; merintis penubuhan Institut Jantung Negara Malaysia pada 1992; dan menjalankan pembedahan pemindahan jantung yang pertama kali di Malaysia pada 1998. Dr. Yahya juga merupakan salah seorang penerima Anugerah Merdeka 2013 dalam bidang Kesihatan, Sains & Teknologi.



Dato' Ir. Dr. Muhammad Ridzuan bin Hj. Salleh

Pro-Canselor

(16.3.2009 - 15.3.2016)

Dato' Ir. Dr. Muhammad Ridzuan Salleh merupakan seorang Jurutera Profesional yang terlibat dalam projek-projek kejuruteraan utama di dalam dan luar negara dan mempunyai kerjaya yang pelbagai sepanjang lebih daripada 28 tahun. Beliau telah memenangi banyak anugerah akademik, profesional dan Diraja selain banyak memegang jawatan dalam badan-badan kebangsaan dan antarabangsa yang berprestij. Beliau juga telah menerbitkan banyak kertas kerja di dalam jurnal dan prosiding persidangan antarabangsa. Dato' Ir. Dr. Muhammad Ridzuan pada masa ini adalah Pengerusi Yayasan Raja Zarith Sofia, Negeri Johor. Beliau juga merupakan Presiden Kenyir One Sdn. Bhd. Selain itu, beliau tergolong dalam kumpulan saintis yang terpilih sebagai Felo Pengasas Akademi Sains Malaysia.

Pengalaman beliau sebelum ini adalah sebagai Pengasas Ranhill Berhad, Pengarah Council of Tall Buildings and Urban Habitat di Chicago, Amerika Syarikat. Semenjak tahun 1980, Dato' Ir. Dr. Muhammad Ridzuan bin Hj. Salleh mula berkhidmat sebagai salah seorang ahli Global Advancement Council, LeHigh University, Bethlehem, Amerika Syarikat. Beliau juga adalah Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia dari April 1990 hingga Mei 1994 dan Pengerusi Majlis Penasihat Akademi Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pertahanan dari tahun 1995 hingga 2000.



Lembaga Pengarah Universiti 2016

**LEMBAGA
PENGARAH
UNIVERSITI
2016**



Tan Sri Dato' Mohd. Ramli bin Kushairi

Dato' Ir. Low Keng Kok

Tn. Hj. Baidilleh bin Ghazali

Tan Sri Abdul Halim bin Ali

Dato' Mohamed Nazim
bin Tun Abdul Razak

Datuk Prof. Dr. Roziah binti Omar

Datuk Senator Sr. Hj. Hanafi
bin Hj. Mamat

Wan Mohd. Zawawi bin
Wan Abd. Rahman
(Setiausaha)

Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar

Dato' Abu Bakar bin Mohd. Nor

Prof. Dato' Dr. Ahmad bin Darus

Dato' Hj. Ismail bin Karim

Tan Sri Abdul Halim bin Ali

Pengerusi, Lembaga Pengarah

Tan Sri Abdul Halim bin Ali telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UTM pada 13 Mac 2002. Selepas dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada tahun 1966, beliau berkhidmat di bawah Kementerian Luar Negeri sehingga 1996. Sepanjang tempoh itu, beliau memegang beberapa jawatan di Wisma Putra dan juga di Kedutaan Malaysia di luar negara, termasuk sebagai Duta Besar Malaysia di Vietnam dan Austria.

Beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara, Kerajaan Malaysia, pada tahun 1996 dan bersara pada tahun 2001. Selepas bersara, beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga Januari 2007. Pada masa ini, Tan Sri Abdul Halim adalah Pengerusi Malaysia Building Society Berhad, IJM Corporation Berhad dan Sedania Innovator Berhad.

Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar

Ahli Lembaga Pengarah

Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar merupakan Profesor dalam bidang Kejuruteraan Struktur, Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia. Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pensyarah di UTM pada tahun 1983 sebaik sahaja menamatkan pengajian diploma di UTM. Bermula tahun 1989, beliau telah dilantik memegang beberapa jawatan pentadbiran di peringkat fakulti antaranya Ketua Jabatan dan Timbalan Dekan. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina pada tahun 2008 dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) daripada tahun 2011 hingga 2013. Sepanjang menerajui Pejabat Harta Bina dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), beliau telah menguruskan projek-projek pembangunan utama Universiti yang bernilai mencecah kira-kira RM1 bilion selain bertanggungjawab melaksanakan inisiatif Kampus Lestari. Pada 1 September 2013, beliau telah

dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia yang keenam. Dari segi pendidikan, beliau memperoleh Ph.D dalam Kejuruteraan Struktur dari University of Birmingham dan Sarjana dalam Sains (Kejuruteraan Jambatan) dari University of Surrey, serta Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Awam) dari University of Strathclyde, United Kingdom. Merupakan seorang Jurutera Profesional (Dengan Perakuan Amalan) yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan merupakan Felo Institut Jurutera Malaysia, beliau juga menyandang keahlian dalam pelbagai badan profesional lain selain merupakan Ahli Kehormat kepada ASEAN Federation of Engineering Organization (AFEO). Bidang kepakaran beliau termasuklah penilaian struktur, konkrit prategasan, serta pengurusan projek.

Tan Sri Dato' Mohd. Ramli bin Kushairi

Ahli Lembaga Pengarah

Tan Sri Dato' Mohd. Ramli bin Kushairi, adalah Pengerusi South Malaysia Industries Berhad, Pengarah MASSCORP Berhad dan bekas Pengarah Gamuda Berhad. Beliau berkelulusan Hull University, United Kingdom, dengan Ijazah Kepujian dalam bidang Sains Sosial, dan menyambung pengajian di peringkat pasca siswazah di King's College, University of London. Perniagaannya termasuk pembangunan hartanah melalui Primamuda Holdings Sdn. Bhd. (Jalan Brickfields Redevelopment), perkhidmatan pemeriksaan kualiti dan kuantiti kepada industri minyak dan gas menerusi Petrotechnical Inspection Sdn. Bhd., sebuah syarikat sekutu SGS Group of Companies yang berpengkalan di Geneva. Beliau juga terlibat di dalam industri tenaga di Indonesia. Beliau adalah bekas Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Setiausaha Agung Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia dan Setiausaha Agung ASEAN-Chambers of Commerce and Industry.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan dari tahun 1980 hingga 1982. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai ahli Majlis Piawaian & Akreditasi Malaysia dan adalah mantan Pengerusi Jawatankuasa Majlis

Standard Kebangsaan. Tan Sri Ramli juga terlibat aktif dalam beberapa organisasi bukan kerajaan. Beliau telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tuanku Bainun pada 10 Jun 2002, dan Yayasan Suluh Budiman Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 1 Oktober 2002. Beliau juga adalah ahli dalam Kumpulan Perancang Luar University of Hull, United Kingdom, sejak 23 Jun 2003. Pada masa ini Tan Sri Ramli juga dilantik sebagai Presiden Eisenhower Fellows Association, Malaysia, yang merupakan sekutu Eisenhower Fellowships, Amerika Syarikat. Pada bulan November 2014, Tan Sri Ramli telah dianugerahkan Anugerah 'The Brand Laureate Most Eminent Brand ICON Leadership Award 2014' oleh organisasi The Brand Laureate.

Di atas sumbangan beliau kepada sektor awam dan sektor swasta, Tan Sri Ramli telah dianugerahkan Darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M), yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pada 5 Jun 1999. Tan Sri Ramli juga dianugerahkan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P), yang membawa gelaran 'Dato' oleh DYMM Sultan Perak pada 19 April 1988.

Dato' Mohamed Nazim bin Tun Abdul Razak

Ahli Lembaga Pengarah

Dato' Mohamed Nazim bin Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 16 Oktober 2009. Beliau adalah seorang arkitek bertauliah berkelulusan dari *Architectural Association, School of Architecture*, London, United Kingdom. Seterusnya, beliau berkhidmat dengan YRM Architects di London, yang merupakan perunding reka bentuk pelbagai disiplin bagi kategori bangunan. Beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1989 dan berkhidmat dengan Kumpulan Arkitek, Malaysia. Pada tahun 1992, beliau menubuhkan NRY Architects Sendirian Berhad. Beliau kini mempunyai lebih daripada 27 tahun pengalaman dalam bidang seni bina, di mana

23 tahun daripada pengalaman beliau adalah di Kuala Lumpur. Selain itu, Dato' Mohamed Nazim juga pernah dilantik sebagai ahli Bebas Bukan Eksekutif kepada Lembaga Pengarah Hong Leong Bank Berhad dan Hong Leong Islamic Bank Berhad selama 12 tahun. Beliau memegang jawatan sebagai ahli Bebas Bukan Eksekutif kepada HLG Capital Berhad, Ahli Jawatankuasa Bebas Audit Lembaga Pengarah dan Pengurusan Risiko kepada HLG Capital Berhad. Kini beliau juga merupakan Pengarah bagi The Legend Golf and Country Resorts Berhad dan 7-Eleven Malaysia Holdings Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Seven Convenience Berhad).

Dato' Abu Bakar bin Mohd Nor

Ahli Lembaga Pengarah

Dato' Abu Bakar bin Mohd Nor telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 1 Mac 2011. Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dan memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan dan Perakaunan dari University of Wales, United Kingdom. Beliau juga merupakan Ahli Institute of Chartered Accountants, England dan Wales dari tahun 1980 sehingga

kini. Beliau merupakan Pengarah Peremba (M) Sdn. Bhd. dan mempunyai pengalaman yang luas serta pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Saujana Consolidated Berhad, Pengarah Urusan Tradewinds (M) Berhad, Pengarah Eksekutif Landmarks Berhad, Ketua Pegawai Eksekutif Peremba Sdn. Bhd. dan Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS).

Dato' Ir. Low Keng Kok

Ahli Lembaga Pengarah

Dato' Low Keng Kok telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 1 Mei 2011. Dato' Ir. Low Keng Kok kini berjawatan Pengerusi di Fajarbaru Builder Group Bhd. dan Pengarah Fitters Diversified Bhd. Dato' Ir. Low Keng Kok pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan bersama Road Builder (M) Holdings Bhd. pada tahun 1998 hingga 2007. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan bangunan, infrastruktur dan penswastan projek-projek. Beliau aktif dalam beberapa badan profesional dan pernah dilantik menjawat beberapa jawatan termasuk sebagai Naib Presiden Master Builders Association Malaysia, Penemuduga Profesional Peperiksaan Penilaian Profesional Lembaga Jurutera Malaysia dan lain-lain jawatan dalam badan profesional yang lain termasuk

dilantik sebagai Penasihat Industri bagi beberapa buah universiti. Beliau juga merupakan Fellow of the Institution of Engineers, Malaysia (FIEM), Institut Lebuhraya dan Pengangkutan, United Kingdom (FCIHT), Member of the Chartered Institution of Water and Environmental Management,

UK (MCIWEM), Chartered Environmentalist, UK (C.Env) serta Institut Jurutera Awam, UK (MICE). Beliau merupakan seorang Jurutera Profesional (P.Eng.), seorang Jurutera Bertauliah (UK) (C.Eng). Beliau mendapat Diploma Bertauliah dalam Perakaunan dan Kewangan dari Persatuan Berkanun Akauntan Bertauliah, UK. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam Kejuruteraan Awam dari Universiti Malaya (B.Eng).

Datuk Prof. Dr. Roziah binti Omar

Ahli Lembaga Pengarah

Datuk Prof. Dr. Roziah binti Omar, Ketua Kluster Pembangunan Sosial Dan Kesejahteraan, Majlis Profesor Negara merupakan ahli akademik dan penyelidik yang berpengalaman dalam menjalankan penyelidikan, penulisan dan advokasi dalam bidang pembangunan sosial dan kesejahteraan. Bermula dari ijazah sarjana muda dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada tahun 1980, beliau telah melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat di peringkat sarjana dan kedoktoran. Pada tahun 1992, beliau telah dianugerahkan ijazah kedoktoran dari University of California, Berkeley, Amerika Syarikat. Selain dari itu beliau juga telah menghadiri kursus di Harvard University pada tahun 2003 dan Judge Business School, Cambridge University pada tahun 2014.

Datuk Prof. Dr. Roziah Omar juga mempunyai pengalaman luas dalam memegang jawatan pentadbiran di mana beliau pernah dilantik sebagai Dekan Pascasiswazah Universiti Malaya pada tahun 2000. Beliau juga merupakan bekas Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat pada tahun 2004. Pada tahun 2006, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Institut Asia Eropah, Universiti Malaya. Di samping itu, pelbagai program latihan kolaborasi peringkat antarabangsa bersama universiti ternama seperti Oxford University, Cambridge University dan Columbia University diperkukuhkan ketika beliau menjadi Pengarah AKEPT. Kini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTS), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Prof. Dato' Dr. Ahmad bin Darus

Ahli Lembaga Pengarah

Prof. Dato' Dr. Ahmad bin Darus telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 1 Mac 2014. Beliau sekarang bertugas sebagai profesor kontrak dan buat masa ini dilantik sebagai Pengerusi Majlis Profesor UTM. Prof. Dato'Dr. Ahmad juga adalah merupakan salah seorang daripada Ahli Senat Universiti yang telah dipilih bagi penggal kedua. Sebelum bertugas di UTM, beliau telah bertugas dengan Lembaga Elektrik Pusat (sekarang ini Tenaga Nasional Berhad) selepas menamatkan pengajian diploma di Institut Teknologi Kebangsaan.

Prof. Dato' Dr. Ahmad mempunyai pengalaman luas sebagai Pentadbir Akademik sejak tahun 1985 bermula daripada Ketua Jabatan sehingga menjawat sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik selama 10 tahun sebelum bersara wajib pada tahun 2010. Beliau juga telah dilantik oleh YAB Perdana Menteri sebagai Ketua Kluster Kejuruteraan, Teknologi dan Alam Bina, Majlis Profesor Negara bagi penggal kedua sehingga April 2016. Mulai 1 Jun 2016 sehingga 31 Mei 2018, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Profesor Negara Chapter UTM.

Datuk Senator Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat

Ahli Lembaga Pengarah

Datuk Senator Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Ogos 2014. Beliau merupakan Alumni UTM dan seorang Jurukur Tanah Bertauliah yang berpengalaman hampir 25 tahun dalam bidang kejuruteraan geomatik. Beliau menyambung pelajaran ke peringkat Diploma di UTM Jalan Semarak, Kuala Lumpur pada tahun 1973 dalam bidang ukur tanah. Beliau berperanan sebagai *Team Leader* di Projek Ukuran dan Penandaan Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand (*Malaysia-Thailand International Boundary Survey and Demarcation*) bermula pada tahun 1976 hingga 1978. Pada tahun 1981, beliau memperoleh ijazah *BSc (Hons) Surveying*

and Mapping Science pada tahun 1981 daripada North East London Polytechnic (NELP).

Beliau pernah menjawat jawatan Presiden Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA) selama dua penggal bermula dari tahun 2004 hingga 2008. Beliau juga merupakan *Fellow of the Royal Institution of Malaysian Surveyors (RISM)*, *Fellow of the Chartered Institute of Civil Engineering Surveyors (ICES)* dan juga *Member of the Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)*. Beliau kembali belajar di UTM dalam tahun 2001 dan memperoleh ijazah MSc dalam bidang *Land Administration and Development*.

Tn. Haji Baidilleh bin Ghazali

Ahli Lembaga Pengarah

Tn. Haji Baidilleh bin Ghazali mendapat Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam dari INTAN, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Teknologi MARA dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia. Beliau kini merupakan Ketua Penolong Pengarah Belanjawan, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.


Beliau memulakan kerjaya sebagai pegawai bank selama lima tahun dan seterusnya dalam perkhidmatan awam bermula tahun 1991. Beliau telah berkhidmat di beberapa kementerian antaranya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Kewangan.

Dato' Haji Ismail bin Karim

Ahli Lembaga Pengarah

Dato' Haji Ismail bin Karim telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada tahun 2014. Dato' Haji Ismail bin Karim telah menamatkan pelajaran beliau dalam Pengajian Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman dalam pelbagai sektor jabatan di dalam organisasi Kerajaan Negeri Johor. Pengalaman kerjaya beliau bermula di Pejabat Tanah Johor Bahru di mana beliau menyandang jawatan sebagai Penolong Pemungut Hasil Tanah (Pendaftaran) bermula pada Januari 1982 sehingga Oktober 1985. Beliau pernah dilantik sebagai Setiausaha di Majlis Daerah Segamat Selatan, Labis pada Januari 1992, sebelum menyambung tugas sebagai Ketua Penolong Pengarah 1 di Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Pada Mei 1998, beliau telah dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan kemudian ditempatkan di Pejabat Daerah Johor Bahru sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah pada Januari 2001. Setelah itu, beliau di tempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pentadbiran) sebagai Ketua Penolong Setiausaha bermula pada Jun 2001 sehingga 2004. Beliau dilantik menjadi Pegawai Daerah Kota Tinggi pada tahun 2009. Beliau telah diamanahkan sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula pada Jun 2013 hingga April 2014 sebelum dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Johor yang ke-23 pada 14 April 2014.



Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti 2016

**AHLI
JAWATANKUASA
PENGURUSAN
UNIVERSITI
2016**



Wahid bin Omar

Prof. Datuk Ir. Dr.
Naib Canselor
P.J.N., Ph.D. (Structural Eng.), (Birmingham),
M.Sc. (Bridge Eng.), (Surrey),
B.Sc. (Civil Eng.) (Hons.) (Strathclyde),
P.Eng. F.I.E.M., M.A.F.E.O

Ahmad Fauzi bin Ismail

Prof. Dr.
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Ph.D. (Chem. Eng. (Membrane Tech), (Strathclyde)
M.Sc. (Chem.), (UTM)
B.Sc. (Petroleum Eng.), (UTM)
FASc., CEng, FICHEM

Rose Alinda binti Alias

Prof. Dr.
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Ph.D. (Info. Sys.) (Salford),
M.Sc. (Comp. Info. Syst.) (Miami),
M.B.A (Miami),
B.Sc. (Comp. Sc.) (Miami)

Mohd Ismail bin Abd. Aziz

Prof. Dato' Dr.
**Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)**
DSAP, S.M.P., Ph.D. (Control Eng.) (London),
M.Sc. (Mathematics of Control) (Loughborough),
B.Sc. (Applied Mathematics) (UNSW),
M.M.M.S.S., I.E.E.E.

Azlan bin Ab. Rahman

Prof. Dr.
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
J.S.M., P.M.K., Ph.D. (Structural Eng.) (Surrey),
M.Sc. (Bridge Eng.) (Surrey),
B.Sc. (Civil Eng.) (UMIST)

Durrishah binti Idrus

Prof. Dr.
Pengarah UTM Kuala Lumpur
Ph.D. (Industrial Relations) (Stirling),
M.A. (Economic History) (UM),
B.A. (Arts) (UM)

**Wan Mohd. Zawawi bin
Wan Abd. Rahman**

Pendaftar
S.M.T., K.M.N., B.I.S. (Hons.) (UKM),

**Sharifah Alwiah binti
Syed Alwi**

Bendahari
B.B.A (Ohio Univ.),
Dip. (Accounting) (UiTM)



**Kamariah binti
Nor Mohd. Desa**

Dr.
Ketua Pustakawan
Ph.D (Information Management)(UiTM),
M.A. (Lib. & Info. Studies) (Loughborough),
B. L. Sc. (UiTM)

Masputeriah binti Hamzah

Prof. Dr.
Pengarah Hal Ehwal Korporat
P.I.S. II, Ph.D (English for Specific Purposes) (Western Australia)
M.A (Applied Linguistics) (Sheffield)
B.A (Language Studies) (Essex)

Abd. Latif bin Saleh

Prof. Dr.
Pengarah Kerja
Ph. D. (Structural Eng.), (Portsmouth),
M. Eng. (Structural Eng.)(UTM),
B. Eng. (Civil Eng.)(Hons)(Thames),

Ali bin Selamat

Prof. Dr.
**Ketua Pegawai Maklumat/ Pengarah Pusat Teknologi
Maklumat & Komunikasi**
Ph.D, Osaka Prefecture University, Japan.
M.Sc, Lancaster University, U.K.,
B.Sc. (Hons.) in IT Teesside University, U.K,
Diploma in Computer Science (UTM)

Nordin bin Yahaya

Prof. Dr.
Pengarah Kanan, UTM International
Ph.D. (Civil & Offshore Eng.) (Heriot-Watt),
M.Sc. (Offshore Eng.) (Cranfield),
B.Eng (Civil) (Salford)

Shahrin bin Mohammad

Prof. Dr.
Pengarah, Pengurusan Strategi
Ph.D (Civil Eng.) (Sheffield)
M.Phil (Struct. Eng.) (Newcastle)
Post Grad. Dip. (Struct. Eng.)
B.Eng (Hons) (Civil Eng.) (Liverpool)

Abdul Karim bin Abdul Aziz

Pegawai, Undang-Undang
Adv. Dip. In Law (ITM),
Dip. In Law (ITM)

Ahmad Musthafa bin Jamil
(Setiausaha)

Timbalan Pendaftar /Setiausaha
MBA (Strategic Management) (UTM) ,
B.Sc.s. (Social Sciences)(USM)

Ahli Senat

1. PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR P.J.N.
Naib Canselor
Ph. D. (Structural Eng.) (Birmingham),
M. Sc. (Bridge Eng.) (Surrey),
B. Sc. (Civil Eng.)(Hons.), (Strathclyde), P. Eng.,
F.I.E.M.,M.A.F.E.O.
2. PROF. DR. ROSE ALINDA BINTI ALIAS
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)
Ph.D. (Info. Sys.) (Salford),
M.Sc. (Comp. Info. Syst.) (Miami),
M.B.A. (Miami), B.Sc. (Comp. Sc.) (Miami)
3. PROF. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Ph. D. (Chem. Eng. Membrane Tech.)
(Strathclyde),
M. Sc. (Chem.) (UTM),
B. Sc. (Petroleum Eng.) (UTM), FASc. (Malaysia),
(Eng.UK), FICHEME. (UK)
4. PROF. DR. AZLAN BIN AB. RAHMAN
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
J.S.M.,P.M.K., Ph. D. (Struct. Eng.) (Surrey),
M. Sc. (Bridge Eng.) (Surrey),
B. Sc. (Civil Eng.) (UMIST)
5. PROF. DATO' DR. MOHD ISMAIL BIN ABD. AZIZ
D.S.A.P., S.M.P.
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa
& Alumni)
Ph.D. (Control Eng.) (London),
M. Sc. (Mathematics of Control)
(Loughborough),
B. Sc. (Applied Mathematics) (UNSW),
M.M.M.S.S., I.E.E.E.
6. PROF. DR. DURRISHAH BINTI IDRUS
Pengarah UTM Kuala Lumpur
Ph. D. (Industrial Relations) (Stirling)
M. A. (Economic History) (UM)
B. A. Hons. (History) (UM)
7. PROF. DR. ZAIDATUN BINTI TASIR
Dekan Sekolah Pengajian Siswazah
Ph. D. (Edu. Tech.) (UTM), M. Ed. (Edu. Media
& Comp.) (Arizona State), B. Sc. & Comp. with
Edu. (Maths.) (UTM)
8. PROF. MOHD ZAKI BIN KAMSAH
Dekan Pengajian Prasiswazah
Ph. D. (Chemical Eng.) (Wales),
M. Sc. (Process Eng.) (Strathclyde),
B. Sc. (Chem. Eng.) (Toledo)
9. PROF. MADYA DR. ROSLAN BIN AMIRUDDIN
Dekan Fakulti Alam Bina
Ph. D. (Reading),
M. Sc. (Const. Eng.) (Leeds)
B. Sc. (Civil Eng.) (Glasgow)
10. PROF. DR. JOHARI HALIM SHAH BIN OSMAN
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Ph. D. (Control Eng. Robotics) (City Univ.)
(London),
M. Sc. (Electrical Eng.) (Illinois),
B. Sc. (Physics) (Illinois)
11. PROF. SR. DR. MISWAN @ ABDUL HAKIM
BIN MOHAMMED
Dekan Fakulti Geoinformasi & Harta Tanah
Ph. D. (Construction Strategic Management)
(London),
M. Sc.(Contraction) (Loughborough),
B. Sc. (Quantity Surveying) (UTM),
Dip. (Quantity Surveying) (UTM),
M.A.F.M., B.I.F.M., M.i.C.R.A., R.I.S.M., R.Q.S.
12. PROF. DR. BAHARUDDIN BIN ARIS
Dekan Fakulti Pendidikan
Ph. D. (Multimedia) (Robert Gordon University),
M. Sc. (Instr. Tech.) (Iowa State University),
B. Sc. (Ag. Sc.) (Iowa State University)
13. PROF. DR. NOORDIN BIN HJ. MOHD YUSOF
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Ph. D. (Mech. Eng.) (UTM),
M. Sc. (Advanced Manufacturing Technology)
(Cranfield Institute of Technology, UK),
B. Mech. Eng. (Hons.) UTM
14. PROF. DR. ZAINAB BINTI KHALIFAH
Dekan Fakulti Pengurusan
Ph. D. (Tourism Management) (Strathclyde),
M. A. (Applied Economics) (Illinois),
B. Sc. (Economics) (Illinois)

15. PROF. DR. JASMY BIN YUNUS
Dekan Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan
Ph. D. (Electronics) (Canterbury),
M. Sc., (Electronics) (Canterbury),
B. Sc. (Comm. Eng.) (C.N.A.A.)
16. PROF. DR. ZAINUDDIN BIN ABDUL MANAN
Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga
Ph. D. (Chemical Eng.) (Edinburgh),
M. Sc. (Process Intergration) (U.M.I.S.T.),
B. Sc. (Chemical Eng.) (Houston)
17. PROF. MADYA DR. ARIEFF SALLEH BIN ROSMAN
Dekan Fakulti Tamadun Islam
Ph.D. (Fiqh and Usul Fiqh)(IIUM),
M. Islamic Studies (Syariah)(UKM),
B.A. (Hons)(Syariah and Islamic Studies)(Jordan)
18. PROF. IR. DR. SHA'RI BIN MOHD YUSOF
Dekan Sekolah Razak UTM Dalam Kejuruteraan & Teknologi Termaju
Ph.D (Manufacturing and Mechanical) (Birmingham),
M.Sc. (Eng.)(Integrated Quality Systems) (Birmingham),
B.Sc. (Industrial Engineering)(Miami), P.Eng., M.I.E.M., S.M.A.S.O.
19. PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN
Dekan Sekolah Informatiks Termaju
Ph. D. (Comp. Sc.) (Aston),
M. Sc. (Comp. Sc.) (Central Michigan),
B. Sc. (Comp. Sc.) (Western Michigan)
20. PROF. DATIN DR. RUBIYAH BINTI YUSOF
Dekan Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia - Jepun
Ph. D. (Electrical & Electronics Eng.) (Tokushima University),
M. Sc. (Control System) (Cranfield),
B. Sc. (Electrical & Electronics Eng (Loughborough),I.E.E.E., A.C.A.
21. PROF. MADYA DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL RAOF
Dekan Akademi Bahasa
Ph. D. (Language Testing & Evaluation) (Reading) ,
M. A. (TESL) (Northern Arizona),
B.A. (Linguistics) (Iowa)
22. PROF. DR. MOHD FUA'AD BIN HJ. RAHMAT
Dekan Sekolah Pendidikan Profesional & Pendidikan Berterusan (UTMSPACE)
Ph. D. (Instrumentation Eng.), (Sheffield Hallam) (UK),
M. Sc. (Control System), (Sheffield) (UK),
B. Electrical Eng. (Hons), UTM, M.I.E.E.E.
23. PROF. DR. KHAIRUL ANUAR BIN KASSIM
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam
Ph. D. (Civ. Eng.) (Newcastle Upon Tyne)
M. Sc. (Geotech) (Newcastle Upon Tyne),
B. Eng. (Civ. Eng.) (Middlesex), (UK),
Dip. (Civ. Eng.) (UTM)
24. PROF. DR. NORSARAHADA BT SAIDINA AMIN
Dekan Fakulti Sains
Ph. D. (Fluid Mechanics) (UEA),
M. Sc. (Eng. Sc. And App. Maths)(Northwestern),
B. Sc. (Hons.) (App. Maths) (Adelaide)
25. PROF. DR. WAN KHAIRUZZAMAN BIN WAN ISMAIL
Dekan Sekolah Perniagaan Antarabangsa
Ph. D. (Work Design) (Derby),
M. B. A (Management) (Western Michigan),
B. B. A. (Management) (Western Michigan)
26. PROF. DR. ABDUL SAMAD BIN ISMAIL, P.I.S. II,
Dekan Fakulti Komputeran
Ph. D. (Comp. Sc.) (Wales),
M. Sc. (Comp. Sc.) (Central Michigan),
B. Sc. (Math. And Comp. Sc.) (Wisconsin)
27. PROF. DR. MADZLAN BIN AZIZ, S.A.P.
Dekan Penyelidikan, Bahan Terkehadapan
Ph. D. (Physical Chemistry) (De Montfort),
M. Sc. (Physical Chemistry) (U.M.I.S.T.),
B. Sc. (Applied Chemistry) (C.N.A.A. Newcastle),
A.M.I.C., M.A.S.S.

28. PROF. DR. ROSLI BIN MD. ILIAS
Dekan Penyelidikan, Kesihatan dan Kesejahteraan
Ph. D. (Molecular Biology) (Edinburgh),
B. Sc. (Microbiology) (UKM)
29. PROF. IR. DR. ABU SAHMAH BIN MOHD SUPA'AT
Dekan Penyelidikan, Kejuruteraan Inovatif
Ph. D. (Photonics Switching) (UTM),
M. Eng. (Optical Comm.) (UTM),
B. Sc. (Electrical Eng.) (UTM)
30. PROF. DR. ZULKIFLI BIN YUSOP
Dekan Penyelidikan, Kelestarian Sumber
Ph. D. (Env. Hydrology) (Manchester),
M. Sc. (Env. Sc.) (UPM),
B. Sc. (Comp. Sc.) (UPM), (F.ASc)
31. PROF. DR. MOHD AIZAINI BIN MAAROF
Dekan Penyelidikan, Komuniti Digital Pintar
Ph. D. (Comp. Sc) (Aston Univ.),
M. Sc. (Comp. Sc.) (Central Michigan),
B. Sc. (Comp. Sc.) (Western Michigan)
32. PROF. DR. NORDIN BIN YAHAYA
Profesor, Fakulti Kejuruteraan Awam
Ph. D. (Civil & Offshore Eng.) (Heriot-Watt),
M. Sc. (Offshore Eng.) (Cranfield),
B. Eng. (Civil) (Salford)
33. PROF. DR. OMAR BIN YAAKOB
Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Ph. D. (Marine Technology) (Newcastle),
M. Sc. (Marine Technology) (Newcastle),
B. Sc. (Marine Engineering) (Newcastle),
C. Eng. (United Kingdom), Fellow R.I.N.A.,
Associate A.S.M.
34. PROF. DR. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM
Profesor, Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Ph. D. (Electronic Instrumentation Eng.) (Sheffield Hallam)
B. Eng. (Electronic System & Control Eng.) (Sheffield City)
35. PROF. IR. DR. HASANAN BIN MOHD NOR
Profesor, Fakulti Kejuruteraan Awam
Ph. D. (Civil. Eng.) (UTM),
M. Sc. (Highway Eng.) (Birmingham),
B. Sc. (Civil. Eng.) (Leeds),
Post Grad. Dip. (Tech. Mgmt.) (UTM),
M.I.E.M., P. Eng., M.I.H.T., M.A.A.P.T.
36. PROF. DR. AZMAN BIN HASSAN
Profesor, Fakulti Kejuruteraan Kimia
Ph. D. (Polymer Tech.) (Loughborough),
M. Sc. (Plan & Process Design) (Strathclyde),
B. Sc. (Polymer Chem. & Tech.) (Wales)
37. PROF. DR. KAMARUL 'ASRI BIN IBRAHIM
Profesor, Fakulti Kejuruteraan Kimia
Ph. D. (Chem. Eng.) (Newcastle),
M. Sc. (Chem. Eng.) (Colorado State),
B. Sc. (Chem. Eng.) (Ohio)
38. PROF. DR. ESAH BINTI HAMZAH
Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Ph. D. (Metallurgy) (U.M.I.S.T.),
M. Sc. (Metallurgy) (U.M.I.S.T.)
B. Sc. (Materials Science & Tech.) (Wales),
F.I.M.M., C. Eng., C. Mar. Eng., MiMarEST
39. PROF. DR. NAOMIE BINTI SALIM
Profesor, Fakulti Komputeran
Ph. D. (Information Studies) (Sheffield),
M. Sc. (Computer Science) (Wester Michigan), B.
Sc. (Computer Science) (UTM)
40. PROF. DATO' DR. AHMAD NAZRI BIN MUHAMAD LUDIN
Profesor, Fakulti Alam Bina
S.M.P., Ph. D. (Remote Sensing/GIS) (Bristol),
M. Sc. (Applied Remote Sensing) (Cranfield),
Adv. Dip. (Town and Regional Planning) (UiTM),
M.M.I.P., M.B.T.P.M.
41. PROF. EMERITUS DATO' IR. DR. ZAINAI BIN MOHAMED, J.S.M., D.P.S.K.
Profesor, Sekolah Razak UTM Dalam Kejuruteraan & Teknologi Termaju
Ph. D. (Civil Structural Eng.) (Cambridge),
M. Sc. (Strath.),
B. Sc. (Hons.) (Civil Eng.),
Dip. Civil Eng., M.I.E.M., P.Eng., F.C.C.S.
42. PROF. DR. MOHD. HAMDAN BIN AHMAD, S.A.P.
Profesor, Fakulti Alam Bina
Ph. D. (Architecture) (Manchester),
B. Arch. (Architecture), (Miami) ,GBIF
43. PROF. DR. WAN AZELEE BIN WAN ABU BAKAR
Profesor, Fakulti Sains
Ph. D. (Nottingham),
M. Sc. (Edinburgh),
B. Sc. (UKM), A.M.I.C.

44. PROF. DR. ABDULL RAHIM BIN HJ MOHD YUSOFF
Professor, Ibnu Sina Institute For Scientific
and Industrial Research
Ph.D (Loughborough),
M.Phil (Newcastle Upon -Tyne),
B.Sc. (Liverpool)
45. PROF. DR. AHMAD RAHMAN BIN SONGIP
Profesor, Institut Teknologi Antarabangsa
Malaysia - Jepun
Dr.Eng. (Chemical Engineering)(Kyoto),
M.ChE. (Chemical Engineering)(Chicago),
B.Sc. (High Honors) (Chemical Engineering)
(Chicago)
46. PROF. DR. MUHAMMAD HISYAM LEE @
LEE WEE YEOW
Profesor, Fakulti Alam Bina
Ph. D. (Mathematics) (UTM),
M. Sc. (Statistics) (UKM),
B. Sc. (Hons.) (Statistics) (UKM), I.S.M.,
I.B.F., I.E.E.E., A.C.M., I.S.O.S.S., A.M.S.,
P.E.R.S.A.M.A., A.S.A.S.I., I.M.S.
47. PROF. DR. MASPUTERIAH BINTI HAMZAH, P.I.S. II
Profesor, Akademi Bahasa
Ph. D. (English for Specific Purposes) (Western
Australia),
M. A. (Applied Linguistics) (Sheffield),
B. A. (Language Studies) (Essex)

Turut Hadir

48. PROF. DR. SHAHRIN BIN MOHAMMAD
Pengarah, Pengurusan Strategi
Ph. D. (Civil Eng.) (Sheffield),
M. Phil. (Structural Eng.)(Newcastle),
Post Grad. Dip. (Structural Eng.) (Newcastle),
B. Eng. (Hons.) (Civ. Eng.) (Liverpool)
49. PROF. MADYA DR. KASSIM BIN THUKIMAN
Pengarah Penerbit UTM Press
Ph. D. (Mgt.) (UTM),
M. Sc. (HRD) (UTM),
B.A. (Hons.) (UM)
50. PROF. DR. AMRAN BIN MD RASLI, J.S.M.
Pengarah Pusat Inovasi & Pengkomersilan
Ph. D. (Society, Business and Globalisation)
(Roskilde),
M.A. (Business Administration) (Central Missouri),
B.A. (Statistics) (Chico)

51. PROF. IR. MEGAT JOHARI BIN MEGAT
MOHD. NOR
Pengarah, Pusat Kualiti dan Pengurusan
Risiko
P. Eng., M. Sc. (WEDC) (Loughborough),
B. Sc. (Hons.) (Civil) (Loughborough),
J.S.M., F.I.E.M., F.M.S.E.T., M.MY.W.P.,
M.M.A.N.C.I.D.
52. PROF. MADYA DR. AMINUDDIN BIN
RUSKAM
Pengarah Pusat Islam
Ph.D. (Islamic Criminal Law) (UM),
Msc. (Education Technology)(UTM)
B.Sc. (Islamic Studies)(Syariah & Law)(UKM),
Dip. (Phylosophy of Science)(IPI)

Ex-Officio

53. WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD.
RAHMAN, S.M.T., K.M.N.
Pendaftar
B.I.S. (Hons.) (UKM)
54. SHARIFAH ALWIAH BINTI SYED ALWI
Bendahari
B.B.A. (Ohio),
Dip. (Accounting) (ITM)
55. DR.KAMARIAH BINTI NOR MOHD. DESA
Ketua Pustakawan
Ph.D (Information Management)(UiTM),
M.A. (Lib. & Info. Studies) (Loughborough),
B. L. Sc. (UiTM)
56. ABDUL KARIM BIN ABDUL AZIZ
Timbalan Pendaftar, Pejabat Penasihat
Undang-Undang
Adv. Dip. In Law (ITM),
Dip. In Law (ITM)

Setiausaha

57. NAJMAH BINTI SHAMSUDDIN
Pegawai Tadbir Gred Jawatan Utama
JUSA C (VU07)
M.Sc. Pengurusan (Teknologi) (UTM) ,
B.A. (Southeast Asian Studies) (UM)

Maklumat Korporat Universiti

Maklumat Korporat Universiti

Ahli Lembaga Pengarah Universiti 2016

Bil.	Keahlian	Nama	Jawatan	Tempoh Lantikan
1.	Pengerusi	Tan Sri Abdul Halim bin Ali	Pengerusi Malaysia Building Society Berhad	15.03.2002 - 14.03.2018
2.	Ahli	Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar	Naib Canselor UTM	01.09.2013 - 31.08.2018
3.	Ahli	Tan Sri Dato' Mohd. Ramli bin Kushairi	Pengerusi South Malaysia Industries Berhad	15.03.2002 - 14.03.2018
4.	Ahli	Dato' Mohamed Nazim bin Tun Abdul Razak	Pengarah Urusan NRY Architects Sdn. Bhd.	16.10.2009 - 15.10.2017
5.	Ahli	Dato' Abu Bakar bin Mohd Nor	Pengarah Peremba Malaysia Sdn Bhd	01.03.2011 - 28.02.2018
6.	Ahli	Dato' Ir. Low Keng Kok	Independant Non-Executive Chairman Fajarbaru Builder Group Berhad	01.05.2011 - 30.04.2018
7.	Ahli	Tn. Hj. Baidilleh bin Ghazali	Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara, Pejabat Pengarah Belanjawan, Kementerian Kewangan Malaysia	16.11.2015 - 15.11.2018
8.	Ahli	Prof. Dato' Dr. Ahmad bin Darus	Pengerusi Majlis Profesor UTM	01.03.2014 - 28.02.2017
9.	Ahli	Datuk Prof. Dr. Roziah binti Omar	Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Swasta), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia	01.12.2015 - 30.11.2018

Ahli Lembaga Pengarah Universiti 2016

Bil.	Keahlian	Nama	Jawatan	Tempoh Lantikan
10.	Ahli	Datuk Senator Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat	Pengarah Eksekutif Wira Ukur Consultant	01.08.2014 - 31.07.2017
11.	Ahli	Dato' Haji Ismail bin Karim	Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	01.09.2014 - 31.08.2017
12.	Setiausaha	Wan Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman	Pendaftar, UTM	12.12.2004 - 17.06.2020

Tarikh Mesyuarat LPU

Bil.	Tarikh Mesyuarat	Bilangan Mesyuarat
1	13 Januari 2016	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 85
2	11 Februari 2016	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 1/2016
3	16 Mac 2016	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 86
4	21 April 2016	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 2/2016
5	3 Mei 2016	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 3/2016
6	8 Jun 2016	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 87
7	30 Ogos 2016	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 88
8	1 November 2016	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 89
9	25 - 27 November 2016	<i>LPU Retreat 2016</i>



LPU Retreat 2016



Program K-Sharing YBhg. Tan Sri Dato' Mohd. Ramli bin Kushairi "Our Turning Point : Entrepreneurial University"

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti 2016

Bil	Nama	Jawatan	Tempoh Lantikan Ahli JPU
1.	Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar	Naib Canselor	1.9.2013 - 31.8.2016 1.9.2016 - 31.8.2018
2.	Prof. Dr. Rose Alinda binti Alias	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	16.1.2012 - 15.1.2017
3.	Prof. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	16.1.2015 - 15.1.2018
4.	Prof. Dr. Mohd. Ismail bin Abd. Aziz	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)	16.2.2013 - 15.2.2016 16.2.2016 - 15.5.2018
5.	Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)	1.12.2013 - 30.11.2016 1.12.2016 - 30.11.2018
6.	Prof. Dr. Durrishah binti Idrus	Pengarah UTM Kuala Lumpur	1.2.2015 - 31.1.2017
7.	Wan Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman	Pendaftar	15.12.2004 - sekarang
8.	Sharifah Alwiah binti Syed Alwi	Bendahari	1.1.2011 - 31.1.2017
9.	Dr. Hajjah Kamariah binti Nor Mohd. Desa	Ketua Pustakawan	15.3.2004 - sekarang
10.	Prof. Dr. Abd. Latif bin Saleh	Pengarah Kerja	15.10.2015 - 14.10.2017
11.	Prof. Dr. Ali bin Selamat	Ketua Pegawai Maklumat / Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi	1.2.2015 - 31.1.2017
12.	Abdul Karim bin Abdul Aziz	Pegawai Undang-Undang, Pejabat Penasihat Undang-Undang	1.1.2011 - sekarang
13.	Prof. Dr. Masputeriah binti Hamzah	Pengarah Hal Ehwal Korporat	1.12.2015 - 30.11.2017
14.	Prof. Dr. Nordin bin Yahaya	Pengarah Kanan, Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa	1.3.2015 - 28.2.2017
15.	Prof. Dr. Shahrin bin Mohammad	Pengarah Pengurusan Strategi	1.2.2016 - 31.1.2018
16.	Ahmad Musthafa bin Jamil	Timbalan Pendaftar / Setiausaha	3.7.2016 - sekarang

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti 2016 (Tamat Tempoh)

Bil	Nama	Jawatan	Tempoh Lantikan Ahli JPU
1.	Prof. Dr. Shahrin bin Mohammad	Pengarah Kanan, Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko UTM	1.2.2015 - 12.6.2016
2.	Abdul Razib bin Hj. Shahuddin	Timbalan Pendaftar Kanan/ Setiausaha	26.7.2015 - 3.7.2016

Senarai Jawatankuasa

Bil.	Jawatankuasa Lembaga
1	Jawatankuasa Audit
2	Jawatankuasa Kewangan
3	Jawatankuasa Pelaburan
4	Jawatankuasa Tatatertib - Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat) - Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat) - Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat) - Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat) - Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan (Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat) - Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan (Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat)
5	Jawatankuasa Pemilihan bagi Pelantikan ke Suatu Jawatankuasa Kursi Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan
6	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar
7	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti

Senarai Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa

Jawatankuasa Audit	
Tarikh ditubuhkan	26 September 1994
Rujukan Minit Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa	Mesyuarat Majlis ke 92 (kini Lembaga Pengarah UTM) bertarikh 26 September 1994
Fungsi dan Bidang kuasa Jawatankuasa	1. Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya. 2. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam. 3. Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Luar. 4. Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga Pengarah. 5. Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan. 6. Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada audit dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah. 7. Mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah serta tata kelakuan pegawai / kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam Badan Berkanun yang berkaitan. 8. Memastikan bahawa Badan Berkanun sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan iktisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa. 9. Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. 10. Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan, untuk tindakan yang sesuai.
Ahli- ahli Jawatankuasa	Pengerusi - Dato' Ir. Low Keng Kok Ahli - Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi - Tn. Hj. Baidilleh bin Ghazali - Dato' Dr. Ahmad bin Darus - Dato' Hj. Ismail bin Karim - Datuk Prof. Dr. Roziah binti Omar Setiausaha - M. Sahidi bin Saigon (Ketua Juruaudit, Unit Audit Dalam)
Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	1. Bil. 1/2016 – 30 Mei 2016 2. Bil. 2/2016 – 3 November 2016 3. Bil. 3/2016 – 6 Disember 2016

Jawatankuasa Kewangan Universiti

Tarikh ditubuhkan	1973
Rujukan Minit Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa	-
Fungsi dan Bidang kuasa Jawatankuasa	1. Mengkaji dan memperakukan dasar dan Peraturan Kewangan Universiti. 2. Memperakukan permohonan belanjawan mengurus untuk pertimbangan Lembaga Pengarah Universiti. 3. Menerima dan memperakukan Penyata Kewangan, laporan prestasi kewangan dan aktiviti Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti. 4. Memperakukan program baru yang melibatkan implikasi kewangan. 5. Mencadangkan kepada pengurusan di mana perlu langkah-langkah perubahan dasar berhubung dengan pengurusan harta dan sumber dan lain-lain tindakan yang melibatkan implikasi kewangan. 6. Memperakukan cadangan pelupusan harta dan hapuskira hutang Universiti. 7. Memperakukan cadangan penetapan/perubahan yuran pengajian program akademik.
Ahli-ahli Jawatankuasa	Pengerusi - Tan Sri Abdul Halim bin Ali (LPU) Ahli - Dato' Abu Bakar bin Mohd Nor - Datuk Prof. Dr. Roziah binti Omar - Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar - Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman Setiausaha - Sharifah 'Alwiah binti Syed Alwi (Bendahari)
Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	1. Bil. 1/2016 – 10 Mac 2016 2. Bil. 2/2016 – 16 Mei 2016 3. Bil. 3/2016 – 11 Ogos 2016 4. Bil. 4/2016 – 19 Oktober 2016

Jawatankuasa Pelaburan (Tunai dan Ekuiti)

Tarikh ditubuhkan	22 Jun 2011
Rujukan Minit Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bertarikh 22 Jun 2011
Fungsi dan Bidang kuasa Jawatankuasa	1. Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah dasar dan strategi pelaburan. 2. Memantau prestasi pelaburan semasa. 3. Menerima dan meneliti laporan dari pengurus dana tentang strategi pelaburan dan kedudukan semasa. 4. Membuat laporan berkala kepada Lembaga Pengarah Universiti. 5. Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah agihan keuntungan daripada pelaburan. 6. Mengemukakan cadangan untuk pelaburan baru dan penjualan pelaburan kepada Lembaga Pengarah Universiti. 7. Mengenal pasti risiko dalam pelaburan dan kaedah mengatasinya. 8. Menilai dan memperaku pelaburan dalam Ekuiti dan Pelaburan Terus Dalam Sekuriti Boleh Dagang.
Ahli-ahli Jawatankuasa	Pengerusi - Dato' Ir. Low Keng Kok Ahli - Dato' Abu Bakar bin Mohd Nor - Dato' Mohamed Nazim bin Tun Abdul Razak - Tn. Hj. Baidilleh bin Ghazali - Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar - Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman Setiausaha - Sharifah 'Alwiah binti Syed Alwi (Bendahari)
Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	1. Bil. 1/2016 – 1 Ogos 2016

Keanggotaan & Bidang Kuasa Jawatankuasa Tatatertib
dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib bagi Badan Berkanun

Kategori Pegawai	Bidangkuasa	Jawatankuasa Tatatertib		Jawatankuasa Rayuan Tatatertib	
		Keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib	Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib	Bilangan dan Tarikh Mesyuarat
Ketua Pengarah Timbalan Ketua Pengarah Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti ("Lembaga") Anggota: Ketua Setiausaha Kementerian 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-	Pengerusi: Menteri Anggota: 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-
Ketua Pengarah Timbalan Ketua Pengarah Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi: Pengerusi Lembaga Anggota: Ketua Setiausaha Kementerian 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-	Pengerusi: Menteri Anggota: 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-

Kategori Pegawai	Bidangkuasa	Jawatankuasa Tatatertib		Jawatankuasa Rayuan Tatatertib	
		Keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib	Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib	Bilangan dan Tarikh Mesyuarat
Kumpulan Pengurusan dan Professional Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976	Tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi: Pengerusi Lembaga Anggota: Ketua Setiausaha Kementerian 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-	Pengerusi: Menteri Anggota: 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-
Kumpulan Pengurusan dan Professional Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976	Tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi: Ketua Pengarah Anggota: Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pentadbiran) 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-	Pengerusi: Ketua Setiausaha Kementerian Anggota: 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-

Kategori Pegawai	Bidangkuasa	Jawatankuasa Tatatertib		Jawatankuasa Rayuan Tatatertib	
		Keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib	Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib	Bilangan dan Tarikh Mesyuarat
Kumpulan Sokongan Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976	Tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi: Ketua Pengarah Anggota: Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pentadbiran) Penasihat Undang-Undang Kementerian 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	Bil 1/2016 13 Januari 2016 Bil 2/2016 11 Februari 2016 Bil 3/2016 3 Mei 2016	Pengerusi: Ketua Setiausaha Kementerian Anggota: 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	Bil 1/2016 25 Julai 2016
Kumpulan Sokongan Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976	Tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi: Timbalan Ketua Pengarah Anggota: Ketua bahagian yang bertanggung-jawab bagi hal pentadbiran di Kementerian Penasihat Undang-Undang Kementerian 2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-	Pengerusi: Ketua Pengarah Anggota: Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pentadbiran) Seorang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga	-

**Jawatankuasa Pilih bagi Pelantikan ke Suatu Jawatan Kursi dan ke Jawatan Pendaftar,
Bendahari dan Ketua Pustakawan**

Tarikh ditubuhkan	1 Jun 1998
Rujukan minit mesyuarat penubuhan jawatankuasa	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1 bertarikh 1 Jun 1998
Fungsi dan bidang kuasa jawatankuasa	- Memperakukan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk - Pelantikan - Penetapan gaji permulaan - Kenaikan pangkat - Pembaharuan kontrak - Pinjaman ke agensi luar termasuk penyambungan pinjaman - Pemangkuan dan penanggungan kerja - Penamatan perkhidmatan dan persaraan pilihan dan - Lain-lain perkara yang berkaitan dengan perjawatan staf terlibat. - Meluluskan pengesahan dalam jawatan dan pelanjutan tempoh percubaan.
Ahli-ahli jawatankuasa	Pengerusi - Naib Canselor Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar Ahli - 2 Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tan Sri Dato' Mohd. Ramli bin Kushairi Datuk Haji Hanafi bin Mamat - 2 Ahli Senat Prof. Dr. Rose Alinda binti Alias Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) - Ahli Ganti Prof. Dr. Azlan bin Abdul Rahman Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Setiausaha - Pendaftar Wan Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman
Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	- Bil.1/2016 – 11 Januari 2016 - Bil.2/2016 – 11 Mac 2016 - Bil.3/2016 – 19 Mei 2016 - Bil.4/2016 – 23 Ogos 2016 - Bil 5/2016 – 19 Oktober 2016

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar


Tarikh ditubuhkan	1 Februari 2009
Punca Kuasa	Seksyen 16(B) (5) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009)
Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	Mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seorang pelajar sekiranya tidak berpuashati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni).
Ahli-ahli Jawatankuasa	Korum - Tiga (3) orang ahli jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada : i. Dua (2) orang daripada mana-mana ahli Lembaga Pengarah UTM (Pengerusi akan ditentukan mengikut kekenanan) ii. Seorang Wakil Universiti yang dilantik <i>Nota : Pegawai Undang-Undang Universiti dijemput turut hadir</i> Setiausaha - Timbalan Pendaftar, Pejabat HEMA
Kekerapan Mesyuarat	Bergantung kepada penerimaan rayuan daripada pelajar selepas keputusan Tatatertib Pelajar UTM dikeluarkan. Mesyuarat hendaklah bersidang dalam masa 60 hari dari tarikh penerimaan surat rayuan.
Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	Bil.1/2016 – 6 Januari 2016

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti

Tarikh ditubuhkan	19 Julai 2012
Rujukan Minit Mesyuarat penubuhan Jawatankuasa	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 69 pada 19 Julai 2012
Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	1. Memantau pengurusan risiko universiti yang komprehensif dan menerima laporan berkala berhubung pelaksanaan pengurusan risiko di Universiti 2. Mencadangkan strategi dan tindakan susulan bagi pengurusan risiko Universiti 3. Menasihati Universiti dalam pengurusan sesuatu aktiviti/projek yang berisiko 4. Menyediakan maklumat perkembangan pengurusan risiko Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti 5. Lain-lain hal yang berkaitan penambahbaikan berterusan pengurusan dan pembangunan pengurusan risiko Universiti.
Ahli-ahli Jawatankuasa	Pengerusi - Dato' Abu Bakar bin Mohd Nor Ahli - Dato' Ir. Low Keng Kok - Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar (Naib Canselor) - Prof. Dato' Dr. Ahmad bin Darus (Pengerusi Majlis Profesor) Setiausaha - Prof. Dr. Yahaya bin Md. Sam Pengarah Kanan, Pusat Kualiti & Pengurusan Risiko
Bilangan dan Tarikh Mesyuarat	Bil. 1/2016 – 11 Ogos 2016.

Struktur Organisasi

STRUKTUR ORGANISASI UTM



- * Semua jabatan yang beroperasi di kampus UTM Kuala Lumpur akan melaporkan operasi hariannya kepada Pengarah Kampus dan bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Jabatan di Kampus Johor Bahru
 - * * Melapor secara langsung kepada Naib Canselor melalui Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Dikemas kini pada Februari 2017



Perutusan Universiti



PERUTUSAN PENERUSI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T dan syabas kepada seluruh warga Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas komitmen dan iltizam semua pihak dalam melaksanakan agenda tahun 2016 dengan jayanya. Sesungguhnya ia adalah hasil kerja secara kolektif setiap warga UTM.

Walaupun ekonomi negara berada berhadapan dengan beberapa cabaran dan kesan tersebut turut melanda pengurusan kewangan universiti awam, namun ia tidak mematahkan semangat warga universiti ini untuk terus berusaha hingga melakar kejayaan yang membanggakan. Pada sepanjang tahun 2016, pelbagai pencapaian, pengiktirafan serta anugerah di peringkat nasional dan global diterima oleh UTM.

Pencapaian dan pengiktirafan ini turut menempatkan UTM setanding dengan Universiti Penyelidikan yang lain dan membuktikan bahawa UTM turut menyumbang kepada peningkatan jenama Universiti Awam Malaysia di mata dunia. UTM terus kekal kompetitif di persada global apabila melonjak dari kedudukan pada tangga ke-303 tahun 2015 ke tangga 288 pada tahun 2016 dalam *QS World Ranking 2016/2017*. Untuk penarafan *QS University Ranking : Asia 2016* pula, UTM telah berjaya berada di tangga ke-63 universiti terbaik di rantau Asia. UTM sentiasa mendokong aspirasi KPT yang dizahirkan

menerusi pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Tujuannya ialah untuk memupuk minda *entrepreneur* dalam seluruh sistem pendidikan tinggi yang akan melahirkan graduan berciri *entrepreneurial*. Justeru, UTM sentiasa mengoptimumkan ekosistem pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dalam usaha membangunkan mahasiswa yang seimbang dan holistik dari segi jati diri dan sahsiah serta berminda inovatif, *entrepreneurial* dan global. Graduan UTM harus mampu menjadi agen perubahan pada masyarakat dan negara. Staf dan mahasiswa UTM juga digalakkan untuk meneroka dan memperkayakan khazanah ilmu melalui aktiviti penyelidikan dan penemuan hasil baharu. Kepakaran ahli akademik dan penyelidik UTM diiktiraf di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan yang amat bermakna buat UTM adalah pelancaran Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ) oleh YAB Menteri Besar Johor pada 21 Mac 2016, di mana UTM telah diberi kepercayaan untuk mengetuai projek-projek penyelidikan dan kemasyarakatan dalam membangunkan negeri Johor sebagai negeri yang inklusif, lestari dan berinovasi.

Dalam bidang kerjasama diperingkat antarabangsa pula, pada tahun ini, UTM telah memperbaharui perjanjian MoU bersama *University of Oxford*, *University of Cambridge*, *University of Applied Sciences and Arts Northwestern Switzerland* dan juga berpeluang berkolaborasi dengan syarikat gergasi telekomunikasi iaitu dengan penubuhan *UTM-Ericsson Innovation Centre for 5G (IC5G)* di UTM Kuala Lumpur.

Sebelum melabuhkan tirai tahun 2016, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah UTM, saya mewakili semua Ahli Lembaga Pengarah mengambil kesempatan ini untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih dan penghargaan ke bawah DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Canselor UTM yang telah memainkan peranan besar dalam menyemarakkan lagi budaya ilmu dan aktiviti kesarjanaan di UTM. Peranan dan dorongan yang diberikan oleh baginda Tuanku amat bermakna buat seluruh warga universiti. Ucapan ribuan terima kasih juga diberikan kepada YBhg Pro-Canselor, YB Menteri Pendidikan Tinggi, Naib Canselor, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-Ahli Senat Universiti, pegawai-pegawai kanan, staf akademik, staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana serta mahasiswa yang telah bersama-sama menyumbang idea, tenaga dan masa bagi memastikan UTM sentiasa berada di kemuncak kejayaan baik di peringkat nasional mahupun di peringkat global. Usaha kalian yang tidak pernah mengenal erti penat dan lelah, sudah pastinya dapat menjulang harapan UTM bagi mencapai sasaran kedudukan 50 buah

universiti terbaik dunia dalam bidang kejuruteraan dan teknologi menjelang tahun 2020.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kerajaan Malaysia di atas kepercayaan yang diberikan kepada UTM selama ini sehingga meletakkan nama UTM terpahat di persada pendidikan tinggi yang unggul dan disegani di peringkat nasional dan global. Saya mendoakan agar UTM terus maju dan gemilang.

Sekian, terima kasih.

Salam 1Malaysia



Tan Sri Abdul Halim b. Ali

Pengerusi

Lembaga Pengarah UTM



PERUTUSAN NAIB CANSOLOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, seluruh warga Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dapat menyempurnakan tanggungjawab, harapan, misi dan visi yang diamanahkan kepada kita semua dengan cemerlang sepanjang tahun 2016 yang lalu. Selaku Naib Canselor, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas usaha dan komitmen semua pihak yang telah bekerja keras untuk memastikan UTM dapat terus menyumbang kepada masyarakat dan dunia akademik.

Negara kita kini sedang menghadapi keadaan ketidaktentuan ekonomi yang turut memberi kesan kepada perancangan kewangan universiti. Dalam situasi begini, sumbangan universiti cukup penting dan bertepatan dengan peranannya sebagai sumber penjanaan ilmu yang mampu menawarkan penyelesaian yang bijak. Di sinilah kepakaran universiti ditagih bagi memastikan manfaat ilmu dapat diterjemahkan untuk kemajuan negara dan kesejahteraan warga. Walau apa pun cabaran yang dihadapi, sebagai sebuah universiti yang telah bertapak lama, UTM harus terus memantapkan peranannya sebagai taman ilmu di persada dunia pendidikan. Semoga UTM dapat terus memberi sumbangan kepada dunia akademik dan pendidikan tinggi negara.

Pada tahun ini, kedudukan UTM di persada global bertambah baik apabila melonjak dari kedudukan

303 pada tahun 2015 ke kedudukan 288 dalam *QS World University Rankings 2016/2017*. Ini melayakkan UTM berada di tangga 300 teratas dalam penarafan universiti terbaik dunia. UTM juga telah berjaya memperbaiki kedudukannya dalam kategori "*Top 50 Under 50*" oleh agensi penarafan yang sama apabila menduduki tangga ke 25 pada tahun 2016, berbanding di tangga ke 30 pada tahun sebelumnya. Manakala untuk *QS University Rankings : Asia 2016* pula, UTM telah berjaya berada di tangga ke 63 universiti terbaik di rantau Asia. Ini menjadikan UTM sebagai universiti ketiga terbaik dalam kalangan negara-negara ASEAN selepas *National University of Singapore* (NUS) dan *Nanyang Technological University* (NTU).

Selain daripada itu, UTM juga telah menerima penarafan *Higher Institution Centre of Excellence 2016* (HiCoE) iaitu bagi Institut Pembangunan Bioproduk (IBD). Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia juga telah menganugerahkan penarafan lima bintang dari segi pengurusan data MyMohes dan diperakukan sebagai yang terbaik antara lima universiti penyelidikan di Malaysia. Selain daripada itu, UTM turut menerima penarafan lima bintang bagi Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik 2016 peringkat Universiti Awam oleh Arkib Negara Malaysia.

UTM terus mengekalkan ekosistem universiti bercitra intelektual. Aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang diamalkan telah berjaya melahirkan graduan berpengetahuan, berminda *entrepreneurial* dan berciri holistik yang mempunyai daya saing yang tinggi di persada global. Tahun 2016 telah mencatat sejarah dalam pendidikan pasca siswazah UTM apabila telah berjaya melahirkan seramai 702 orang

mahasiswa untuk Ijazah Doktor Falsafah iaitu jumlah yang paling tertinggi jika di bandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Pelbagai pendekatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan pada tahun ini. Antaranya program 2u2i melalui penawaran program Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Data). Mahasiswa akan mengikuti pengajian dan pengalaman selama dua tahun di universiti dan selebihnya di industri yang bersesuaian. UTM juga telah menjadi perintis kepada Program Mobiliti Global berdasarkan konsep *jukebox*. Menerusi program ini, mahasiswa UTM berpeluang untuk mengalami proses pembelajaran di Universiti terpilih di luar negara. Kedua-dua program ini iaitu 2u2i dan *jukebox* dilancarkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia.

Aktiviti penyelidikan masih menjadi keutamaan dalam agenda Universiti. Walaupun dalam kemelesetan ekonomi yang tidak menentu, kerancangan para penyelidik UTM dalam kerja-kerja penyelidikan mereka sedikit pun tidak terjejas. Para penyelidik UTM terus menerima geran-geran penyelidikan daripada pelbagai sumber samada dari dalam mahu pun luar negara.

Tiga orang penyelidik UTM juga telah dipilih untuk memenangi anugerah berprestij dalam dunia penyelidikan negara, iaitu Profesor Dr Sr Mazlan Hashim, Profesor Dr Tharek Abdul Rahman dan Profesor Dr Azman Hassan yang telah dinobatkan sebagai *Top Research Scientist Malaysia 2016* oleh Akademi Sains Malaysia. Manakala, tiga orang lagi iaitu Profesor Dr Ahmad Fauzi Ismail dan Profesor Dr Zainal Salam memenangi *Malaysia's Rising Star Award 2016* dan Profesor Ir. Dr Sharifah Rafidah Datuk Wan Alwi menerima *Young Researcher Award 2016* daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. UTM turut berbangga apabila Pro Canselor Tan Sri Dr Salleh Mohd Noor dipilih menerima Anugerah Merdeka 2016 untuk kategori alam sekitar. Pengiktirafan ini berdasarkan sumbangan bakti dan kesungguhan beliau dalam bidang pemuliharaan alam sekitar dan perhutanan di Malaysia. Syabas dan tahniah daripada warga UTM.

Sesungguhnya tagline Johor 'Muafakat itu Berkat' sangat relevan dalam konteks hubungan UTM –

Johor. Pada 21 Mac 2016, YAB Menteri Besar Johor telah melancarkan Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ). Penubuhan institut ini merupakan pengiktirafan signifikan Kerajaan Johor kepada UTM untuk mengetuai projek-projek penyelidikan dan kemasyarakatan dalam membangunkan negeri Johor sebagai negeri yang lebih inklusif, lestari dan berinovasi. Keyakinan Kerajaan Johor di bawah kepimpinan YAB Dato' Mohamad Khaled Nordin terhadap kepakaran penyelidik UTM dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat, komuniti, dan industri di Johor terus terbukti apabila UTM menerima peruntukan sebanyak RM1.4 juta daripada bajet Negeri Johor untuk pelaksanaan projek pada tahun 2017 ini.

Kumpulan mahasiswa UTM telah memenangi pertandingan *Asia-Pacific Broadcasting Union (ABU) ROBOCON 2016* yang telah diadakan di Bangkok. Mereka telah mengalahkan wakil-wakil Universiti daripada 17 buah negara. Mahasiswa UTM juga telah meraih juara dalam *ESPRIEX Business Model Competition Action ASEAN 2016* dan mewakili rantau Asia Tenggara di peringkat antarabangsa. Pasukan UTM Toolkidz, UTMTEC pula telah memenangi *Gold Award* di *International Invention Innovation Competition (iCAN2016)* di Kanada. Dua orang mahasiswa kita telah mengharumkan nama negara dan UTM khususnya iaitu Farul Adib Muhammad Yusoff yang berjaya menakluki puncak tertinggi Gunung Everest pada bulan Mei, 2016, dan Muhammad Faizul M. Nasir yang meraih pingat emas bagi acara pencak silat di Sukan SEA ke 28 di Singapura. Semoga kejayaan mereka menjadi inspirasi dan pendorong kepada warga UTM keseluruhannya.

Kumpulan staf Pentadbiran, Profesional dan Pelaksana (PPP) juga tidak kurang hebatnya. Pada tahun ini, seramai empat orang staf PPP telah berjaya menamatkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah mereka dalam tempoh yang minimum. Semoga usaha gigih dan iltizam yang mereka bentuk dalam diri masing-masing akan menjadi contoh, pendorong dan pembakar semangat kepada rakan-rakan lain. Kumpulan staf PPP telah mengharumkan nama UTM apabila memenangi anugerah dalam Konvensyen KIK

Sektor Awam Peringkat Negeri Johor. Program *New Learning and Leadership Exposure for Non-Academic Staff* atau *NewLens* diteruskan bagi memberi peluang pembelajaran sepanjang hayat melalui pelbagai pendekatan seperti menghadiri kursus atau program sangkutan (*attachment*) di seluruh dunia.

Sesungguhnya semua pencapaian yang dinikmati hari ini adalah hasil inovasi, kreativiti dan kesungguhan warga UTM dalam memastikan kejayaan demi kejayaan dicapai dalam memberi impak yang sebenar kepada sains, teknologi dan masyarakat. Semoga usaha murni ini dapat menjadi panduan dan dorongan kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung mahupun komuniti sekitar yang bersama menyumbang kepada UTM serta berkongsi manfaat dan kejayaan yang dikecapi kini.

Buku Laporan Tahunan 2016 ini mencerminkan UTM sentiasa bergerak maju ke hadapan, melaksanakan


transformasi secara strategik dan dinamik, mengorak langkah ke arah perubahan-perubahan yang perlu selari dengan keperluan negara dan dunia terutamanya dalam dunia pendidikan tinggi. Pencapaian memberangsangkan pada tahun 2016 ini amat membanggakan yang terhasil daripada kerja keras warga UTM untuk memastikan UTM sentiasa unggul di persada pendidikan tinggi negara.



Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar

Naib Canselor

Universiti Teknologi Malaysia




Kecemerlangan UTM bagi tahun 2016

Kecemerlangan UTM bagi tahun 2016

Tahun 2016 merupakan tahun kedua bagi Pelan Global UTM 2012-2020 (Fasa II : 2015-2017) atau PGU2. Fokus utama diberikan kepada tujuh Bidang Tumpuan Utama atau *Key Focus Area* (KFA) sebagai panduan sasaran program berimpak tinggi untuk tahun 2015-2017. Tujuh KFA tersebut adalah seperti berikut :

- KFA 1 : Kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran.
- KFA 2 : Kecemerlangan penyelidikan, inovasi dan komersialisasi
- KFA 3 : Kampus lestari, infrastruktur, sistem teknologi maklumat (ICT), serta libat sama komuniti dan jaringan industri
- KFA 4 : Pengalaman kampus menyeluruh
- KFA 5 : Penyampaian berprestasi tinggi
- KFA 6 : Kelestarian Kewangan
- KFA 7 : Reputasi Global

Menerusi Pejabat Pengurusan Strategik, pelaksanaan strategi UTM turut dipantau sejajar dengan 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM PT) dan Pelan Transformasi Pengajian Tinggi. Idea-idea baharu yang dilontarkan oleh pihak kementerian serta senario terkini yang berlaku di peringkat nasional dan global turut diambil kira dalam memastikan pelaksanaan strategi adalah seiring dengan perkembangan semasa.



*Alignment: Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education)
& UTM Global Plan 2012-2020 (Phase II : 2015-2017)*

Petunjuk Prestasi dan Pencapaian UTM Bagi Tahun 2016

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran KPT	Sasaran UTM	Pencapaian UTM
1.	Peratus graduan yang berstatus bekerja semasa konvokesyen	80%	83%	77.1%
2.	Nisbah penerbitan oleh universiti dalam jurnal berindeks dan prosiding di: i) Universiti Penyelidikan	2.2	2.2	2.03
3.	Nisbah sitasi kumulatif oleh universiti di: i) Universiti Penyelidikan	30	30	27.09
4.	Peratus penjana pendapatan daripada jumlah perbelanjaan mengurus UA: i) Universiti Penyelidikan	25%	25%	27%
5.1	Kadar keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di Universiti Awam: i) Sarjana Muda ii) Sarjana iii) PhD	$\leq 7\%$ $\leq 18\%$ $\leq 19\%$	$\leq 7\%$ $\leq 18\%$ $\leq 19\%$	1.32% 1.84% 1.67%
5.2.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (IGOT) i) Sarjana Muda ii) Sarjana iii) PhD	87% 52% 31%	87% 52% 31%	98% 65.8% 37.8%
6.	Peratus enrolmen pelajar dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) di IPTA	37%	N/A	N/A
7.	Kedudukan Universiti Awam di bawah penarafan <i>QS Global Ranking</i> i) Pada kedudukan 50 teratas di <i>QS Global Ranking</i> ii) Pada kedudukan 200 teratas di <i>QS Global Ranking</i>	1 8	N/A 8	N/A 8
8.	EPP#12: Menjuarai Sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa i) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa ii) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pasca –siswazah	4,731 4,276	4,731 4,276	3,291 2,618

Kecemerlangan yang diperolehi UTM sepanjang tahun 2016 jelas membuktikan kesungguhan warganya yang berada di setiap peringkat mampu menyumbang kepada keberhasilan berimpak berdasarkan peranan hakiki (*core business*) UTM. Rangkuman kejayaan UTM dipamerkan melalui hasil atau *output* berasaskan tiga peranan utama tersebut iaitu mendidik dan membangunkan bakat, meneroka dan memperkayakan khazanah ilmu melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi, serta berkhidmat kepada masyarakat dengan menggunakan ilmu dan kepakaran yang digilap oleh UTM.

Ia dapat digarap dari pelbagai aspek, namun begitu kecemerlangan mahasiswa, kecemerlangan staf UTM dan kejayaan alumni UTM adalah aspek utama yang akan ditonjolkan dalam laporan ini. Turut diutarakan adalah pengiktirafan yang diberikan terhadap kejayaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan berdasarkan peranan hakiki ini yang sekaligus telah meningkatkan reputasi UTM di peringkat global dan nasional.

Namun kesan daripada ketidaktentuan ekonomi semasa, pemerolehan bajet pengkhususan untuk pendidikan negara telah dikurangkan. Hasilnya, UTM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempelbagaikan sumber penjana pendapatan tanpa bergantung hanya kepada perbendaharaan kerajaan sebagai satu sumber utama. Bagi mengekalkan ekosistem kecemerlangan, UTM terus menyediakan dana secukupnya melalui lonjakan penjana daripada sumber baru serta amalan pengagihan belanjawan mengikut keberhasilan di samping menggiatkan nilai produktiviti dan keusahawanan kepada setiap warganya.

Strategi seperti ini adalah penting dalam merasionalisasikan kembali pelaburan pendidikan supaya lestari dan kekal menghasilkan pulangan berimpak. Selain itu, agenda kelestarian juga harus dilaksanakan merentas institusi melalui interaksi dan kerjasama melibatkan perkongsian sumber, kepakaran dan praktis terbaik untuk kecemerlangan bersama.



Peranan Hakiki UTM

Kelestarian Kewangan

Pengurusan Kewangan Strategik

Kelestarian kewangan telah menjadi topik utama di seluruh negara terutamanya Universiti Awam. Sehubungan itu, Universiti telah mengambil langkah yang lebih drastik dalam memastikan keupayaan kewangan jangka panjang universiti kekal kukuh bagi menyokong pencapaian misi dan objektif universiti.

Amalan pengurusan kewangan strategik dilaksanakan dengan meneruskan budaya perbelanjaan berhemah dan meningkatkan kecekapan pengurusan oleh semua fakulti dan pusat tanggungjawab (PTJ) serta menggunakan sumber secara optimum. Selain itu inisiatif penjimatan tenaga terus dilaksanakan.

Penjanaaan pendapatan secara lestari juga adalah tidak hanya bergantung kepada satu punca sumber

pendapatan tetapi dengan mempelbagaikan sumber pendapatan serta amalan pengagihan belanjawan mengikut keberhasilan di samping meneruskan budaya perbelanjaan berhemah, menggiatkan nilai produktiviti dan keusahawanan kepada setiap warganya.

Antara inisiatif yang dilakukan sepanjang tahun 2016 bagi mengoptimalkan aktiviti "*monetization of assets*" adalah penjanaaan hasil daripada sewaan ruang dan kenderaan, aktiviti eko-pelancongan, sewaan jangka panjang, ruang arked, perumahan, telekomunikasi, dan lain-lain fasiliti, hasil daripada Aset dan Tanah melalui sewaan dan pajakan tanah serta perkongsian keuntungan bisnes.

2016 Prestasi Kelestarian Kewangan

Penjanaaan Kewangan	Pencapaian 2016 (%) (a)/(b) x 100	Sasaran Hasil 2016 (RM juta) (b)	Hasil Sebenar (RM juta)		
			2016 (a)	2015	2014
Program berasaskan Akademik	91	80	72.65	89.51	100.85
Perubatan, Kolej dan Kemudahan Sukan	87	25	21.74	20.00	18.61
Entiti Perniagaan	62	3	1.87	1.35	0.25
Pendapatan Kedermawan	80	10	8.0	2.37	7.27
Penyelidikan, Pembangunan, Perundingan dan Pengkomersilan	79	24.50	19.36	19.08	21.92
Aset dan Tanah	96	11.29	10.98	8.80	7.13
Program HRD*	66	1	0.66	0.40	0.16
Pulangan Pelaburan	>100	25	25.3	23.8	20.3
Jumlah	89	179.79	160.56	165.31	176.49

* HRD - Human Resource Development

Mempelbagaikan Sumber Pendapatan Dalaman

Di bawah bidang fokus utama yang di gariskan oleh Jawatankuasa Kelestarian Kewangan UTM, terdapat lapan bidang fokus utama yang diambil berat dan menyumbang kepada sumber pendapatan terbesar iaitu *Academic-Based Program* (Program berasaskan akademik), *medical, hostel and sports facilities* (perubatan, kolej dan kemudahan sukan), *business entities* (entiti perniagaan), *philanthropic income* (pendapatan daripada aktiviti kedermawanan menerusi endowmen), *consultation and commercialization* (perundingan dan pengkomersilan), *asset and landbank* (Aset dan Bank Tanah), *HRD programmes* (Program HRD), dan *return on investment* (pulangan pelaburan). Secara keseluruhan, tujuh bidang fokus utama kelestarian kewangan melihatkan peningkatan berbanding 2015.

Program berasaskan akademik mencatatkan pencapaian kutipan sebanyak 91% iaitu RM72.65 juta. Penurunan ini telah diunjurkan pada 2015 dengan melihat trend semasa. Perubatan, kolej dan kemudahan sukan mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.74 juta berbanding 2016 dengan jumlah kutipan sebanyak RM21.74 juta atau


87% berdasarkan sasaran 2016. Peningkatan ini disokong dengan penganjuran aktiviti sukan dan lain-lain sewaktu cuti semester. Bidang fokus seterusnya iaitu entiti perniagaan juga mencatatkan peningkatan bagi 2016 sebanyak RM1.87 juta dari anak syarikat, UTMSPACE. Hasil ini tidak termasuk dividen yang bakal diterima dari anak syarikat, Uni Technologies Sdn Bhd (UTSB) beranggaran RM 500 ribu. Pendapatan daripada aktiviti endowmen mencatatkan pencapaian sebanyak RM8 juta bagi 2016 dan meningkat sebanyak RM5.63 juta berbanding 2015. Penyelidikan, pembangunan, perundingan dan pengkomersilan berjaya menjana sebanyak RM19.36 juta bagi 2016 hasil peningkatan dari perundingan dan geran penyelidikan yang diterima dari pihak luar. 97% peratus pencapaian yang dicapai oleh bidang fokus Aset dan Bank Tanah sebanyak RM10.98 juta. Program HRD dalaman meningkat dari RM 0.40 juta ke RM0.66 juta bagi tahun 2016. Bidang fokus yang terakhir adalah pulangan pelaburan yang memberi pulangan sebanyak RM25.3 juta dengan pencapaian 101% berbanding sasaran tahun 2016. Sumber utama pelaburan adalah dari keuntungan simpanan tetap dan keuntungan simpanan semasa.




UTM Kampus Lestari

Universiti cuba mempelbagaikan sumber pendapatan yang ada, namun peranan dan kapasiti universiti yang melibatkan pelaburan kewangan adalah terhad. Oleh itu, UTM telah mendapatkan naratif dan wahana baharu dalam membangunkan keberdayaan warga universiti. Jalan keluar terbaik adalah dengan menghakupayakan warga universiti dan mengajak warga universiti terus mencurahkan amal dan bakti kepada universiti. Endowmen telah menjadi instrumen penting dalam membangun ekonomi dan melebarkan sistem kebajikan universiti dan warganya.

Jumlah pendapatan tabung endowmen kumulatif sehingga 2016 adalah RM52 juta. Jumlah ini tidak termasuk *pledge* di mana ia adalah sejumlah wang yang akan diberikan secara berperingkat dalam tempoh waktu yang dijanjikan. Jumlah *pledge* sehingga 2016 adalah RM30.6 juta menjadikan jumlah endowmen keseluruhan sebanyak RM82.6 juta. Sumbangan terbesar pada tahun 2016 ialah sumbangan daripada Tan Sri Azman Hashim yang bernilai RM30 juta (RM5 juta setiap tahun selama 6 tahun) untuk penubuhan Tabung Biasiswa Azman Hashim.



Pendapatan Tabung Endowmen Sehingga 2016



Penggunaan Tabung Endowmen Sehingga 2016

Tabung Endowmen Merdeka telah digunakan untuk penajaan Biasiswa Endowmen kepada seramai 610 orang pelajar. Bilangan Pelajar yang masih menerima Biasiswa Endowmen pada 2016 adalah seramai 290 orang. Biasiswa Alumni dan Biasiswa Azman Hashim masing-masing mempunyai 2 dan 5 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda manakala Tabung Ainuddin Wahid digunakan untuk membiayai 13 orang pelajar Ph.D.

Beberapa inisiatif endowmen dibuat pada 2016 seperti roadshow ke Fakulti, permohonan sumbangan kepada Alumni UTM dan perjumpaan bersama bakal penyumbang "*potential donors*". Universiti juga telah menubuhkan *Task Force* Tabung Endowmen Fakulti bagi menubuhkan Tabung Endowmen Fakulti. Tabung ini tertumpu untuk sumbangan kepada kerusi profesor dan penyelidikan bagi meningkatkan markah MyRA bagi tahun akan datang.



Penyerahan sumbangan RM30 juta oleh YBhg Tan Sri Azman Hashim bagi penubuhan Tabung Biasiswa Endowmen Azman Hashim

Projek Pembangunan

Pembangunan bagi RMK11 adalah bermula pada tahun 2016 hingga 2020. Terdapat empat belas (14) projek telah dimohon dengan jumlah keseluruhan RM1.32 bilion. Walaubagaimanapun setelah beberapa siri penilaian oleh pihak Kementerian, projek yang diluluskan berjumlah empat (4) projek sahaja dengan nilai RM477 juta iaitu melibatkan dua projek baru dan dua projek sambungan RMK-10 seperti berikut:

Kategori Projek	Projek	Kos Keseluruhan RM (Juta)
Baru	Perolehan Peralatan Pengajaran & Pembelajaran	120
Baru	Baik Pulih Bangunan Fakulti Dan Asrama	50
Sambungan	Perolehan Peralatan MJIIIT	250
Sambungan	Program Fellowship MJIIIT	27
Jumlah		477

- **Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran**

Projek ini adalah lebih tertumpu kepada penambaaian peralatan-peralatan serta makmal-makmal universiti agar kelengkapan peralatan pengguna universiti berada di tahap yang tinggi selaras dengan status sebagai Universiti Penyelidikan

- **Baik Pulih Bangunan Fakulti dan Asrama**

Skop utama dan kritikal bagi projek ini adalah pembaikan kerja bumbung, lif serta sistem hawa dingin. Perlaksanaan projek ini telah dibahagikan kepada dua fasa yang meibatkan perlaksanaan dalam tahun 2016 dan 2017. Fasa pertama lebih tertumpu kepada pembaikan di bangunan asrama serta bangunan pentadbiran sementara fasa kedua tertumpu kepada bangunan fakulti.

- **Perolehan Peralatan MJIIIT dan Program Fellowship MJIIIT**

Projek Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIIIT) merupakan projek kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Jepun. Usahasama ini terjalin atas dasar penukaran dan penambaaian dari segi pengajaran dan teknologi pembelajaran. Program di atas telahpun berjalan pada RMK-10 lagi dan ianya diteruskan sebagai projek sambungan kedalam RMK-11. Projek dan program ini telah diselaraskan terus antara MJIIIT (UTMML) bagi pihak Kerajaan Malaysia dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) bagi pihak Kerajaan Jepun. Skop projek adalah selain daripada perolehan peralatan-peralatan canggih dan berteknologi ianya juga meliputi program penghantaran pelajar dan pengajar ke Jepun serta usahasama pengambilan tenaga pengajar dari Jepun ke UTM.

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah memperuntukan RM165 juta bagi tahun 2016 bagi membiayai pembayaran projek-projek tersebut dan perbelanjaan yang dibuat oleh pihak UTM adalah RM62.6 juta.

Selain daripada projek yang tersebut diatas, projek yang dilaksanakan dalam tahun 2016 yang melibatkan projek baru dan sambungan daripada tahun sebelumnya adalah projek Data Center (RM10.89 juta), Students Accommodation Complex (SAC) (RM171.5 juta), Hab Pendidikan Bandar Universiti Pagoh (RM53.1 Juta – Bangunan; RM20.8 Juta Peralatan) serta Hospital UTM-KPJ.



Pencapaian Mahasiswa

Graduan Holistik


Selaras dengan hasrat Lonjakan 1 PPPM (PT), UTM sentiasa mengoptima ekosistem pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dalam usaha membangunkan mahasiswa yang seimbang dan holistik dari segi jati diri dan sahsiah serta berminda inovatif, *entrepreneurial* dan global. Graduan UTM harus berupaya menjadi agen perubahan pada masyarakat dan negara. Kualiti sebegini dapat dinilai daripada kebolehpasaran graduan yang dihasilkan.

Pada tahun 2016, sebanyak dua majlis konvokesyen telah berlangsung iaitu Majlis Konvokesyen ke-56 yang diadakan pada 23 dan 24 April 2016 dan Majlis Konvokesyen ke 57 dari 22 hingga 25 Oktober 2016. Seramai 6,828 graduan telah berjaya dihasilkan mengikut peringkat pengajian seperti berikut:

Bilangan Graduan Mengikut Majlis Konvoksyen

Peringkat Pengajian	Majlis Konvokesyen		Jumlah
	Ke- 56	Ke- 57	
Diploma	365	362	727
Sarjana Muda	953	873	1,826
Sarjana	820	2,533	3,353
Doktor Falsafah	189	733	922
Jumlah	2,327	4,501	6,828

Tahun 2016 mencatatkan peningkatan pencapaian bagi graduan yang bekerja semasa konvokesyen iaitu daripada 76.2 peratus kepada 77.1 peratus. Di samping itu, UTM juga telah mencatatkan sejarah pada tahun 2016 apabila 702 orang mahasiswa telah dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Ini merupakan bilangan yang tertinggi sejak graduan PhD pertama dilahirkan pada tahun 1989. Sehingga tahun 2016, UTM telah melahirkan sehingga 2,949 graduan PhD dan 22,717 graduan sarjana dari 180,425 jumlah keseluruhan graduan UTM sejak 1972.



Status Pekerjaan Graduan bagi tahun 2015 dan 2016

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya adalah dengan menggalakkan lebih ramai graduan Sarjana Muda UTM menyambung pengajian ke peringkat pascasiswazah melalui usaha promosi iaitu jerayawara ke semua fakulti bagi tujuan ini.


Selain itu, universiti juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti dalam meningkatkan bilangan industri supaya dapat menawarkan pekerjaan kepada graduan melalui penganjuran Karnival Kerjaya, ceramah kerjaya, temuduga, peningkatan hubungan jaringan dengan industri berpengaruh serta membangunkan platform perkongsian penyaluran maklumat graduan secara atas talian.

Meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dengan kadar yuran yang berpatutan menjadi keutamaan bagi dasar UTM. Bagi menyuburkan budaya penyelidikan dan kecemerlangan, UTM perlu menarik dan mengekalkan mahasiswa yang berkualiti. Justeru, inisiatif untuk mempertingkatkan kualiti pencapaian mahasiswa perlu diperhebatkan. Tahun 2016 telah menyaksikan usaha-usaha UTM untuk meningkatkan bilangan *Graduate-on-Time* dan mengurangkan kadar keciciran mahasiswa.

Bilangan Graduate-on-Time


2014	2015	2016
Jumlah GOT PhD: 151	Jumlah GOT PhD: 156	Jumlah GOT PhD: 112
Jumlah graduan PhD: 439	Jumlah graduan PhD: 617	Jumlah graduan PhD: 702
% GOT PhD: 34.4	% GOT PhD: 25.3	% GOT PhD: 16.0

Bagi meningkatkan peratus graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh pengajian yang ditetapkan (GOT), UTM terus melaksanakan beberapa inisiatif strategik, antaranya ialah melaksanakan *Structured Programs* untuk mendidik dan membantu mahasiswa menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Kandungan program merangkumi aspek kemahiran dan pengetahuan dalam penyelidikan yang perlu dikuasai oleh pelajar bermula dari menyediakan kertas cadangan penyelidikan, pengumpulan data, analisis data dan sehinggalah kepada penerbitan serta persediaan menghadapi viva. Selain daripada program ini, UTM juga memantapkan pelaksanaan kursus penyeliaan dengan mewajibkan Sijil Penyeliaan Pasca Siswazah dalam kalangan penyelia. Seterusnya pemantauan berkala KPI peratus pencapaian GOT mengikut fakulti juga dilaksanakan. Pemantauan juga dilaksanakan dalam kalangan pelajar terutama penerima biasiswa MyBrain, Zamalah dan Tan Sri Ainuddin Wahid.



Kadar Keciciran Peringkat Pengajian

Pencapaian bagi ketiga-tiga peringkat pengajian di atas mencatatkan kadar keciciran tidak melebihi 3 peratus bagi tahun 2015 dan 2016. Inisiatif untuk mengurangkan kadar keciciran pelajar melibatkan usaha-usaha oleh fakulti dan sekolah di samping Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti Pejabat Pengajian Prasiswazah (UGS) dan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS). Antaranya melalui pemantauan kemajuan akademik pelajar secara berkala oleh penasihat akademik serta penambahbaikan sistem sokongan seperti kaunseling dan memperkasakan aktiviti/program pembangunan pelajar.



Graduan iGOT


Sasaran iGOT bagi tahun 2016 mengikut peringkat pengajian Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah masing-masing adalah 87%, 52% dan 31%. Pencapaian iGOT bagi tahun 2016 mencatatkan pencapaian yang melebihi sasaran.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian iGOT oleh universiti dengan penglibatan fakulti dan sekolah. Selain pelaksanaan "*Structured Programs*" bagi meningkatkan kemahiran mahasiswa Doktor Falsafah, UTM turut memperkasakan latihan bagi sijil penyeliaan kepada penyelia, memperkasakan kemahiran belajar terutamanya kepada mahasiswa B40 dan "*First in Family*" serta pemantapan pelaksanaan Projek Sarjana Muda. Penjaminan kualiti program akademik dilaksanakan oleh universiti dan dipantau oleh pusat kualiti universiti (Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko).

Bilangan enrolmen mahasiswa bagi tahun 2016 mengikut Definisi Operasi MyMoHES, adalah 19,661 mahasiswa yang terdiri daripada 11,268 mahasiswa prasiswazah dan 8,393 mahasiswa pascasiswazah. Pencapaian enrolmen mahasiswa antarabangsa pula adalah seperti berikut:

Bilangan Mahasiswa mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	2015	2016
Diploma	1,130	537
Sarjana Muda	10,235	10,731
Sarjana	5,137	4,256
Doktor Falsafah	4,578	4,137
Jumlah	21,080	19,661



Enrolmen Mahasiswa Antarabangsa
(termasuk mobiliti outbound)

Sasaran enrolmen keseluruhan mahasiswa antarabangsa bagi tahun 2016 adalah sebanyak 4,731 mahasiswa iaitu 4,276 mahasiswa pascasiswazah dan 455 mahasiswa prasiswazah antarabangsa.


Peratusan pencapaian keseluruhan enrolmen mahasiswa antarabangsa universiti berbanding sasaran ialah 69.9 peratus. Manakala peratusan pencapaian bagi mahasiswa prasiswazah pula mencatatkan peningkatan iaitu 147.9 peratus.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan pada tahun ini untuk meningkatkan enrolmen mahasiswa antarabangsa, antaranya :

- Menyemak semula syarat kemasukan mahasiswa antarabangsa
- Memperkasakan aktiviti pemasaran yang agresif dan berfokus
- Mempelbagaikan akses pendidikan antaranya melalui *Transnational Education* (TNE)
- Menambahbaik ekosistem dari segi fasiliti dan sumber pendidikan
- Menyediakan pembiayaan pengajian yang berpadanan

Pembelajaran dan Pengajaran

Bagi menyokong usaha meningkatkan lagi peratusan graduan bekerja, universiti sangat menitik beratkan penghasilan graduan yang holistik. Oleh yang demikian, integrasi dan sinergi semua PTJ di universiti adalah sangat penting dan dijelmakan dengan satu kerangka dan inisiatif pelaksanaan.



Inisiatif Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang


Usaha mendidik dan menggilap bakat dalam kalangan mahasiswa telah dipergiatkan melalui sinergi yang berterusan di setiap peringkat di UTM. Melalui Inovasi Pembelajaran Akademia Baru (*New Academia Learning Innovation* – NALI) dan Pengalaman Kampus Menyeluruh (*Total Campus Experience*) mahasiswa bukan sahaja didedahkan dengan pendekatan pembelajaran yang dapat membantu mereka menguasai ilmu dalam bidang pengkhususan, malah dapat meningkatkan atribut graduan seperti nilai insaniah, kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, berfikir kritis dan sebagainya bagi memenuhi kehendak pemegang taruh.

Perubahan yang diperlukan dalam bidang pendidikan abad ke-21 bukan sahaja meliputi aspek pembangunan ilmu dan penyelidikan baharu sahaja, bahkan meliputi perubahan dan perkembangan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sesi 2015/16 merupakan tahun kedua bagi UTM dalam melaksanakan penilaian Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) merujuk kepada Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN 2.0) dalam Fasa Permulaan (2015-2016). Berdasarkan DePAN 2.0, setiap Universiti Awam perlu memastikan bahawa amalan *Blended Learning* menepati elemen yang telah ditetapkan. Pada tahun 2015, UTM hanya berjaya mencapai sebanyak 19.22 peratus kursus yang mengamalkan *Blended Learning* di UTM melibatkan 479 orang pensyarah yang aktif. Namun, pada tahun 2016, UTM berjaya meningkatkan pencapaian peratus kursus yang mengamalkan *Blended Learning* sehingga 30.11 peratus.

Laporan Semakan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) Sesi 2015/2016

Semester	Prasiswazah	Pascasiswazah	Jumlah	Jumlah Keseluruhan
Sem 1 Sesi 2015/2016	225	82	307/1,172	670/2,225
	19.2%	7.0%	26.19%	
Sem 2 Sesi 2015/2016	274	89	363/1,053	30.11%
	26.02%	8.45%	34.47%	

Penilaian pembelajaran teradun ini menunjukkan peningkatan yang amat positif dari segi capaian ke portal e-Pembelajaran UTM menerusi link <http://elearning.utm.my> seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut.



Jumlah Hit Ke Portal e-Learning UTM 6 Semester Terkini.

Peratus kursus yang mengamalkan pembelajaran teradun ini semakin meningkat selaras dengan Lonjakan 9, Pelan Pembangunan Pembelajaran Kementerian Pengajian Tinggi (2015 – 2025)

Pencapaian ini berjaya diperolehi dengan beberapa pendekatan yang dibuat oleh Universiti sebagaimana berikut :

- Melaksanakan 6 kali kursus e-Pembelajaran@UTM (asas dan lanjutan) kepada pensyarah-pensyarah
- Melaksanakan 2 kali kursus Pengenalan kepada Pembelajaran Teradun
- Memberikan 2 kali kursus e-Pembelajaran kepada pensyarah baru menerusi kursus SPPT
- Membuat *Roadshow New Academia Learning Innovation* ke fakulti-fakulti
- Meletakkan infografik mengenai Pembelajaran Teradun di UTM dalam iBoard, laman web fakulti serta *Portal eLearning*


Sebuah buku panduan yang bertajuk *A Guide to New Academia Learning Innovation (Version 1)* telah berjaya dihasilkan oleh universiti dan diterajui oleh UTMLead dengan kerjasama 57 orang pensyarah yang pakar daripada pelbagai fakulti di UTM. Buku ini telah dilancarkan pada 20 September 2016 oleh YB. Datuk Md. Jais bin Sarday, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor semasa majlis *International University Carnival on e-Learning (IUCEL) 2016*. Penghasilan buku iadalah sebagai panduan untuk membimbing tenaga pengajar dalam melaksana pembelajaran berdasarkan Akademia Baru semenjak ia diperkenalkan pada 2013 dalam buku Akademia Baru Inovasi Pembelajaran.

Pada tahun 2016, IUCEL 2016 yang merupakan karnival anjuran bersama oleh Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Majlis Ketua - Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPT) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) telah dinaik taraf ke peringkat antarabangsa dan UTM bertindak sebagai hos. Pengukuhan ilmu dan kompetensi yang telah dibangunkan telah dilakukan menerusi penglibatan mahasiswa dalam


program-program keusahawanan, penjaan inovasi, khidmat masyarakat, peningkatan peluang kerjaya, mobiliti pelajar dan sebagainya.

Pengalaman Kampus Menyeluruh


Pada tahun 2016, seramai 5,672 mahasiswa terlibat dengan 40 program keusahawanan yang telah dianjurkan oleh pelbagai Pusat Tanggung Jawab di UTM terutama sekali oleh *UTM Technology Entrepreneurship Centre (UTMTEC)*. Hasil daripada keterlibatan ini, sebanyak 88 buah syarikat usahawan pelajar telah berjaya ditubuhkan dengan menjalankan pelbagai bidang perniagaan antaranya kereta sewa, percetakan, perkhidmatan dan lain-lain. Di antara program-program yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti *Wealth Creation Lab*, *Mega Startup Weekend Johor Bahru @ UTM*, *TechnoBiz*, *Business Model Canvas Training & Pitching Program* serta *Youth Innovative Program*. Tokoh-tokoh keusahawanan yang juga merupakan Alumni UTM seperti Dato' Wei Chuan Beng, CEO Redtone International Bhd, dan Khor Kang Xiang yang merupakan pengasas bersama syarikat Techcare Innovation Sdn. Bhd, telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan nasihat berharga kepada warga UTM khususnya pelajar.



Program Keusahawanan yang dijalankan mengikut Pusat Tanggungjawab



Jumlah Mahasiswa Terlibat dalam Program Keusahawanan di UTM



Pencapaian Penubuhan Syarikat Usahawan Mahasiswa 2014 - 2016

Antara pencapaian cemerlang aktiviti-aktiviti keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti berikut:

- Menjuarai *ESPRIEX BMC ASEAN 2016*
- Tempat ke-7 dalam *ESPRIEX BMC World Championship 2016*
- Tempat ke-10 teratas dalam *National Entrepreneurship Challenge (NEC) 2015/2016*
- Wakil serantau dalam *Mobile Challenge Asia Pacific 2015/2016*
- Menjuarai *Microsoft ImagineCup Malaysia 2016* peringkat kebangsaan (*Games, Innovation and World Citizenship*)
- Penerima *High Performing Student Cooperatives (Hi-Per) Program*, tiga projek dengan dua projek bernilai RM10,000 setiap satu
- Anugerah Kecemerlangan dalam *Innovate Malaysia 2016* bersama dua hadiah tempat pertama, anugerah *Startup Pre-Accelerator* dan hadiah saguhati.
- Pingat emas dalam *Invention and Innovation of TOLKIDZ in 2016 International Invention Innovation Competition (iCAN), Toronto, Canada*

Selain dari itu, program penajaan inovasi yang dikendalikan oleh *Centre for Student Innovation (CSI)* telah berjaya menarik minat 958 mahasiswa untuk melibatkan diri dalam bengkel-bengkel yang telah dianjurkan. Sebanyak 78 produk dihasilkan daripada pembabitian mahasiswa di mana empat daripadanya telah memenangi anugerah diperingkat antarabangsa.

	348 91	10th Innovation Competition Mahasiswa terlibat Produk
	360 27	11th Innovation Competition Mahasiswa terlibat Produk dan permainan robot
		Medini Iskandar Innovention Challenge (South East Asia) Tempat Kedua
		MyInovasi Competition 2016 (National): Tempat Kedua (RM2000) Saguhati (RM1000) Peserta tertinggi dengan 42 cadangan daripada 1100 (RM1000)

Program Inovasi Mahasiswa

Sementara itu, Karnival Kerjaya 2016 yang telah dianjurkan oleh Pusat Kerjaya UTM (UTMCC), melibatkan 55 syarikat dan telah dihadiri oleh 10,382 mahasiswa. Seramai 2,679 mahasiswa juga terlibat dengan program *Job on Campus*. UTMCC berperanan sebagai salah sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang melaksanakan program pembangunan kerjaya untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran bakal graduan. Program yang dilaksanakan adalah berteraskan kepada peningkatan kemahiran kebolehpasaran untuk memberi nilai tambah selain meningkatkan peluang pekerjaan kepada mahasiswa.



Karnival Kerjaya 2016

100	mahasiswa sebagai AJK
7,000	pengunjung dalam tempoh dua hari
55	jumlah penyertaan syarikat
7	menganjurkan <i>career talk</i>
14	mengadakan sesi temuduga
365	mahasiswa dalam <i>career talk</i>
346	mahasiswa dalam sesi temuduga
59	mahasiswa diberi pekerjaan secara langsung


Job on Campus: Jumlah Penawaran kepada Mahasiswa 2016

Bidang Kerja	SLPBP		SLPP	Jumlah
	Berasaskan Jam	Berasaskan Projek		
Teknikal	40	86	0	126
Perkeranian	37	114	0	151
Sosial	0	448	0	448
Pendidikan	0	0	0	0
Penyelidikan	0	0	2,282	2,282
Jumlah	77	648	2,282	3,007

Skim Latihan Pelajar Bukan Penyelidikan (SLPBP)

Skim Latihan Pelajar Penyelidikan (SLPP)

UTMCC juga telah meluaskan jalinan kerjasama dengan industri untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada mahasiswa UTM. Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran kerjaya dengan kerjasama industri, kerajaan, *Government Link Companies* (GLC), Kementerian Pendidikan Tinggi dan sebagainya. Selain itu juga, UTMCC telah melaksanakan program-program berteraskan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mahasiswa dengan kerjasama pelbagai pihak industri. Beberapa program telah dilaksanakan, antaranya ialah Program Temuduga Kerjaya Skim Latihan 1Malaysia, *Graduate Employability Bootcamp*, *M100 Challenge*, *CIMB Talent Trail* dan sebagainya. Secara umumnya, bilangan mahasiswa yang telah menyertai di dalam program yang melibatkan komuniti adalah seramai 730 orang. Manakala seramai 19,512 orang mahasiswa telah terlibat dalam program bersama industri.



Penglibatan Mahasiswa dalam Hubungan bersama Industri dan Komuniti



Perjanjian Persefahaman bersama Country Garden Pacificview

Aktiviti Berimpak Mahasiswa UTM

Aktiviti	Tarikh	Penganjur
<i>Happy Land of Caring for Poor and Orphaned Foundation, TAKEO, Cambodia</i>	1-8 April 2016	<i>Persatuan Golden Key UTM</i>
Kem Khidmat Pendidikan <i>"The Journey Begins Here"</i>	22 - 25 Julai 2016	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Jawatankuasa Kolej Mahasiswa Tuanku Canselor
<i>QS- Bina Feed The Homeless 2016 @ Larkin, Bazar Karat & JB Sentral</i>	26 Februari 2016	Persatuan Ukur Bahan & Pembinaan (QSBINA)
<i>Volunteer Malaysia 2016 (Mersing 2.0) Public Art Movement & Kempen Pencegahan Denggi</i>	27 Februari 2016	<i>UTM iM4U Outreach Centre</i>
I AM Into U 2.0 @ Kota Tinggi & Mersing	10 Ogos 2016	5ETP Teras Kepimpinan Global
<i>SPE-UTM Charity Month 2016 UTM, Calvary Victory Autism Center & HSA</i>	17 April - 16 Mei 2016	<i>Society of Petroleum Engineering UTM (SPE-UTM)</i>
Lambaian d' Sang Kenari @ Yan Kedah	1-5 April 2016	Kolej Tunku Canselor
Konvoi Amal 2016 @ Kampung Sinaran Baru, Johor	15-16 April 2016	Persatuan JURUTEK
Khidmat Masyarakat Perkampungan Orang Asli (KIMPOS)'16 @ Kluang	11-13 Ogos 2016	Kolej Tun Hussein Onn




Mahasiswa Antarabangsa UTM

Terkini, Program 2u2i telah dilancarkan pada 17 November 2016 oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi melalui penawaran program Sarjana Muda Sains Komputer Kejuruteraan Data. Menerusi program ini mahasiswa UTM dapat menimba pengalaman pembelajaran selama dua tahun di UTM dan dua tahun selebihnya adalah penglibatan dengan industri. Keseimbangan antara teori dan praktis dalam usaha melahirkan lebih banyak graduan yang holistik, bercirikan *entrepreneurial* dan seimbang. 2u2i merupakan program pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work based learning*) dengan objektifnya untuk meningkatkan ketersediaan mahasiswa untuk memasuki industri setelah tamat pengajian mereka, selaras dengan Lonjakan 1 PPPM (PT). Dalam penyampaian program Kejuruteraan Data ini, UTM bekerjasama dengan Dato' Yasmin Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif *Malaysia Digital Ekonomi Corporation* (MDEC) penerajui pembangunan sektor ekonomi digital negara dan telah meyakinkan syarikat-syarikat IT terkemuka seperti Oracle, Microsoft, VADs, TM, HILTI and I2M untuk menyokong implementasi program 2u2i Kejuruteraan Data ini.


Seiring dengan peningkatan kedudukan UTM dalam *ranking* dunia, UTM pada tahun 2016 juga telah menggiatkan usaha bagi mengukuhkan pelaksanaan program mobiliti mahasiswa di UTM dan mencari pelbagai peluang serta inisiatif untuk menambah bilangan mahasiswa mobiliti. Antara inisiatif termasuklah menerusi penglibatan dan keahlian UTM dalam beberapa konsortium antarabangsa seperti GE4, GE3, UMAP dan AIMS. Inisiatif ini membolehkan nama UTM dikenali dalam kalangan institusi pengajian tinggi di luar negara di samping menggunakan faedah pengecualian yuran ke atas mahasiswa ketika mengikuti pengajian di institusi atau universiti yang UTM menjadi ahli. UTM telah mengukuhkan hubungan sedia ada dan mencipta hubungan baharu dengan beberapa buah institusi pengajian luar negara di Benua Eropah seperti di Spain, Estonia, Czech Republic, Turkey dan Lithuania bagi menyertai program mobiliti Erasmus+ di mana program ini menawarkan pelbagai biasiswa untuk mahasiswa dan staf.




Pelancaran Program 2U2i



Program Mobiliti Mahasiswa 2016 (Outbound)



Program Mobiliti Mahasiswa 2016 (Inbound)



Pada 24 November pula, program Mobiliti Global Pendidikan Tinggi – Berkonsepkan *Juke Box* antara UTM dengan *University of Tsukuba*, Jepun telah dilancarkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi sekaligus menjadikan UTM sebagai perintis konsep tersebut. Program ini akan dikendalikan melalui *Malaysia-Japan International Institut of Technology (MJIIT)*, di bawah UTM. Konsep *Juke Box* ini adalah pendekatan pendidikan yang menjangkau kampus, menjangkau sempadan (*beyond campus, beyond borders*)


di mana mahasiswa atau staf sebuah universiti boleh mengambil program yang ditawarkan serta menggunakan fasiliti dan sumber di universiti pasangan (*university partner*) walaupun universiti tersebut berada di luar negara melalui konsep kampus dalam kampus (*campus in campus*). Antara universiti pasangan termasuk *University of Tsukuba*, Jepun, dan ini memberi akses kepada mahasiswa UTM mengambil mata pelajaran daripada *Université de Bordeaux*, Perancis, *University of São Paulo, Brazil*, *National Taiwan University*, Taiwan, dan *University of California*, Amerika Syarikat. Konsep *Juke box* adalah selari usaha mereka bentuk pendidikan tinggi melalui penyampaian pendidikan yang fleksibel dan berharap ia terus berkembang pada tahun ini.

Menerusi program pendidikan trans-sempadan ini mahasiswa UTM akan berpeluang untuk mengalami proses pembelajaran UTM di Jepun, Taiwan, Jerman, Amerika Syarikat dan Brazil serta menghayati budaya masyarakat setempat. MJIT mempunyai inisiatif khas yang menyaksikan kolaborasi bersama *Shibaura Institute of Technology* (SIT), Japan menerusi *Global Mobility*

Program - Jukebox Concept bagi menggalakkan interaksi serta memecahkan segala halangan bagi menjayakan kolaborasi dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

Konsep *Integrated Cumulative Grade Point Average* atau iCGPA turut diperkenal dalam tahun ini sebagai penambahbaikan ke arah sistem pentaksiran pembelajaran mahasiswa yang lebih holistik. Dengan adanya iCGPA, mahasiswa boleh mengenalpasti kekuatan dan kelemahannya; pihak Universiti boleh menyediakan program intervensi untuk membantu mahasiswa mengatasi kelemahan; dan pihak industri dapat menyediakan latihan dalam mengukuhkan perkembangan mahasiswa tersebut ketika latihan industri.

Mahasiswa juga turut dilibatkan dalam program atau aktiviti yang menjurus kepada pembentukan jatidiri, perubahan cara atau gaya berfikir, pembangunan pengetahuan, pembentukan kemahiran (*skills*) yang menghasilkan mahasiswa yang mempunyai minda & nilai yang holistik, *entrepreneurial* dan seimbang.



Kualiti Mahasiswa

Pelbagai kejayaan yang ditempa oleh mahasiswa UTM jelas membuktikan persekitaran pembelajaran yang kondusif telah menyediakan platform untuk mahasiswa beraksi dan menonjolkan bakat yang digilap serta ketrampilan dalam bidang kepakaran masing-masing. Sebagai contoh kejayaan di peringkat antarabangsa yang amat membanggakan adalah apabila kumpulan mahasiswa UTM berjaya dalam pertandingan *Asia-Pacific Broadcasting Union (ABU) ROBOCON* 2016 di Bangkok. Ini merupakan satu kejayaan besar kerana UTM telah menyertai pertandingan ini sejak tahun 2002. Kejayaan ini telah menjadi kebanggaan negara kerana UTM telah berjaya menewaskan 17 universiti lain dari 16 buah negara dari rantau ini termasuk Korea Selatan, Hong Kong, India, Pakistan dan Thailand. Kecemerlangan pelajar UTM bukan sahaja terhad kepada bidang akademik malahan bakat mereka juga terserlah

dalam bidang-bidang lain seperti aktiviti luar dan sukan. Farul Adib Muhammad Yusoff, mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Teknologi menjadi wira negara apabila berjaya menakluki puncak tertinggi Gunung Everest melalui Tibet pada 23 Mei 2016. Di arena sukan pula, Muhammad Faizul M. Nasir, mahasiswa di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah berjaya menggondol pingat emas bagi acara pencak silat di Sukan SEA ke-28 2015 di Singapura. Beliau juga pernah menjuarai Kejohanan Pencak Silat Terbuka ke-19 di Belgium pada 2014 dan merupakan penerima pingat emas di *Malaysia Open Championship 2015*, serta penerima pingat perak di *World Martial Arts (Thailand) 2015*. Sementara itu, Fazira Mesnan, mahasiswa di Fakulti Pengurusan telah mewakili Malaysia dalam acara bola jaring dalam Sukan SEA ke-28 2015 di Singapura yang telah berjaya merangkul pingat perak.



Muhammad Faizul M. Nasir (Pencak Silat)



Farul Adib Muhammad Yusoff (Pendaki Everest)

Di peringkat pasca siswazah pula, mahasiswa Doktor Falsafah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Nor Hasrul Akhmal bin Ngadiman, telah memenangi *3MT Competition (Engineering Track)* dan *Malaysia 3MT Competition* dan seterusnya memenangi *3MT Competition Global Engineers in Asia 2016* sempena *Joint Workshop for Global Engineers in Asia (JWGEA) 2016*. Di samping itu, mahasiswa Sarjana Sains Komputer, Rooster Tumeng telah terpilih untuk menjalani program *Academic Fellowship - Youth Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI)* di bawah inisiatif Presiden Obama di *University of Connecticut, Amerika Syarikat*. Ini merupakan sebahagian kecil daripada kejayaan mahasiswa. Jadual di bawah mencatatkan kecemerlangan mahasiswa UTM sepanjang tahun 2016 secara terperinci.

Kecemerlangan Mahasiswa UTM Sepanjang Tahun 2016


Pengiktirafan/Pencapaian	Agensi Pengiktiraf/Penganjur/Majlis
Dr. Koh Meng Hock (PhD in Physics). Graduan pertama program kerjasama UTM-Bordeaux University (France)	UTM Teknologi Malaysia - <i>Bordeaux University (France)</i>
Dr. Gan Hong Seng dan Dr. Mohd Nizam Mazenan (<i>PhD in Biomedical Engineering</i>) Graduan Pertama program Biasiswa Ainuddin Wahid	UTM Teknologi Malaysia
Nor Hasrul Akhmal bin Ngadiman, mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTM, memenangi <i>3MT Competition (Engineering Track)</i> dan <i>Malaysia 3MT Competition (Engineering Track)</i> yang diadakan di Universiti Utara Malaysia dan juga memenangi <i>3MT (Minute Thesis) Competition Global Engineers in Asia 2016</i>	<i>Sempena Joint Workshop for Global Engineers in Asia (JWGEA) 2016</i> , usaha sama di antara Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Indonesia, <i>King Mongkut's University of Technology Thonburi (KMUTT), Thailand, Ritsumeikan University, Japan</i> dan UTM Teknologi Malaysia (UTM)
Rooster Tumeng, mahasiswa Sarjana Sains Komputer telah terpilih untuk menjalani program <i>Academic Fellowship - Youth Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI)</i> di bawah inisiatif Presiden Obama di <i>University of Connecticut</i>	Kerajaan Amerika Syarikat
Muhammad Noor Yassin Mohd Yusof, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik menerima Anugerah Pelajar Cemerlang <i>6th MySET-Iktisas 2016</i>	<i>Malaysian Society for Engineering & Technology (MySET)</i>
Tan Kwok Chong, mahasiswa Fakulti Alam Bina menerima <i>Regional Winner Nippon Paint Young Designer Award – Design with Heart Competition</i> .	<i>Nippon Paint and IJM Land Berhad</i>
Aimi Sara Ismail, mahasiswa Fakulti Alam Bina UTM menerima anugerah <i>"The Best of the Best Thesis Award"</i> di <i>Quantity Surveying International Convention 2016</i>	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Pengiktirafan/Pencapaian	Agensi Pengiktiraf/Penganjur/Majlis
Mohamad Amir Fikri bin Yahya dianugerahkan <i>"The Best Student Award"</i>	<i>Malaysian Joint Branch of the Royal Institution of Naval Architects (RINA) and the Institute of Marine Engineering, Science and Technology (IMarEST)</i>
Koo Jia Jin, mahasiswa Fakulti Alam Bina menerima <i>"Honour Award – Park Like Boulevard at Pasir Gudang"</i> di Anugerah Malaysia Landscape Architecture (MLAA) kali ke 8 yang dianjurkan bersempena <i>World Landscape Architecture Month</i>	<i>Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)</i>
Foo Weoi Ming, mahasiswa pertama UTM yang akan menyambung pelajaran di University of Kent dalam program dwi ijazah yang ditawarkan oleh kedua-dua UTM	University of Kent dan UTM Teknologi Malaysia
Farul Adib Muhammad Yusoff, mahasiswa Sarjana Muda Penurunan Teknologi berjaya menakluki puncak tertinggi Gunung Everest melalui Tibet	Misi UTM Everest Tibet 2016
Muhammad Faizul M. Nasir mahasiswa di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah berjaya menggondol pingat emas bagi acara pencak silat	Sukan SEA ke-28 2015 di Singapura
Fazira Mesnan, mahasiswa di Fakulti Pengurusan telah mewakili Malaysia dalam acara bola jaring yang telah berjaya merangkul pingat perak	Sukan SEA ke-28 2015 di Singapura
Kumpulan mahasiswa UTM menjadi Juara ESPRIEX Business Model Competition ASEAN 2016 dan mewakili rantau Asia Tenggara di peringkat antarabangsa	<i>ESPRIEX Business Model Competition ASEAN ASEAN Youth Organisation</i>
UTM-SIT-Nakai Team menduduki tempat pertama dalam <i>RoboCup@Home Simulation</i> dan tempat kedua dalam <i>RoboCup@Home Education</i>	<i>RoboCup Japan Open 2016, Aichi Institute of Technology</i>


Pengiktirafan/Pencapaian	Agensi Pengiktiraf/Penganjur/Majlis
UTM Toolkidz team UTMTEC memenangi Gold Award di <i>International Invention Innovation Competition</i> di Kanada, iCAN2016	<i>Toronto International Society of Innovation and Advanced Skills</i>
Mahasiswa Fakulti Alam Bina UTM memenangi anugerah terbanyak di <i>8th RICS-RISM International Surveying Conference for Undergraduates 2016</i>	<i>Royal Institution of Chartered Surveyors</i> (RICS) dan <i>Royal Institution of Surveyors Malaysia</i> (RISM)
Mahasiswa Seni Bina UTM memenangi tiga anugerah di <i>PAM Ferruni Ceramiche National Undergraduate Students Award</i>	Pertubuhan Arkitek Malaysia
Mahasiswa Jabatan Senibina Lanskap, Fakulti Alam Bina UTM menjuarai Pertandingan Wall Art di Floria 2016 Putrajaya	Perbadanan Putrajaya
Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah memenangi tiga anugerah di <i>Telemedicine Innovation Challenge 2016</i>	Kementerian Kesihatan, Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) dan Monash University
Kumpulan mahasiswa UTM telah memenangi Anugerah Cemerlang (Juara Keseluruhan) di <i>Innovate Malaysia Design Competition 2016</i>	Altera, Intel, Keysight, MathWorks, Microsoft, CeDEC, Motorola Solutions, National Instruments, SilTerra, ViTrox dan Dreamcatcher disokong oleh Kementerian Pendidikan, Talent Corp Malaysia, MDEC, IEM, Techsource, dan Terasic



Konvoi Amal 2106 @ Kampung Sinaran Baru, Johor
oleh Persatuan Jurutek, UTM



Kem Khidmat Pendidikan
"The Journey Begins Here"



Kecemerlangan Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi dan Pengkomersilan


Landskap Baharu Ekosistem Penyelidikan

Pengiktirafan UTM sebagai Universiti Penyelidikan sejak tahun 2010 telah banyak mengubah landskap penyelidikan di UTM. Perkara asas terhadap perubahan ini adalah hasil pembudayaan penyelidikan di UTM yang telah berjaya diterapkan dan diterima baik selepas melalui beberapa fasa transformasi bagi meletakkan penyelidikan sebagai sebahagian daripada nadi universiti.

Perubahan landskap ini telah membawa kepada kemajuan demi kemajuan terhadap ekosistem penyelidikan di UTM. Kemajuan ini menandakan UTM telah melalui fasa-fasa kematangan dalam evolusi penyelidikan iaitu bermula daripada penyelidikan asas, diikuti dengan penyelidikan gunaan dan membawa kepada penyelidikan *translational*. Evolusi dalam penyelidikan ini merupakan suatu proses pembangunan daripada penyelidikan yang mudah dan kemudiannya berkembang dan boleh diadaptasi dan akhirnya menjadi suatu yang kompleks dan dapat diterjemah melalui konsep *quadruple-helix*. Kematangan ini dapat disaksikan apabila UTM telah memperolehi projek yang boleh dikategorikan sebagai projek mega pada tahun 2016 yang melibatkan kerjasama pihak industri, agensi dan Kerajaan.



Penyelidikan Translational UTM



Kejayaan Penyelidikan Translasiional UTM

UTM telah berjaya mengekalkan status sebagai Universiti Penyelidikan pada tahun 2016 selepas berjaya melepasi audit 2015. Sepanjang 2016, UTM telah mencapai banyak kejayaan memberangsangkan di peringkat nasional maupun antarabangsa melalui pelbagai pengiktirafan yang diterima oleh penyelidik-penyelidik kita. Penghormatan tertinggi diterima Universiti adalah apabila UTM terpilih sebagai pemenang anugerah *Best Academia - Industry Collaboration Award 2016* anjuran *Graduate Recruitment Awards 2016 - GTI Media*. Anugerah ini diberikan menerusi projek kerjasama Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC), UTM dan Petronas Research Sdn Bhd yang melibatkan penyelidikan dalam bidang Teknologi membrane.

Projek ini melibatkan kerjasama penyelidikan dalam pembangunan teknologi membran untuk pemisahan karbondioksida. Kolaborasi melalui projek ini telah menjana pembangunan modal insan kepada negara melalui penghasilan empat orang pelajar di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan dua pelajar Sarjana. Projek ini melibatkan empat orang pensyarah universiti tempatan dan empat orang

staf teknikal. Disamping itu projek ini turut berjaya menghasilkan tiga paten selain menyumbang kepada penerbitan yang diterbitkan dalam jurnal antarabangsa berimpak tinggi. Pembangunan produk membran dan sistem pemisahan tersebut berupaya mempertingkatkan hasil kepada negara dan penjimatan tenaga dalam pemprosesan minyak dan gas.

AMTEC juga telah berjaya membangunkan sistem rawatan air tulen bersih mengikut piawaian kualiti air yang ditetapkan dan selamat digunakan menerusi proses Teknologi Membran Osmosis Balikan dan proses Membran Ultrafiltrasi bagi menghasilkan air minuman bersih yang diagihkan kepada penduduk dan mangsa banjir.

Pada tahun 2016, UTM turut mencipta sejarah apabila satu lagi Pusat Kecemerlangan UTM iaitu Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) telah dinaik taraf sebagai Pusat kecemerlangan bertaraf nasional iaitu sebagai *Higher Institution Centre of Excellence 2016* (HICoE). Kejayaan ini telah meletakkan UTM sebagai Universiti Awam terbanyak mempunyai jumlah HICoE iaitu empat HICoE.

Peruntukan Diterima Sepanjang Tahun 2013-2016 Mengikut Penajaan Jenis Geran

Sumber	Jumlah Penerimaan (RM)		
	2014	2015	2016
Dana Universiti Penyelidikan	33,376,356.51	28,239,884.23	22,993,288.19
Sumber Kerajaan	45,724,140.98	45,358,863.79	19,288,008.16
Swasta	2,622,356.74	3,718,935.52	2,974,171.53
Antarabangsa	1,750,936.73	1,448,066.25	2,169,765.86
Jumlah	83,473,790.96	78,765,749.79	47,365,233.74

Ekonomi Global dan Penerimaan Dana Penyelidikan

Sumber utama dana penyelidikan di Universiti Awam banyak bergantung kepada Dana Kerajaan. Universiti mengalami pengurangan yang ketara dalam penerimaan geran Universiti penyelidikan sejak tahun 2014 sehingga 2016. Pada tahun 2015 Universiti menerima pengurangan dana berjumlah RM5.15 juta daripada jumlah diterima pada tahun 2014. Manakala pada tahun 2016, UTM turut mengalami penyusutan sejumlah RM33.3 juta daripada jumlah diterima pada tahun 2015.

Pengurangan ini tidak dinafikan turut memberi kesan terhadap motivasi penyelidik, bagaimanapun Universiti sentiasa berfikir positif untuk meneruskan kecemerlangan dalam penyelidikan. Ini terbukti apabila penyelidik terus berusaha untuk mendapatkan geran luar melalui pihak swasta dan intitusi antarabangsa. Peningkatan jumlah geran luar diterima daripada lima peratus pada tahun 2014 telah meningkat kepada 6.6 peratus pada tahun 2016 daripada jumlah jumlah geran keseluruhan geran diterima.

Peningkatan ini merupakan hasil usaha berterusan dan inisiatif-inisiatif baharu yang diwujudkan bagi mewujudkan kepelbagaian sumber pembiayaan geran antaranya melalui program *Research*


Champion, siri bengkel pengisian kertas cadangan secara berkumpulan dan meningkatkan mekanisme jaringan dan jangkauan kerjasama dengan pihak luar.

Pada masa yang sama pihak universiti turut memperkemas proses pengurusan perolehan geran luar bagi menggalakkan lagi kolaborasi penyelidikan dengan pihak luar bagi membolehkan proses kelulusan dipermudah dan pakej kerjasama yang lebih menarik.


Hasilnya pada tahun 2016, UTM telah berjaya meraih banyak geran-geran luar antaranya geran berjumlah RM2.5 juta daripada *Malaysia Thailand Joint Authority* dan geran bernilai RM12.9 juta daripada *Ungku-Omar Newton Fund*. Antara penyelidik yang menerima geran tertinggi adalah Prof. Ir. Dr. Sheikh Hussain Shaikh Salleh, Prof. Sr. Dr. Mazlan Hashim, Prof. Dr. Kamariah Ismail dan Prof Madya Dr. Shukor Abdul Razak, menerima Skim Geran Penyelidikan Trans Disiplinari (TRGS) bernilai RM2.9juta daripada Kementerian Pendidikan Tinggi. Manakala Prof. Dr. Mohamed Mahmoud El-Sayed Nasef, penerima geran *Malaysia-Thailand Joint Authority* bernilai RM2.466 juta.

Pengiktirafan dan Pencapaian Penyelidik UTM Sepanjang 2016

Pengiktirafan/Pencapaian	Agensi Pengiktiraf/Penganjur/Majlis
Prof. Ir. Dr. Sheikh Hussain Shaikh Salleh, Prof. Sr. Dr. Mazlan Hashim, Prof. Dr. Kamariah Ismail dan PM Dr. Shukor Abdul Razak, menerima Skim Geran Penyelidikan Trans Disiplinari (TRGS) bernilai RM2.9 juta	Kementerian Pendidikan Malaysia
Prof. Dr. Mohamed Mahmoud El-Sayed Nasef, Penerima Geran Penyelidikan bernilai RM2.466 juta	<i>Malaysia-Thailand Joint Authority</i>
Dr. Khamarrul Azahari bin Razak dari Sekolah Razak UTM dalam Kejuruteraan dan Teknologi Termaju, mengetuai projek bernilai RM2.2juta	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Prof. Dr. Zuhaimy Haji Ismail dan rakan-rakan dari UTM-SRG menerima geran penyelidikan sebanyak RM1.6 juta bagi kajian Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MPSI)	Yayasan Sumber Maklumat
Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir Omar menerima Skim Geran Penyelidikan <i>Fundamental (FRGS) Top Down</i> bernilai RM700,000	Kementerian Pendidikan Malaysia
Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Prof. Dr. Ani Idris dan Dr. Mohd Yazid Idris menerima Geran Penyelidikan MOHE Flood Disaster Management bernilai RM500,000	Kementerian Pendidikan Malaysia
Prof. Ir. Dr. Sharifah Rafidah Datu Wan Alwi menerima Geran Bisnes bernilai RM500,000	Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB)
Prof. Dr. Jalil Ali, Dr. Zuhair Haider, Dr. Kashif Tufail, Dr. Safwan Aziz, Dr. Suzairi Daud, Dr. Mahdi Bahadoran, Prof. Dr. Roman Poznanski and Dr. Lleuvelyn Cacha menerima Geran bernilai RM12.9M bagi (Title: "Next Generation Green Data Centres for Environmental and Business Sustainability")	<i>Ungku-Omar Newton Fund Grant</i>



Penerbitan Berindeks
(Scopus, WOS dan ERA) 2013- 2016



Penerbitan Berimpak Tinggi dalam
Jurnal Bertaraf Q1 dan Q2

Penerbitan Berindex dan Kompetitif

Pengurangan dana penyelidikan diterima pada tahun 2016 turut memberi kesan terhadap penghasilan bilangan penerbitan yang dihasilkan oleh penyelidikan UTM. Pengurangan dana penyelidikan untuk Geran Universiti Penyelidikan sejak 2015 dan 2016 yang begitu ketara dan geran-geran nasional lain menyebabkan bilangan penerbitan berindeks yang mengalami pengurangan berbanding tahun sebelumnya.

Walaupun bagaimanapun, bilangan penerbitan berindeks universiti masih dapat dikekalkan momentumnya dari aspek bilangan, kualiti dan sitasi. Pengurangan dalam perolehan dana penyelidikan, tidak melemahkan penyelidikan UTM untuk terus menulis oleh kerana budaya penerbitan yang tinggi

telah berjaya diterapkan dikalangan penyelidik UTM. Pada masa yang sama pihak universiti masih konsisten dari segi penetapan KPI penerbitan dan inisiatif-inisiatif bagi mencapai sasaran ditetapkan masih diteruskan disamping sistem pemantauan dalaman yang berkesan.

Berdasarkan data MyRA 2016, nisbah penerbitan dalam jurnal berindeks adalah 3,470 kepada staf akademik berjumlah 1,709 pada tahun 2016 adalah 1 : 2.03 berbanding 1: 2.07 pada tahun 2015. Manakala nisbah sitasi kumulatif 5 tahun berjumlah 46,290 kepada staf akademik berjumlah 1,709 pada tahun 2016 adalah 1: 27.09 berbanding 1: 20.69 pada tahun 2015.

Statistik Terkini IPR di UTM Tahun 2010-2016

Kategori	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Paten difailkan	192	81	34	84	85	98	49
Paten yang diluluskan	8	31	41	30	38	33	26
Pembaharuan Utiliti	4	2	0	5	6	5	4
Rekabentuk Industri	13	1	1	4	6	26	7
Cap Dagangan	0	0	0	2	12	1	3
Litar Bersepadu	2	0	1	0	1	0	0
Hak Cipta	151	86	542	647	436	774	321
Jumlah Keseluruhan	370	201	619	772	584	937	410

Pemangkin Kelestarian Kewangan Universiti

Harta Intelekt merupakan sebahagian output daripada penyelidikan. Perkembangan penyelidikan di UTM turut memberi kesan dalam penentuan produk yang bakal dipatankan untuk memastikan penghasilan harta intelek yang lebih berkualiti dan berpotensi untuk dikomersilkan.

Bagi membantu meneruskan kecemerlangan dalam penghasilan harta intelek, universiti telah menubuhkan Jawatankuasa Inovasi dan Pengkomersilan di peringkat fakulti dan dibantu oleh Pusat Inovasi dan Komersialisasi. Jawatankuasa ini membantu menapis produk-produk yang berpotensi dikomersil atau memberi impak sebelum didaftarkan dan diberikan perlindungan dalam pelbagai kategori harta intelek.


Bagi mempertingkatkan nilai harta intelek, universiti turut melaksanakan proses penilaian yang lebih baik untuk disesuaikan dengan kedudukan kewangan universiti dan pada masa yang sama dapat memastikan harta intelek yang dilindungi adalah mempunyai 'value for money'. Universiti menyedari proses ini akan menyebabkan pengurangan bilangan pemfailan harta intelek tetapi dapat mempertingkatkan keberkesanan dalam pelaburan kita.

Menyedari persekitaran ekonomi yang lebih mencabar, universiti terus merangka dasar pengukuhan kelestarian kewangan UTM dengan meletakkan pelesenan teknologi sebagai sebahagian


agenda dalam meningkatkan sumber kewangan universiti. Aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembangunan, perundingan, pengkomersilan dan inovasi terus diperkasa bagi meningkatkan aktiviti penjanaan pendapatan universiti. Melalui peranan ini landskap ekosistem penyelidikan perlu diubah ke arah "solutions provider" kepada industri, penyelesaian masalah kepada masyarakat, negara dan sejagat secara amnya. Inisiatif ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2015-2025.

Pada tahun 2016, menunjukkan peningkatan nilai jumlah penjanaan pendapatan hasil dari projek knowledge transfer jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Projek-projek knowledge transfer ini termasuk aktiviti perundingan, latihan serta kursus, ujian makmal (lab testing) dan yuran pengurusan. Pelaksanaan dan hasil beberapa inisiatif yang disumbangkan oleh penyelidik ini secara langsung dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara amnya.

Universiti melalui Pusat Inovasi dan Komersialisasi telah melaksanakan pelbagai siri penerangan, bimbingan, perkongsian pengetahuan untuk menambah keyakinan penyelidik untuk terus giat menjalankan aktiviti perundingan dan pelesenan teknologi. Pada masa yang sama pencapaian mereka turut diraikan sebagai prestasi perseorangan dan berkumpulan di dalam penilaian prestasi tahunan mereka.



Bilangan Produk dan Penjanaaan Pendapatan Kasar Hasil Pengkomersilan



Bilangan Projek dan Penjanaaan Pendapatan Kasar (Knowledge Transfer)

Kepimpinan Cemerlang dalam Penyelidikan dan Inovasi

Universiti telah meletakkan pelan penggantian sebagai sebahagian agenda penting dalam Pelan Global UTM bagi memastikan kecemerlangan bakat kepimpinan penyelidikan dan inovasi mempunyai pelapis yang mantap untuk memastikan kita sentiasa relevan. Program *UTM Strategy for Harnessing and Inspiring Top Notch Scientists and Researchers* atau *UTMShine* yang berperanan menggilap bakat penyelidik muda UTM kini dalam fasa kedua. Pada tahun 2016 UTM telah menambah seramai 20 orang ahli dan menjadikan kesemuanya ahli *UTMShine* adalah seramai 40 orang. Kepimpinan mereka terserlah apabila kesemua mereka merupakan *Principle Investigators* (PIs) kepada projek-projek penyelidikan berkaitan bidang kepakaran masing-masing. Sebahagian juga merupakan ketua Kumpulan Penyelidikan (Research Group) yang aktif dan sebahagian daripada ahli merupakan felo penyelidik yang aktif di pusat-pusat kecemerlangan.

Bagi memberi pendedahan secara *hands on* para penyelidik UTM telah terlibat dengan pelbagai agensi di setiap daerah di negeri Johor dalam menentukan projek yang sesuai dengan keperluan daerah dalam projek *Low Hanging Fruits* dalam Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ).

Mereka turut bertanggungjawab memantau pencapaian setiap projek di daerah masing-masing. Kriteria pemilihan mereka agak kompetitif. Mereka juga merupakan penyumbang geran yang diterima UTM sejumlah RM1.6 juta secara kumulatif, penghasilan 121 penerbitan berindeks yang mana 30 peratus daripadanya adalah penerbitan berimpak tinggi dalam jurnal-jurnal bertaraf Q1 dan Q2.



Proses Penyelidikan di dalam Makmal UTM

Sinergi Penyelidik dan Pemegang Taruh

Kepakaran UTM terus dimanfaatkan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Penubuhan Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ) yang dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 21 Mac 2016 merupakan pengiktirafan signifikan yang diberikan oleh Kerajaan Johor kepada UTM untuk mensensitikan institusi pengajian tinggi, industri agensi serta kerajaan Johor dalam membangunkan negeri Johor sebagai negeri yang lebih inklusif, lestari dan berinovasi. Ketika ucapan perasmian YAB Menteri Besar telah mengangkat IISJ sebagai inisiatif Kerajaan Negeri Johor.

Pelbagai siri perbincangan dan sesi business matching telah dilaksanakan bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) dan pelbagai agensi di bawah Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah untuk melihat keperluan dan permasalahan daerah untuk disesuaikan dengan kepakaran yang boleh ditawarkan oleh Universiti. Sebagai tanda komitmen Universiti telah memperuntukan sejumlah RM1.5

juta daripada Dana Universiti Penyelidikan untuk membiayai 43 projek yang telah dipersetujui bersama sebagai *seed fund*.

Pembentangan Bajet Negeri Johor 2017 telah menyaksikan keyakinan Kerajaan Negeri terhadap keupayaan Universiti apabila Universiti diperuntukan sejumlah RM430 ribu untuk membiayai 7 projek *Low Hanging* yang dikenalpasti. Melalui IISJ, UTM juga buat pertama kalinya telah berjaya menganjurkan *Johor Entrepreneurial and Innovation Day 2016* (JEnID 2016) dengan melibatkan pameran hasil inovasi Insitituti Pengajian Tinggi di negeri Johor bersama dengan program INATEX 2016 yang dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor sendiri pada 6 Oktober 2016. Pada acara berkenaan turut diadakan majlis menandatangani Surat Niat Kerjasama antara IPT di Johor sebagai menyokong hasrat penubuhan IISJ.



Perasmian Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ) oleh YAB Menteri Besar Johor



Perasmian *Johor Entrepreneurial and Innovation Day 2016* (JEnID 2016) oleh YAB Menteri Besar Johor

Kolaborasi Institusi dan Industri

Keupayaan kepakaran penyelidik universiti boleh diukur daripada pengiktirafan pihak luar atas kerjasama dan kepercayaan yang dijalinan. Setiap tahun kita menyaksikan pelbagai kerjasama telah dijalin oleh UTM dengan institusi ternama dan pemain global dalam industri. Antaranya pada tahun 2016, universiti telah memperbaharui perjanjian MoU dan MoA bersama *Oxford University*, *University of Cambridge*, *University of Applied Sciences and Arts Northwestern Switzerland* dan penubuhan *UTM Ericsson Innovation Centre for 5G (IC5G)* di UTM KL.

UTM menerusi Pusat Komunikasi Wayarles (WCC) menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan dalam pelbagai bidang berkaitan komunikasi wayarles antaranya komunikasi wayarles mudah alih, komunikasi wayarles tetap dan komunikasi satelit. Dan terkini WCC memfokus kepada sistem komunikasi wayarles mudah alih generasi kelima

(5G) setelah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada akhir tahun 2014.

Pusat Inovasi 5G (IC5G) UTM-Ericsson ditubuhkan selepas memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara Ericsson dan UTM menerusi WCC. IC5G memaparkan inovasi 5G, makmal penyelidikan 5G dan ruang pembelajaran 5G, yang dijangka membawa manfaat kepada pelajar, penyelidik dan industri. Pusat tersebut menawarkan program pembelajaran yang dijangka membawa manfaat kepada 2,000 pelajar dalam tempoh tiga tahun bagi mempersiapkan mereka untuk menceburi kerjaya dalam ekonomi digital baharu. Ianya merupakan usaha memacu ekonomi negara ke arah mencapai keupayaan dan inovasi 5G dan menjadikan Malaysia menjadi sebuah negara Digital Pintar menjelang 2020.

 	RM500 thousand 1st & 2nd Phase of collaboration	RM3mil research funding to date UTM-Ericsson 5G Research Laboratory UTM-Ericsson 5G Showcase & Experience Centre UTM-Ericsson Learning Centre			
5G High Impact R&D and Innovation	 High Impact Joint R&D (Univ. Industry)	 Joint Publication (Univ. Industry)	 Mutual Knowledge Sharing	 Join Local & International Grant Application	 Staff Attachment & Exchange
5G Training Program & Life Long Learning	 Industry-Oriented Training for Students	 Life Long Learning for Industry	 Graduate Employability Program	 Place & Train Program	 International & Local Network & Linkage
5G Show Cases & Experience Centre	 Free Technology Education to Community	 Industry-University Partnership Program	 Research Community Outreach Program	 Community Service Responsibility Program	 Lab & Classroom Development

Kerjasama Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE), Pusat Komunika Wayarles (WCC), UTM dengan Ericsson dengan penubuhan Pusat Inovasi 5G (IC5G) UTM-Ericsson


UTM telah menerima pengiktirafan anugerah kecemerlangan jalinan sekolah kluster kecemerlangan (SKK) dengan Universiti Awam (SKK-UA) yang telah diwujudkan bagi pelaksanaan program kolaborasi dan aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada kecemerlangan sekolah. Impak yang dicapai melalui pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan bersama SKK dan UA telah membuktikan bahawa kolaborasi ini telah membuahkan kejayaan sekolah yang perlu menjadi contoh bagi memberikan inspirasi kepada sekolah-sekolah lain. UTM telah berkolaborasi dengan 31 buah sekolah di Johor. UTM telah mencalonkan 2 buah sekolah dan SMPK Vokasional Indahpura Kulai telah menjuarai anugerah tersebut di bawah kategori Inovasi dan Pengkormersilan Produk.



Pameran dan Perkhidmatan Yang ditawarkan




Majlis Penyerahan Anugerah




Penyampaian Berprestasi Tinggi

Pengurusan Bakat dan DNA Institusi

Dalam menghadapi masalah kewangan, UTM telah mengambil langkah mengurangkan staf kontrak termasuk memendekkan tempoh perkhidmatan staf kontrak sedia ada. Pengurangan ini dapat dilihat dengan jelas dalam rajah di bawah dari tahun 2010 hingga 2016 bagi staf akademik dan Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP). Walaupun terdapat pengurangan staf PPP tahun demi tahun, UTM tetap memastikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan berada dalam kualiti yang tinggi di mana indeks kepuasan pelanggan (CSI) masih berada di tahap yang baik iaitu 72 peratus. Ini menunjukkan bahawa UTM masih mampu mengekalkan prestasi perkhidmatan pelanggan walaupun terdapat pengurangan staf.



Taburan Staf Kontrak Akademik dan PPP (2010-2016)



Keseluruhan Staf UTM 2011-2016

Rajah taburan keseluruhan staf UTM dari tahun 2010 hingga 2016 menunjukkan terdapat pengurangan staf dari tahun 2010 hingga 2016 meliputi staf tetap, kontrak dan sementara. Walaupun berlaku pengurangan staf, UTM masih mementingkan sistem penyampaian berprestasi tinggi dan antaranya adalah proses audit perjawatan dan "*redeployment*" bagi memastikan tiada lebih sumber manusia dalam setiap penempatan dan memastikan beban tugas yang diberikan adalah setimpal dengan keupayaan staf. Selain itu, pelbagai pengukuran kompetensi staf dibangunkan seperti Kompetensi Index Staf bagi memastikan setiap staf kompeten terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan. Universiti turut menyediakan pelbagai peluang pembangunan diri bermula dari staf melapor diri sehinggalah persediaan staf menghadapi persaraan.

UTM turut menyediakan program "*attachment*" melalui program *New Learning and Leadership Exposure for Non-Academic Staff* (NewLens) bagi memberi peluang kepada staf untuk mempelajari atau mendapatkan ilmu dari organisasi luar, tidak kira dalam mahupun luar negara. Program "*attachment*" ini akan memberi peluang kepada staf untuk bekerja sambil belajar di organisasi-organisasi yang dikenal pasti. UTM akan menyediakan kuota dan sedikit peruntukan bagi menjayakan program ini kerana ia akan memberi impak yang besar terhadap peningkatan prestasi staf seterusnya membolehkan staf menyumbang pengetahuan dalam jabatan mereka.

Program NewLens diteruskan sebagai platform di mana staff PPP terus menghayati budaya pembelajaran sepanjang hayat serta mempraktikkan nilai-nilai DNA UTM melalui keterlibatan dalam pelbagai latihan dan kursus di bawah program tersebut. Pembangunan *NewLens Framework* adalah memberi fokus utama terhadap pembangunan individu, kerjaya dan organisasi yang mana hasilnya akan memberi kesan kepada Visi dan Misi UTM. Pembangunan individu menitikberatkan peningkatan kemahiran dan pengetahuan dalam melahirkan seseorang yang mampu memberi perkhidmatan bertaraf dunia yang berasaskan integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan pelaksanaan tadbir urus terbaik. Antara inisiatif


yang diambil adalah memberi peluang kepada staf untuk mengikuti *On the Job Training* (OJT) di organisasi luar yang mempunyai praktis amalan terbaik yang boleh dipelajari. Selain itu, peluang meningkatkan tahap pengetahuan juga diberikan kepada staf yang menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi samada secara sepenuh masa atau separuh masa. Di samping itu, program transformatif seperti Sijil Profesional dan Program *Attachment* juga disediakan untuk menuju pencapaian visi dan misi yang digariskan. Pada tahun 2016, seramai 11 staf PPP telah menjalani program sangkutan (*attachment*) yang mana 9 daripadanya di luar negara sementara selebihnya di dalam negara. Jadual di muka sebelah memaparkan butiran program *attachment* bagi tahun 2016.

Bagi pembangunan kerjaya pula, pada peringkat awal perkhidmatan, staf dilengkapi dengan kursus induksi yang pelbagai untuk memupuk DNA UTM. Selepas itu, kursus atau latihan yang disediakan lebih ke arah peningkatan kerjaya seperti Kursus Bahasa Inggeris, Kursus Peralihan Pembantu Makmal, Kursus Pembangunan Bakat dan latihan asas yang diperlukan. Pembangunan individu dan kerjaya hendaklah selari bagi mencapai pembangunan organisasi. Hasil pencapaian individu dan kerjaya menghasilkan staf yang berupaya menghadapi sebarang perubahan dan cabaran serta mampu mengubah set minda ke arah yang lebih cemerlang.

Program Sangkutan (*Attachment*) di bawah *Newlens* 2016

Bil	Nama	Lokasi	Tarikh	Bidang Fokus	Status
1.	Siti Faridah bt. Shikh Rahman (F52)	Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	1 - 31 Januari Lanjutan)	Pengurusan Projek, Pengiktirafan PTM dalam bidang pakar ICT	31 hari
2.	Roslai bin Paimin (F48)	Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	1 - 31 Januari (Lanjutan)	Pengurusan Projek, Kaedah pembayaran kepada syarikat	31 hari
3.	Dina Azleema binti Mohamed Nor (N41/44)	Technical University of Ostrava (TUO), Czech Republic	19 Mei - 1 Jun	Latihan dan Pembangunan, Pengurusan Bakat, Pengambilan dan Pemilihan, Pengurusan Prestasi & Pelan Penggantian	14 hari
4.	Zurik Azaham bin Aris (N48)	Institute of Technology, Bandung, Indonesia	8 - 30 Oktober	Pengurusan aktiviti pelajar, Perancangan kegiatan pelajar, Pengurusan Sumber Manusia	23 hari
5.	Norizan binti Salleh (N48)	Lehigh University, United States of America (USA)	16 Oktober - 21 November	Komunikasi Strategik dan Penjanaan Kewangan	37 hari
6.	Abdul Razib bin Hj. Shahuddin (N54)	Shibaura Institute of Technology (SIT), Jepun	24 Oktober - 5 November	Sumber Manusia, Governan, Perancangan Korporat, Pemasaran Produk	11 hari
7.	Zulfikar bin Ahmad (S44)	Univeristy of Hull, United Kingdom	24 November - 26 Disember	Pembangunan Pelajar, Psikologi dan Kaunseling	33 hari
8.	Nik Masriza binti Zakaria (S48)	Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS), United Kingdom	26 November - 8 Disember	Pengurusan Perpustakaan Khas, Pengurusan Bahan Nadir, Peluang Kerjasama antara Perpustakaan	13 hari
9.	Sharifah Fadzlina bt. Syed Helmy Al-Husaini (N41/44)	Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS), United Kingdom	26 November - 8 Disember	Pentadbiran Akademik Pelajar Pasca Ijazah, Pengurusan Hal Ehwal Pelajar	13 hari
10.	Hazila binti Rahmat (N44)	Queensland University of Technology, Australia	25 November - 11 Disember	Sumber Manusia, Latihan Staf, Kursus Induksi, dan Governan	17 hari
11.	Murni Hariyanti binti Muslim (N41/44)	Aachen University, Jerman	1- 20 Disember	Struktur Governans, Pengurusan Bakat Pentadbiran Fakulti	20 hari

Merujuk kepada statistik dalam rajah di bawah, didapati bilangan staf akademik berkelayakan Doktor Falsafah (PhD) meningkat dari tahun 2010 hingga 2015. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan pada tahun 2016 akibat pengurangan staf kontrak bermula Mei 2016 yang lalu. Tindakan mengurangkan staf kontrak ini memberi kesan kepada penjimatan emolumen staf kontrak sebanyak RM6 juta berbanding tahun 2015. Walaupun bilangan ini berkurangan, ianya masih tidak menjejaskan peratusan PhD yang diperlukan mengikut keperluan MyRA iaitu masih mencapai 84.4 peratus sehingga Disember 2016.




Taburan Staf Akademik Berkelayakan PhD (2010 – 2016)

Proses pengurangan staf kontrak juga dibuat dengan teliti melalui pelbagai proses analisa dan hasilnya membuktikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran masih boleh diteruskan dengan baik serta memenuhi keperluan bidang kritikal di fakulti. Kualiti perkhidmatan juga masih dapat dikekalkan.

UTM telah dianugerahkan penarafan lima bintang dari segi pengurusan data MyMohes oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, sekaligus diperakui sebagai yang terbaik di antara lima UTM penyelidikan di Malaysia. Sebelum itu, UTM telah menerima penarafan lima bintang bagi Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik 2016 peringkat UTM Awam oleh Arkib Negara Malaysia. Antara penilaian panel juruaudit mengenai amalan baik (*best practices*) yang dilaksanakan di UTM adalah seperti berikut :

- Pemantauan secara berkala keatas pelaksanaan Pengurusan Rekod Secara Elektronik dan pelupusan rekod seluruh UTM.
- Pewujudan pelbagai sistem elektronik untuk akses kepada pelbagai dokumen (contoh: dokumen kewangan berkaitan geran penyelidikan).
- Pendaftaran dokumen terperingkat dilaksanakan di seluruh UTM.
- Pewujudan Bilik Rekod untuk fail kurang aktif.
- Pewujudan Pusat Rekod untuk fail tak aktif yang menunggu untuk dilupuskan dan juga untuk fail perlu disimpan kekal di UTM.

Selain staf akademik, staf PPP juga telah menunjukkan inisiatif untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Peratusan staf pengurusan yang mempunyai kelayakan Sarjana dan PhD meningkat kepada 36 peratus tahun 2016 berbanding hanya 15 peratus pada tahun 2010. Staf daripada kumpulan sokongan juga turut menunjukkan usaha peningkatan pengetahuan dengan peratus peningkatan staf yang mempunyai kelayakan Diploma ke atas meningkat daripada dua peratus kepada lapan peratus. Walaupun UTM mengalami masalah kewangan dan kuota staf PPP mengikuti cuti belajar adalah sedikit, ini tidak mematahkan semangat staf PPP untuk terus berusaha meningkatkan kualiti diri mereka walau pun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri dan mengikutinya secara separuh masa bagi mendekatkan jurang pengetahuan mereka dengan staf akademik. Usaha seperti ini wajar dipuji dan dijadikan contoh kepada staf-staf lain.



Taburan Kelulusan Pengajian Tertinggi Staf PPP 2010 - 2016

Seluruh staf UTM sentiasa beriltizam untuk menunjukkan prestasi cemerlang dalam memperkasa reputasi UTM. Mereka berusaha dengan gigih untuk mempertingkatkan budaya kerja dan merealisasikan sistem penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi. Inilah DNA UTM yang terserlah apabila empat orang staf PPP berjaya bergraduasi dalam peringkat Doktor Falsafah pada tahun 2016. Dr. Ayyub Hassan dan Dr. Beni Widarman Yus Kelana dalam bidang pengajian Pengurusan, Dr. Naemah Hamzah dalam bidang Pengajian Islam dan Dr. Bebe Abu Bakar dalam bidang Pengurusan Risiko. Penerapan disiplin, fokus, komited dan kemampuan mereka menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan merupakan satu kebanggaan. Ini merupakan contoh penghayatan budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan staf PPP yang sentiasa bersemangat untuk penambahbaikan sendiri tanpa pernah merasa selesa berada dalam zon keselesaan mereka.

Universiti menerusi UTMLead secara berterusan merangka dan melaksanakan kursus dan latihan untuk meningkatkan kompetensi staf akademik khususnya berkaitan P&P seperti *Professional Academic Refresher Course* (PARC). Pelbagai usaha juga akan dirangka bersama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan dalam kalangan pentadbir akademik. Di samping itu, pengurusan bakat dan pelan peralihan staf akademik juga akan diberi perhatian oleh UTMLead dengan pelaksanaan projek *Academic Leadership Talent Management System* (ALTMS).

Statistik Kelayakan Profesional Staf Akademik

Kelayakan Profesional	2014	2015	2016
Jurutera Profesional (Ir.)	58	59	59
<i>Chartered Engineer</i>	55	60	62
Arkitek Profesional (Ar.)	5	3	3
Arkitek Landskap (LAr)	8	6	6
Perancang Bandar Berdaftar	12	11	11
<i>Chartered Architect</i>	0	1	1
Jurukur (Sr.)	43	38	40
<i>Chartered Surveyor</i>	3	3	3
<i>Chartered Chemist</i>	35	36	36
<i>Chartered Scientist</i>	2	2	2
<i>Chartered Accountant</i>	3	3	3
Peguam Syarie	1	1	1
Peguambela & Peguamcara	1	1	1
AJK Majlis Fatwa	1	1	1
Kaunselor Berdaftar	4	4	4
Penilai / Ejen Hartanah Berdaftar	3	3	3
<i>Chartered Mathematician</i>	1	1	1
Jumlah	235	233	237

Terdapat sedikit peningkatan pensyarah yang memperolehi kelayakan profesional. Ini disebabkan beberapa kursus yang berkaitan kelayakan profesional diadakan oleh UTMLead bagi menggalakkan pensyarah memohon kelayakan profesional seperti kursus BEM (*Board of Engineers*), *PI Talk and Mentor Talk*. dan bengkel Jurutera Profesional. Selain dari itu, Latihan Ikhtisas turut mendorong kepada peningkatan staf memohon kelayakan profesional

Kecemerlangan individu dalam kalangan staf akademik melayakkan mereka mendapat pengiktirafan dalam memantapkan kapasiti UTM sebagai sebuah organisasi pendidikan tinggi. UTM terus berjaya melahirkan staf akademik yang

diiktiraf di peringkat nasional dan global. Antaranya, Profesor Dato' Dr. Norbik Basha Idris telah berjaya menjadi penerima pertama daripada negara ASEAN yang dianugerahkan 2016 *Information Security Educator* oleh *International Information System Security Certification Consortium*, Amerika Syarikat. Profesor Dr. Khairiyah Mohd Yusoff telah menerima anugerah pingat "*IChemEe Morton*" kerana kecemerlangan beliau dalam bidang pendidikan Kejuruteraan Kimia oleh *The Institution of Chemical Engineers* (IChemE).

Prof. Madya Dr. Zainura Zainon Noor pula dianugerahkan *ASEAN-US Science & Technology Fellowship* oleh *United States Agency International Development* (USAID). Sementara Dr. Norhayati

Abdullah dari *Malaysia-Japan International Institute of Technology* (MJIT) merupakan penerima *Fullbright Fellowship* di bawah program *US ASEAN Academic Exchange*. Manakala Dr. Yeong Che Fai tersenarai dalam *Digerati* 50 terbitan *Digital News Asia* (DNA) yang menyenaraikan 50 profil individu berpengaruh dan penggerak yang membentuk Ekonomi Digital Malaysia. Selain dari para akademik, Tan Sri Dr. Salleh Mohd Noor, Pro Canselor UTM turut menerima Anugerah Merdeka 2016 untuk kategori Alam Sekitar. Pengiktiran ini berdasarkan sumbangan bakti beliau dalam bidang pemuliharaan alam sekitar dan perhutanan di Malaysia melalui peranan kepimpinan beliau di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

Kecemerlangan penyelidik berserta hasil penyelidikan mereka juga menyerlahkan jenama UTM sebagai sebuah pusat pendidikan tinggi yang tersohor. Tiga penyelidik UTM, Profesor Dr. Sr. Mazlan Hashim, Profesor Dr. Azman Hassan dan Profesor Dr. Tharek Abdul Rahman

telah berjaya dinobatkan sebagai *Top Research Scientist Malaysia 2016* oleh Akademi Sains Malaysia. Manakala tiga lagi penyelidik telah memenangi *Malaysia's Rising Star Award 2016* oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Profesor Dr. Ahmad Fauzi Ismail dan Profesor Dr. Zainal Salam adalah pemenang anugerah tersebut di bawah kategori *Frontier Researcher*, sementara Profesor Ir. Dr. Sharifah Rafidah Datu Wan Alwi merupakan pemenang di bawah kategori *Young Researcher*. Ketokohan akademik Profesor Dr. Ahmad Fauzi Ismail juga terserlah apabila tersenarai dalam *Most Cited Researchers* dalam *Shanghai Ranking* bagi kategori *Global Ranking of Academic in Chemical Engineering* berdasarkan pangkalan data Elsevier 2016. Kepimpinan beliau di dalam penyelidikan turut diiktiraf oleh Akademi Sains Malaysia apabila beliau dilantik sebagai *Chairman of Academy Science Malaysia Southern Chapter Region*. Jadual di bawah menyenaraikan kejayaan staf akademik UTM dengan lebih terperinci di peringkat nasional dan global sepanjang tahun 2016.

Pengiktirafan dan Pencapaian Staf Akademik UTM Sepanjang 2016

Pengiktirafan/Pencapaian	Agensi Pengiktiraf/Penganjur/Majlis
Prof. Dr. Sr. Mazlan Hashim, Profesor Dr. Azman Hassan dan Profesor Dr. Tharek Abdul Rahman, dinobatkan sebagai <i>Top Research Scientists Malaysia 2016</i>	Akademi Sains Malaysia (ASM)
Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail dan Profesor Dr. Zainal Salam adalah pemenang anugerah <i>Malaysia's Rising Star Award 2016</i> di bawah kategori <i>Frontier Researcher</i> , sementara Profesor Ir. Dr. Sharifah Rafidah Datu Wan Alwi merupakan pemenang di bawah kategori <i>Young Researcher</i>	Kementerian Pendidikan Tinggi
Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) tersenarai dalam <i>Most Cited Researchers</i> dalam <i>Shanghai Ranking's Global ranking of Academic in Chemical Engineering</i>	Elsevier 2016
Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, <i>Chairman of Academy Science Malaysia Southern Chapter Region</i>	Academy Science Malaysia

Pengiktirafan/Pencapaian	Agensi Pengiktiraf/Penganjur/Majlis
Prof. Dato' Dr. Norbik Basha Idris dari <i>Advanced Informatics School</i> (UTM AIS) dianugerahkan 2016 <i>Information Security Educator</i> - Penerima pertama daripada Negara ASEAN	International Information System Security Certification Consortium, USA
Prof. Dr. Khairiyah Mohd Yusoff menerima anugerah pingat " <i>IChem Morton</i> " sempena pengiktirafan kecemerlangan dalam Pendidikan Kejuruteraan Kimia	The Institution of Chemical Engineers (IChemE)
Prof. Dr. Sharifah Rafidah Wan Alwi menjadi pemenang kedua 2016 <i>ASEAN-US Science Prize for Women</i> di mesyuarat menteri-menteri ASEAN	The Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), the U.S. Mission to ASEAN and the U.S. Agency for International Development (USAID)
Prof. Dr. Zulkifli Bin Yusop, Dekan Penyelidik Kelestarian Sumber (<i>Resource Sustainability</i>) dilantik sebagai Pakar <i>Runding Integrated Lake Basin Management Plan (ILBMP)</i> di Tasik Sembrong, Johor dan Tasik Batang Ai, Sarawak	National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM)
Prof. Dr. Amran Hamzah, dari Fakulti Alam Bina diberi pengiktirafan di atas sumbangan dan keahlian beliau di dalam Jawatankuasa Pemandu Global	IUCN Commission on Environmental, Economic and Social Policy
Prof. Naomie Salim dari Fakulti Komputeran terpilih antara tiga peserta terbaik layak ke peringkat akhir untuk <i>South East Asian Regional Computer Confederation (SEARCC)</i> di bawah kategori <i>ICT Researcher of the Year</i>	South East Asian Regional Computer Confederation (SEARCC)
Prof. Dr. Amran Hamzah dilantik sebagai Pengerusi bersama <i>IRDA Future City Advisory Council</i>	Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
Tan Sri Dr. Salleh Mohd Noor, Pro Canselor UTM dianugerahkan " <i>2016 Merdeka Award</i> " untuk kategori Alam Sekitar	Amanah Anugerah Merdeka diasaskan oleh Petronas, ExxonMobil dan Shell
PM Dr. Zainura Zainon Noor, penerima <i>ASEAN-US Science & Technology Fellowship</i>	United States Agency International Development (USAID)
PM Dr. Mohd Zarhamdy Md. Zain menerima pengiktirafan emas daripada <i>National Research Council Of Thailand</i>	National Research Council of Thailand
PM Dr. Fatin Aliah Phang dan <i>Regional Centre of Expertise on Education for Sustainable Development (RCE)</i> telah mendapat pengiktirafan secara rasmi oleh <i>United Nations University</i> untuk " <i>Climate Change Outstanding Flagship Project</i> "	United Nations University (UNU)

Pengiktirafan/Pencapaian	Agensi Pengiktiraf/Penganjur/Majlis
PM Dr. Sr. Maizon Hashim dari Fakulti Alam Bina dianugerahkan <i>Elite Award</i>	Lembaga Jurukur Bahan Malaysia (LJBM)
PM Dr. Mohd Azizi Che Yunus memenangi anugerah <i>"Best of the Best"</i> di INATEX 2016 dan menerima geran penyelidikan bernilai RM100,000	Pejabat Menteri Besar Johor
Prof Madya Dr. Khassim Thukiman dilantik sebagai <i>Leadership Council Member of 3rd Iskandar Malaysia Social Hero Awards</i> (IMHSA 2016).	Iskandar Malaysia Social Awards (IMHSA)
PM Dr. Gurupiah Mursib menerima Anugerah Karya Ilmiah 2016 Dewan Bahasa & Pustaka kategori bidang Sains Sosial & Kemanusiaan sempena pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2016	Dewan Bahasa dan Pustaka
PM Ahmad Khalid, Timbalan Pengarah HEMA UTM Kuala Lumpur memenangi pingat perak di <i>Volunteer Malaysia Award - A Prime Minister's Award</i> atas sumbangan dan komitmen beliau kepada aktiviti pelajar serta program perkembangan sahsiah pelajar	1 Malaysia For Youth
Dr. Yeong Che Fai tersenarai dalam <i>"Digerati 50"</i> yang mengiktiraf 50 profil individu berpengaruh dan penggerak yang membantu membentuk Ekonomi Digital Malaysia	Digerati 50 terbitan Digital News Asia (DNA)
Dr. Norhayati Abdullah dari <i>Malaysia-Japan International Institute of Technology</i> (MJIIT), penerima <i>"Fullbright Fellowship"</i> di bawah <i>US ASEAN Academic Exchange</i>	Kerajaan Amerika Syarikat
Dr. Khamarrul Azahari bin Razak dari Sekolah Razak UTM dalam Kejuruteraan dan Teknologi Termaju, menerima 2016 <i>Merdeka Award Grant</i>	Amanah Anugerah Merdeka diasaskan oleh Petronas, ExxonMobil dan Shell
Dr. Lee Ting Hun menerima anugerah <i>"Best Paper"</i> dalam <i>10th South East Asian Technical University Consortium</i> (SEATUC)	Shibaura Institute of Technology, Japan
Penyelidik UTM memenangi 1 anugerah khas, 2 pingat emas, 7 pingat perak dan 8 pingat gangsa di Malaysia Technology Expo (MTE)	Malaysia Association Research Scientist (MARS)
Penyelidik UTM memenangi 3 anugerah khas, 10 pingat emas, 5 pingat perak dan 3 pingat gangsa di <i>International Invention & Innovation Exhibition</i> (ITEX)	Malaysian Invention & Design Society (MIND)

Staf PPP juga memperlihatkan usaha yang berterusan dalam meningkatkan kompetensi yang sedia ada bagi menjadi penggerak utama dalam membudayakan penyampaian berprestasi tinggi. Kecemerlangan dari aspek ini dibuktikan apabila Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) G2 Glorious, BSM Pejabat Pendaftar UTM berjaya memenangi Anugerah Projek Harapan dalam Konvesyen KIK Sektor Awam Peringkat Negeri Johor 2016.

Bagi memantau keperluan sebenar sumber manusia, Universiti telah menetapkan KAI 2016 iaitu untuk mencapai sasaran nisbah 1:1.6 staf akademik kepada staf PPP. Sehubungan itu, bagi

tahun 2016, UTM berjaya mencapai sasaran 1:1.6 tersebut. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan mengadakan audit perjawatan, mengenal pasti *right sizing* setiap pusat tanggung jawab menerusi pengurusan keajaiban, pengurangan staf kontrak, pemansuhan dan pengwujudan semula jawatan tidak kritikal kepada jawatan kritikal dan tukar lantik skim jawatan tertutup kepada skim jawatan terbuka. Jika dilihat dari Rajah di bawah, didapati trend nisbah ini meningkat dari tahun 2010. Ini disebabkan bermula tahun 2015, bilangan staf yang diukur adalah termasuk staf kontrak berbanding hanya melihat pada waran jawatan sahaja pada tahun-tahun sebelumnya.

Nisbah Staf Akademik kepada Staf PPP

Tahun	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Staf Akademik	2113	2114	2112	2129	2125	2120	2120	2050
Staf Bukan Akademik	3050	3136	3188	3180	3189	3257	*3616	3208
Jumlah SKP	5163	5250	5300	5309	5314	5377	2120	5258
Nisbah	1:1.4	1:1.5	1:1.5	1:1.5	1:1.5	1:1.5	1:1.7	1:1.6


*pengiraan nisbah tahun 2015 mengambil kira jumlah staf kontrak PPP seramai 344 orang. Waran asal PPP ialah 3272

Program Pengurusan Bakat:Pelan Pembangunan Individu (*Individual Development Plan – IDP*) Staf Pengurusan & Profesional UTM

Program IDP atau Pelan Pembangunan Individu (*Individual Development Plan*) merupakan profil kepimpinan, penyeliaan dan pengurusan kumpulan bakat. Program IDP amat diperlukan bagi menyediakan kualiti sumber manusia yang diperlukan oleh Universiti berasaskan permintaan dan penawaran kepimpinan Universiti. Selain itu, potensi sumber manusia perlu dibangunkan selari dengan 'kekuatan' & 'room for improvement' bagi keperluan pembangunan kompetensi. Program IDP juga amat penting dalam menyokong program pembangunan organisasi Universiti seperti pengurusan kumpulan bakat dan pelan penggantian. Ini kerana Program IDP menyediakan pelan pembangunan individu staf (diri dan kerjaya) melalui profil latihan individu staf dan analisis jurang keperluan latihan serta penyediaan staf kepada kumpulan bakat dan seterusnya pelan penggantian.

Objektif program ini adalah seperti berikut:

- Mewujudkan Pelan Pembangunan Individu Staf Pengurusan & Profesional dan Pelaksana UTM.
- Menyediakan pelan pelaksanaan program latihan berstruktur dan berdasarkan keperluan kompetensi.
- Menyediakan standard kompetensi jawatan beserta instrumen penilaian.
- Menyediakan deskripsi perilaku setiap gred jawatan.
- Menyediakan calon berkelayakan bagi Program Pelan Penggantian Universiti.



Model Kompetensi Staf Pengurusan, Profesional & Pelaksana (PPP) UTM

Merujuk kepada Rajah 1, Model Kompetensi terbahagi kepada dua (2) nilai iaitu Kepimpinan dan Teras. Di bawah nilai Kepimpinan terdapat 5 klasifikasi iaitu 'Mencipta' Masa Hadapan (*Creating the future*), Meneraju Arah, Aspirasi IEG, Memangkin Transformasi (*Catalyzing Transformation*), Mencabar Status Quo (*Challenge the status quo*). Seterusnya sebanyak 16 Kompetensi telah dikenalpasti bagi staf Pengurusan, Profesional & Pelaksana (PPP) UTM.

Asas kepada pembangunan Model Kompetensi Staf PPP UTM adalah berpandukan kepada teori kepimpinan oleh Jim Collins iaitu *Level 5 Leadership*. Oleh itu, sebanyak 27 atribut telah dikenalpasti mengikut tahap dan gred jawatan. Butiran atribut adalah seperti Jadual di bawah:

Atribut Model Kompetensi Staf Pengurusan & Profesional UTM

Kepimpinan		
Klasifikasi	Kompetensi	Atribut
'Mencipta' Masa Hadapan	Berwawasan	Futuristik
		Visualisi
		Jurang &Perancangan
	Orientasi Impak	Dorongan Pencapaian
Meneraju Arah	Mempengaruhi	Inspirasi
		Keyakinan Diri
	Semangat Berpasukan	Berkerjasama
		Keterlibatan
Aspirasi IEG	Inovatif	Rangsangan Intelek
		Break-thru
	Entrepreneurial	Kepintaran Bisnes
	Global	Mindset
		Global Player
	Akademia Baru	Peranan Baru
Memangkin Transformasi	Orientasi Risiko	Risiko
	Adaptabiliti	Penyesuaian Diri
Mencabar Status Quo	Pemikiran Analitikal	Pemaksimuman Output
Jumlah	11	17

Kepimpinan	
Kompetensi	Atribut
Komited	Dedikasi
	Obligasi
Kreatif	Kreatif
	Dinamik
Konsisten	Berdaya Tahan
	Kelestarian
Kompeten	Cekap
	Gigih
Komunikatif	Keterbukaan Artikulatif
* Merah - Summative Assessment	
Nilai	2
Klasifikasi	5
Kompetensi	16
Atribut	23

Sejak pelaksanaan Program Penilaian IDP pada tahun 2014 sehingga 2016, Seksyen Pembangunan, Bahagian Sumber Manusia telah memberi tumpuan kepada Program Penilaian IDP bagi Gred 44. Sebanyak 4 Kumpulan dengan jumlah penyertaan seramai 96 orang peserta yang meliputi pelbagai skim. Berikut merupakan taburan peserta yang telah menyertai Program Penilaian IDP bagi Gred 44.

Setelah menjalani Program Penilaian IDP, peserta akan memperolehi Profil IDP yang mengandungi skor markah hasil penilaian IDP. Berdasarkan skor tersebut mengikut jurang tahap dan kompetensi yang telah ditetapkan, peserta akan melalui Program Pembangunan IDP (*Advance – IDP*). Program tersebut dilaksanakan melalui pelbagai bentuk antaranya Kursus atau Program Kepimpinan yang berkaitan dengan model kompetensi staf PPP UTM. Selain itu, peserta IDP yang berpotensi diberi peluang dan keutamaan untuk mengikuti Program Sangkutan (*Attachment*). Tambahan pula, dalam kalangan peserta IDP juga akan diberikan tugas – tugas khas atau meneraju Jawatankuasa Kerja diperingkat Universiti (*Task-force*). Diperingkat ini juga, himpunan bakat dikenalpasti dan mereka akan disediakan (*grooming*) bagi tujuan Pelan Penggantian Universiti. Profiling IDP ini juga telah digunapakai sebagai rujukan dan panduan bagi proses kenaikan pangkat.

Leadership Development Programme (LDP): Grooming & Mentoring Kumpulan Pengurusan & Profesional UTM (Gred 44, 48 & ke atas)

Seksyen Pembangunan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UTM dengan kerjasama YBhg. Datuk Razali Bin Mahfar selaku Fasilitator, telah menganjurkan program kepimpinan iaitu Leadership Development Programme (LDP): Grooming & Mentoring. Program ini telah berlangsung sejak April 2016 sehingga Januari 2017.

Antara objektif program ini adalah untuk mengenalpasti individu yang berpotensi tinggi bagi tujuan pembangunan, pengurusan bakat dan pelan penggantian. Selain itu, membentuk kumpulan pengurusan yang memiliki minda kepimpinan luar biasa bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dan melaksanakan program yang mampu memperkembangkan kebolehan dan kapabiliti individu melalui program pementoran.



Journey of LDP Phase 1 & 2


Seramai 93 orang peserta menjalani program LDP: *Grooming & Mentoring* yang terdiri daripada pelbagai Skim. Mereka dibahagikan kepada 10 Kumpulan. Terdapat 2 Fasa Program LDP iaitu Fasa Pertama (1): *Individual Potential Assessment* (IPA). Setiap individu akan dinilai melalui kaedah penilaian case study yang telah disediakan secara individu dan juga di dalam kumpulan. Seterusnya ialah Fasa Kedua (2): *Grooming & Mentoring*. Peserta dikehendaki untuk menjalankan Projek LDP yang berbentuk (*hands-on*) dalam ruang lingkup projek di peringkat Universiti, proses kerja yang boleh ditambahbaik dan pembangunan polisi yang relevan. Projek yang dijalankan haruslah memberikan impak secara langsung kepada Universiti. Sebanyak 18 Projek yang sedang berjalan sehingga bulan Disember 2016. Sepanjang Fasa 2 ini, setiap kumpulan melalui 4 sesi *Monthly Review* bagi melaporkan perkembangan projek kepada Mentor dan juga kumpulan yang lain. Pada Januari 2017 telah berlangsung sesi LDP: Kolokium 2017 dan Majlis Penutup & Penyampaian Sijil yang telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid Bin Omar, Naib Canselor UTM.

Semua peserta telah memberikan sepenuh komitmen dalam bentuk tenaga mahupun idea bagi menjayakan program LDP: *Grooming & Mentoring* ini menjadi realiti. Peserta juga telah memperolehi pelbagai input, bimbingan serta pengalaman yang menarik bagi setiap sesi yang dikendalikan oleh YBhg. Datuk Razali Mahfar. Semoga suntikan dan nafas baru yang diperolehi sepanjang program ini akan dapat mendukung hasrat Universiti dalam usaha memperkasakan barisan pengurusan dan kepimpinan warga UTM sentiasa maju ke hadapan.

Persekitaran Kerja Kondusif

Kampus Lestari

UTM merupakan institusi awam pertama mencapai penarafan persijilan 3 bintang dan menerima sijil *Energy Managament Gold Standard* (EMGS), sebuah program pengurusan tenaga di bawah skim Pengurusan Tenaga Asean (AEMAS). Pelaksanaan Kampus Lestari secara menyeluruh di UTM telah menjadi model kepada institusi pengajian tinggi yang lain. Malahan pelaksanaan inisiatif UTM sebagai Kampus Rendah Karbon mampu menyumbang kepada sasaran Malaysia mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020. UTM telah berjaya memenuhi keperluan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari (SEMS). Justeru UTM dilantik dan ditauliahkan sebagai Pengurus Tenaga untuk melaksanakan sistem tersebut dalam bangunan UTM.



Pencapaian UTM dalam *UI Greenmetric World University Ranking* dari Tahun 2014 hingga 2016

Kriteria Penerapan Aspek Kelestarian Mengikut Piawaian *UI Greenmetric*

Tahun	Seting dan Infrastruktur	Tenaga dan Perubahan Cuaca	Sisa	Air	Pengangkutan	Pendidikan	Jumlah Skor	Penarafan
2016	1366 / 1500	821 / 2100	798 / 1800	690 / 1000	820 / 1800	1371 / 1800	5866 / 10000	85


Inisiatif kelestarian terus dipertingkatkan dan dipergiatkan pada tahun 2016 dengan tindakan secara komprehensif bagi memperbaiki sektor pendidikan, landskap yang lebih mampan, pengendalian operasi yang bertransformasi ke arah lestari. UTM kembali berjaya mencapai penanda aras yang ditetapkan dengan mencapai kedudukan ke-85 daripada 516 buah universiti di dunia dengan jumlah keseluruhan 5,688 mata.

UTM telah meletakkan matlamat untuk menjadikan kampus UTM sebagai Kampus Rendah Karbon selari dengan wawasan negara untuk mengurangkan karbon sebanyak 40 peratus pada tahun 2020. UTM telah bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) pada tahun 2015 bagi mengukur dan mengira pembebasan karbon melalui penilaian *Low Carbon Cities Framework & Assessment System* (LCCF). Penilaian tersebut merangkumi empat aspek iaitu *Urban Environment*, *Urban Transport*, *Urban Infrastructure* dan *Building*. Terdapat 35 sub-kriteria yang perlu dipenuhi oleh UTM bagi mencapai aras pengurangan karbon melalui Penanda Aras Amalan Terbaik (*Best Practice*). UTM berjaya mencapai penanda aras yang ditetapkan dan pengurangan karbon sebanyak 42.04 peratus dan mendapat *Best Practice* 3 (BP3) dengan sasaran awal adalah BP2. Tahun 2016, UTM telah menukar kaedah pengiraan pembebasan karbon dengan menggunakan kaedah penilaian *MyCarbon* di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Penilaian *MyCarbon* meliputi tiga skop iaitu *Direct Emissions*, *Indirect Emissions* dan *All Indirect Emissions* dengan sasaran pengurangan karbon sebanyak 10 peratus.




Sistem Penilaian Kampus Rendah Karbon Mengikut Penilaian *Low Carbon Cities Framework* (LCCF) 2015-2016

Pelbagai inisiatif telah dilakukan seperti menghadkan penggunaan kenderaan ke luar negara, memperketatkan perjalanan warga kampus dalam dan di luar negara, penjimatan pengoperasian universiti seperti kontrak pembersihan pejabat, kontrak landskap, pengurusan sisa, penjimatan penggunaan air dan elektrik serta mengadakan program *Car Free Day UTM*. UTM berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan peratusan pengurangan karbon sebanyak 15.64 peratus pada tahun 2016.



Persekitaran Kampus Kondusif 2012-2016

Indeks Kepuasan Terhadap Persekitaran Kampus Kondusif telah dibangunkan sejak 2012 melalui soal selidik yang diedarkan kepada warga kampus. Indeks tersebut meliputi enam faktor iaitu Persekitaran Dalaman (Pejabat/Bilik Kuliah/Makmal), Persekitaran Ekosistem Kampus, Persekitaran Luar Bangunan, Kemudahan Pengangkutan, Kemudahan Arked/Kafeteria dan Fasiliti Sukan. Inisiatif telah dijalankan oleh setiap PTJ dengan pendekatan Makmal Hidup (*Living Lab*) seperti *Green Office*, *Sustainable Arcade*, *Bio-Recycling Centre*, *Sustainable Energy Management System (SEMP)*, *Green School* dan *Green Community*.




Peratus Kandungan Digital UTM 2012-2016

Akses Kandungan Digital Perpustakaan

Penurunan kandungan digital pada tahun 2016 adalah disebabkan oleh kekangan peruntukan 2016 dan justeru itu, perpustakaan telah membatalkan 47 judul pembaharuan langganan pangkalan data dari 81 judul pangkalan data yang aktif kepada 34 judul sahaja. Perolehan atau langganan pangkalan data, jurnal atau ebook baharu untuk tahun 2016 juga tidak dapat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kandungan digital dalaman perpustakaan iaitu UTM-IR telah menyumbangkan dalam *Ranking Web of Repositories* serta membantu melonjakkan kedudukan UTM di peringkat global melalui penarafan *Webometric Ranking Universiti*. Pada tahun 2016, *Ranking Web of Repositories* telah meletakkan UTM di tangga ke 3 bagi Institusi Repositori di Malaysia (*Rank Malaysia*), dan bagi kategori *Top Institutionals*, UTM berada di tempat 282 iaitu antara 300 Institusi Repositori Terbaik di dunia.



Peratus Pencapaian Piawaian Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT)

Pencapaian piawaian ICT merangkumi tahap keselamatan, keupayaan perkhidmatan, keupayaan penyediaan sistem bersepadu, tahap integriti dan kebolehpercayaan sistem serta kualiti perkhidmatan global berdasarkan parameter di bawah:

- *Security Incident*
- Memperkasa keselamatan ICT untuk mengelakkan sebarang ancaman keselamatan. (peratus sistem keselamatan)
- *Availability*
- Memastikan ketersediaan Sistem ICT Universiti 24 jam sehari
- Kepuasan Pelanggan
- Meningkatkan Indeks kepuasan pelanggan terhadap servis ICT yang disediakan
- Perkhidmatan Sokongan (Penyelesaian Aduan ADUIT)
- Memantapkan perkhidmatan sokongan pengguna dengan meningkatkan penyelesaian aduan dan pematuhan kepada SLA yang ditetapkan

Peningkatan penyediaan Infrastruktur ICT yang melibatkan perkhidmatan WiFi di kolej mahasiswa, pertambahan kelajuan internet (*Bandwidth*) dan penyediaan kemudahan *server* dan keselamatannya dibandingkan dari tahun 2014 sehingga 2016.


Reputasi Global

Penarafan Universiti di peringkat Antarabangsa


Pencapaian tertinggi di peringkat global adalah kejayaan UTM melonjak daripada tangga ke-303 pada tahun 2015 ke tangga ke-288 pada tahun 2016 dalam *QS World University Rankings 2016/2017*. Ini melayakkan UTM berada di tangga 300 teratas dalam penarafan universiti terbaik dunia. UTM juga telah berjaya memperbaiki kedudukannya dalam kategori “*Top 50 Under 50*” oleh agensi penarafan yang sama apabila menduduki tangga ke-25 pada tahun 2016 berbanding di tangga ke-30 pada tahun sebelumnya. Manakala untuk *QS University Rankings: Asia 2016* pula, UTM telah berjaya berada di tangga ke-63 UTM terbaik di rantau Asia.

Penarafan oleh *Times Higher Education (THE) World University Rankings Asia 2016*, UTM berada pada tangga ke-70 UTM terbaik di Asia. Ini menjadikan UTM sebagai Universiti terbaik di Malaysia dan

ketiga terbaik dalam kalangan negara-negara ASEAN selepas *National University of Singapore (NUS)* dan *Nanyang Technological University (NTU)*. Manakala untuk kategori *THE BRICS & Emerging Economies Rankings 2017* pula, UTM kekal berada dalam kelompok 100 UTM terbaik berdasarkan kategori tersebut. *Shanghai Ranking* bagi kategori *Global Ranking of Academic Subjects 2016* pula mengiktiraf UTM sebagai satu-satunya UTM di Malaysia yang tersenarai dalam kedudukan 100 teratas dalam subjek Kejuruteraan Awam. Menerusi penarafan oleh *USNews Best Global Universities* untuk kategori Kejuruteraan pula, UTM telah berjaya memperkukuhkan kedudukannya apabila berjaya melonjak ke tangga 85 dari kedudukan ke-130 pada tahun sebelumnya.



Value of Research: World University Ranking



Value of Research: World University Ranking



Penarafan QS World University Rankings bagi Subjek

Ranking	Subjects
Top 100	Chemical Engineering; Electrical & Electronics Engineering ; Built Environment/Architecture; Computer Science & Information Systems; Civil & Structural Engineering; Mechanical, Aeronautical & Manufacturing Eng
Top 150	Agriculture & Forestry; Environmental Sciences; Materials Science
Top 200	Education
Top 250	Mathematics ; Chemistry
Top 300	Linguistics, Modern Languages
Top 350	Physics & Astronomy
Top 400	Biological Sciences

Keahlian UTM dalam Organisasi dan Persatuan Antarabangsa

Bil.	Nama Organisasi dan Persatuan
1.	Association of International Universities (AIU)
2.	The Association of Commonwealth Universities (ACU)
3.	Global Initiatives Partnership (GIP)
4.	Asean University Network/South-East Asia Engineering Education (AUN/SEED-NET)
5.	Asean Learning Network Council (ALNC)
6.	Presidents' Forum of Southeast And South Asia and Taiwan Universities (SATU)
7.	The Global University Network for Innovation (GUNI)
8.	Erasmus Innovation and Design For Euro-Asian Scholars (IDEAS) Consortium
9.	Global Education for Engineers and Entrepreneurs (GE4)
10.	Global Scientific Technology Forum (GSTF)
11.	South East Asian Technical University Consortium (SEATUC)
12.	Association of Universities of Asia & The Pacific (AUAP)
13.	International Education Association of Australia (IEAA)
14.	Science and Technology in Society (STS) Forum
15.	The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL)
16.	National Association of Foreign Student Advisers (NAFSA)
17.	QS World Class
18.	Asean International Mobility For Students (AIMS)
19.	European Association For International Education (EAIE)
20.	EU-Malaysia Chamber of Commerce And Industry (EUMCCI)
21.	Erasmus Mundus
22.	UNESCO
23.	Canadian Urological Association (CUA)
24.	Asia-Pacific Association For International Education (APAIE)
25.	Asia Professional Education Network (APEN)
26.	Meiji-Asean Universities Network
27.	Korea Advanced Institute of Science And Technology (KAIST) Presidential Forum
28.	Global Engineering Education Exchange (GE3)
29.	University Mobility in Asia and The Pacific (UMAP)
30.	Institute of International Education (IIE)
31.	Asia-Pacific University - Community Engagement Network (APUCEN)
32.	The OBHE (Observatory On Borderless Higher Education)
33.	World Technology Universities Network Congress

Aktiviti Pengantarabangsaan

1. Asia-Pacific Association for International Education (APAIE)



UTM telah menyertai **APAIE Conference and Exhibition 2016** di Melbourne, Australia dari 29 Februari hingga 4 Mac 2016. UTM adalah antara 3 peserta akhir yang membida untuk penganjuran APAIE 2018 di Kuala Lumpur dan telah memenangi bidaan tersebut. UTM telah menonjolkan kecemerlangan dalam kepimpinannya apabila berjaya membawa bersama 24 buah universiti di Malaysia sebagai sebuah konsortium untuk menyokong usaha bidaan tersebut. UTM telah mendapat sokongan penuh daripada Pendidikan Malaysia (*Education Malaysia*) dan konsortium universiti di Malaysia untuk mendapatkan buat kali pertama kalinya *Country Booth* yang telah direalisasikan dalam *APAIE Conference & Exhibition 2016* dengan penyertaan aktif oleh 14 buah universiti di Malaysia. UTM telah membentangkan tiga kertas semasa APAIE 2016 seperti berikut:

1. "Enhancing Student Development Agenda through International Mobility Programs: Malaysia Perspective" oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Ismail Abd Aziz
2. "Structure short-term program as a driver for Global Immersion at Home" oleh Assoc. Prof. Dr. Lee Chew Tin
3. "Has Study Abroad does what many thought it can do?" oleh Prof. Dr. Nordin Yahaya

Selain daripada menghadiri **APAIE Conference and Exhibition 2016**, UTM turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Deakin dan Universiti Tasmania di Melbourne, Australia pada 1 Mac dan 2 Mac.

2. 8th UTM University Presidents Forum 2016



UTM telah menganjurkan *University Presidents Forum (UPF) 2016* Siri ke-8 pada 8 hingga 10 Ogos 2016. Seramai 106 orang peserta dengan penglibatan 29 orang Presiden dari 55 buah universiti dari 18 buah negara telah hadir ke forum ini.

Penceramah :

1. Professor Datuk Ir. Dr. Wahid Omar, **Universiti Teknologi Malaysia**, Malaysia
2. Professor Gee-Woo Bock, **Sungkyunkwan University**, South Korea
3. Prof. Dr. Wahid Razzaly, **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**, Malaysia
4. Dr. Ir. Edwan Kardena, **Institut Teknologi Bandung**, Indonesia
5. Professor Hiroyuki Ukai, **Nagoya Institute of Technology**, Japan
6. Professor Peter G. R. Smith, **University of Southampton**, United Kingdom
7. Professor Jane den Hollander, **Deakin University**, Australia

Ahli Panel :

1. Prof. Ravi Mokashi Punekar,
Indian Institute of Technology Guwahati,
India
2. Engr Muhammad Asghar,
**National University of Sciences and
Technology, Pakistan**
3. Prof. Kim Jong Ho,
**Seoul National University of Science and
Technology, Korea**
4. Prof. Dr. Hiroshi Yasuda,
Tokyo Denki University, Japan
5. Assoc. Prof. Dr. Hajah Zohrah Haji Sulaiman,
Universiti Teknologi Brunei, Brunei

3. Workshop on University Rankings



UTM telah bengkel "*Introduction to University Rankings : What and How*" pada 8 Ogos 2016. Seramai 77 orang peserta dengan penglibatan 20 orang Presiden dari 41 buah universiti dari 16 buah negara telah hadir ke bengkel ini.

Antara objektif bengkel ini adalah untuk mempelajari amalan terbaik (*Best Practice*) dalam menjenamakan dan memasarkan sebuah institusi menerusi "*expert knowledge*". Selain untuk mendapatkan pandangan /wawasan mengenai metodologi penarafan QS dan lain-lain penarafan, bengkel ini juga bertujuan untuk menjalinkan jaringan keserakanan antara universiti dan organisasi korporat. Bengkel ini juga bertujuan untuk mempelajari mengenai pekhidmatan perundingan dan penyelidikan QS untuk kajian penandas dan strategi pembangunan pengantarabangsaan.

4. Asia Technological Universities Network (ATU-Net)



Bagi memenuhi hasrat Universiti untuk mencapai status *Top 50 in Engineering and Technology* amnya serta menyokong universiti teknologi di rantau Asia khususnya dalam meningkatkan penarafan serta penyerlahan universiti di peringkat global, *Asia Technological Universities Network* (ATU-Net) telah ditubuhkan. ATU-Net berperanan sebagai sebuah badan atau unit yang menasihati tentang hala tuju strategik universiti teknologi yang terulung di rantau Asia berhubung dengan pengurusan strategik, pengantarabangsaan, akademik dan penyelidikan. Jumlah keseluruhan universiti yang menjadi ahli adalah sebanyak 20 buah universiti dengan 19 ahli pengasas daripada 10 buah negara iaitu Brunei, China, Filipina, India, Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, Pakistan dan Thailand. UTM telah dilantik sebagai Pengerusi ATU-Net, manakala Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sebagai Naib Pengerusi.

Senarai Ahli Pengasas (*Founding Members*) *Asia Technological Universities Network* adalah seperti berikut :

1. Brunei
 - Universiti Teknologi Brunei
2. China
 - *Guilin University of Technology*
3. India
 - *Indian Institute of Technology Madras (also represented IIT Roorke)*
 - *Indian Institute of Technology Guwahati*
 - *Indian Institute of Technology Kanpur*
4. Indonesia
 - Institut Teknologi Bandung

5. Japan
 - *Shibaura Institute of Technology*
6. Korea
 - *Seoul National University of Science and Technology*
7. Malaysia
 - *Universiti Teknologi Malaysia*
 - *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*
 - *Universiti Malaysia Perlis*
8. Pakistan
 - *National University of Sciences and Technology*
 - *HITEC University*
 - *COMSATS Institute of Information Technology*
 - *Mehran University of Engineering & Technology, Jamshoro*
9. Philippines
 - *Mindanao State University – Iligan Institute of Technology*
10. Thailand
 - *King Mongkut's University of Technology Thonburi*
 - *King Mongkut's University of Technology Ladkrabang*
 - *Suranaree University of Technology*

Mesyuarat Pertama ATU-Net *Meeting* telah diadakan pada 9 Ogos 2016 dan dihadiri oleh 11 buah universiti dari 10 buah negara seperti berikut :

- *Universiti Teknologi Brunei, Brunei*
- *Guilin University of Technology, China*
- *Indian Institute of Technology Madras, India*
- *Indian Institute of Technology Guwahati, India*
- *Institut Teknologi Bandung, Indonesia*
- *Seoul National University of Science & Technology, Korea*
- *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia*
- ***Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia***
- *Mindanao State University – Iligan University of Technology, Philippines*

Termasuk 2 universiti pemerhati (*observer*):

- *Suranaree University of Technology, Thailand*
- *Toyohashi University of Technology, Japan.*

5. *Indonesia-Malaysia Research Consortium (I'MRC)*



Indonesia-Malaysia Research Consortium (I'MRC) forum telah diadakan dengan jayanya di UTM Kampus Kuala Lumpur. I'MRC adalah jaringan universiti dan institusi berintensifkan penyelidikan di negara Indonesia dan Malaysia. Bergerak bersama dalam menggalakkan inovasi institusi melalui pengajaran dan pembelajaran berasaskan penyelidikan, mobiliti mahasiswa, menghubungkan pelajar dan staf, dan sokongan yang lebih luas untuk pengantarabangsaan. Forum itu dipengerusikan oleh mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia, Y. Bhg. Dato 'Seri Ir. Dr. Zaini Ujang. Ia telah dihadiri oleh lebih daripada 70 delegasi dari lebih 30 institusi pengajian tinggi di Malaysia dan Indonesia termasuk Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universitas Indonesia, Institut Teknologi Bandung, Institut Pertanian Bogor, Badan pengkajian dan Penerapan Teknologi dan Institut Teknologi Sepuluh Nopember. Bekas Menteri Pendidikan Nasional, Indonesia - Prof. Dr. Ir. Mohammad Nuh juga menyertai forum ini. Bengkel kerjasama penyelidikan telah diadakan dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi UTM, Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail. Isu kerjasama penyelidikan dan penyeliaan bersama antara Intitusi Pengajian Tinggi Indonesia dan Malaysia telah pun dibincangkan.



Ahli Pengasas (*Founding Members*) Asia Technological Universities Network



Wakil Universiti yang Menghadiri Mesyuarat Asia Technological Universities Network (ATU-Net)

Upacara Berimpak Tinggi 2016

20 Januari 2016

Pelancaran Buku Corat Coret UTM, Datuk Lat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



26 Januari 2016

Khartoum State Ministry Senior Managers Attend Training of Trainers (TOT) Program

UTM Razak School, UTM Kuala Lumpur



29 Januari 2016

Perasmian SUKIPT 2016

Stadium Azman Hashim, UTM Johor Bahru



18 Februari 2016

MJIT Lecture Series by YB Dato' Seri Idris Jusoh UTM KL

Dewan Azman Hashim, UTM Kuala Lumpur.



25 Februari 2016

British High Commission Great Debate "Does an English Medium Education Increase Competitiveness or Dilute Identity"

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru.



6 Mac 2016

UTM Public Lecture by Executive Director of +Solar

Menara Razak, UTM Kuala Lumpur



8 Mac 2016

**Majlis Ramah Mesra DYMM
Raja Zarith Sofiah Bersama
Mahasiswa UTM**

Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru



17 Mac 2016

**Majlis Pelancaran *Because We Care*
Chancellor's Fund**

Double Tree Hilton, Johor Bahru



2 April 2016

**Sesi Perkongsian Ilmu Bertajuk
"First Class Mentality
Transformational Leadership"**

Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru



4 April 2016

**Lawatan Kerja Duta Azerbaijan
di Malaysia ke UTM**

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim,
UTM Johor Bahru



5 April 2016

***Establishment of University of
Tsukuba-MJIT UTM Cooperation
Office In Japan***

UTM Kuala Lumpur



10 April 2016

**Program Libatsama Komuniti
Berkokus Perak Academic Community
Engagement 2016**

Bagan Datoh, Perak



20 April 2016

Lawatan Kerja Delegasi University of Leeds, United Kingdom ke UTM dan Majlis Menandatangani Surat Perjanjian Kerjasama (LoC)

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru.



9 Mei 2016

Majlis Penghantaran Bantuan Peralatan Sistem Rawatan Air ke Kelantan

UTM Razak School of Engineering dan Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim UTM Johor Bahru



12 Mei 2016

Program Canting Bersama DYMM Permaisuri Johor

Fakulti Alam Bina, UTM Johor Bahru.



22 Mei 2016

Lawatan Kerja Duta Republic Czech di Malaysia ke UTM

Palm Villa Golf & Country Club Kulai, Johor Bahru



24 Mei 2016

Majlis Penyampaian Dana *Because We Care Chancellors Fund*

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru.



26 Mei 2016

44 UTM Industrial Partners Attended Academia-Industry Appreciation Night

UTM Kuala Lumpur



18 Jun 2016

**Majlis Iftar Bersama
DYMM Permaisuri Johor**
Masjid Sultan Ismail, UTM Johor Bahru.



23 Jun 2016

**CEO@Faculty Programme by Tan Sri
Dr. Rebecca Fatima Sta Maria**
Menara Tun Razak, UTM Kuala Lumpur.



29 Jun 2016

**Syarahana Perdana H.A. Hellyer
Bertajuk *Islamic Acculturations :
Muslims, Malaysia And Cultural
Creation***
Persada, Johor Bahru.




24 Julai 2016

**Syarahana Perdana Transformasi
Perkhidmatan Awam oleh
YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi
Zainal, Ketua Perkhidmatan Awam
Dan Merasmikan Pusat Dialisis UTM**
Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru



15 Ogos 2016

**8th UTM University Presidents Forum
(UPF) 2016**
UTM Johor Bahru.



15 Ogos 2016

**Majlis Persidangan Antarabangsa
Rural Research & Planning**
Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim,
UTM Johor Bahru.



19 Ogos 2016

**Mahasiswa UTM Bakal Cipta
Rekod 'Palm Print' Jalur Gemilang
Terpanjang di Malaysia**

Dataran Ilmu, UTM Kuala Lumpur



24 Ogos 2016

UTM Wins Big at ABU Robocon 2016

Bangkok, Thailand



24 Ogos 2016

**Advokasi Ilmuan: "Perumahan
di Malaysia Mampu Milik atau Mampu
Tengok?"**

Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.



6 September 2016

Majlis Graduasi SME@UTM

Hotel V8, Taman Nusa Bestari, Skudai.



14 September 2016

**60 UTM Student Volunteers to Join
Patriot '16 Charity Programme**

Petaling Jaya, Kuala Lumpur.



20-21 September 2016

**Majlis Perasmian International
University Carnival E-Learning
(IUCEL) 2016.**

Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.



6 Oktober 2016

Perasmian Penutup Johor *Entrepreneurship And Innovation Day* (JENID) 2016

Dewan Sultan Iskandar UTM Johor Bahru



8 Oktober - 13 November 2016

'Female Faces & Malaysia Sustainable Cities Exhibition' presents *Sustainability Development Efforts in Malaysia Cities*

Creative Space, National Visual Arts Gallery,
Kuala Lumpur



18 Oktober 2016

Minister of Youth & Sports, YB Khairy Jamaluddin Abu Bakar Speaks at The 17th MJIT Leadership Lecture Series

UTM Kuala Lumpur.



22 Oktober 2016

Perisytiharan Pro-Canselor dan Konvokesyen UTM ke-57

Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.



17 November 2016

Majlis Pelancaran Program 2U2i Penjenamaan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Data) & Forum CEO Faculty UTM bersama Industri

UTM Kuala Lumpur.



9 November 2016

UTM-IKM Host The First APCE 2016 in Malaysia

KSL Hotel & Resort, Johor Bahru.



23 November 2016

UTM & MJIIT Lead The Way to Low Carbon Asia

UTM Kuala Lumpur



24 Ogos 2016

Launching Ceremony of Global Mobility Programme – The Jukebox Concept

UTM Kuala Lumpur



5 Disember 2016

Majlis Perasmian & Pelancaran Dana Wakaf Pendidikan UTM

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim,
UTM Johor Bahru.



6 Disember 2016

Leadership Lecture Series by President of Toray Industries, Inc. Japan

UTM Kuala Lumpur .



11 Disember 2016

Majlis Perasmian UTM Eco Home

UTM Eco Home, UTM Johor Bahru.



16 Disember 2016

Universiti Teknologi Malaysia and Ericsson Establish Innovation Center For 5G In Malaysia

UTM Kuala Lumpur



15 Mac 2016

MoA bersama Yayasan Azman Hashim

UTM Kuala Lumpur



15 Mac 2016

MoU bersama PENTALIGHT SKPPU: Think And Work Safely

UTM Johor Bahru.



15 Mac 2016

MoU bersama Applied Energy Solutions Sdn. Bhd. dan UTM

Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.



17 Ogos 2016

MoA dan MoU bersama Institut Teknologi Petronas Bangun Teknologi Tingkat Pengeluaran Minyak Laut Dalam

Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.



26 September 2016

MoU bersama UTM & Association of Chartered Certified Accountants (M) Sdn. Bhd.

UTM Johor Bahru.



12 Oktober 2016

MoU bersama Lekir Energy Sdn.Bhd.

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru.



8 November 2016

MoU bersama Country Garden Pacific View (CGPV)

UTM Kuala Lumpur




13 November 2016

MoU bersama Persatuan Cina Kelantan

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim,
UTM Johor Bahru.



Penyata Kewangan Bagi
Tahun Berakhir 31 Disember 2016



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 42.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yg diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknologi Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain


Berdasarkan keperluan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Teknologi Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Universiti Teknologi Malaysia telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 JUN 2017



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI** dan **PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Universiti Teknologi Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Pengerusi



PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR
Naib Canselor

15 JUN 2017

UTM Johor Bahru

15 JUN 2017

UTM Johor Bahru

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Universiti Teknologi Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Johor Bahru
pada **15 JUN 2017**

)
)
)
)



ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD
Timbalan Bendahari Kanan

Di hadapan saya,



01-2, Jalan Perwira 19,
Taman Ungku Tun Aminah,
81300 Skudai, Johor.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

		KUMPULAN		UTM	
	NOTA	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan semula)	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan semula)
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	1,730,314,751	1,668,505,595	1,719,826,191	1,655,922,644
Pelaburan	5	500,000	19,314,131	500,000	19,314,131
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	6	-	-	4,303,147	4,303,147
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	7	847,875	895,589	-	-
Aset Tak Ketara	8	-	-	-	-
Aset Cukai Tertunda	9	118,118	132,200	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		<u>1,731,780,744</u>	<u>1,688,847,515</u>	<u>1,724,629,338</u>	<u>1,679,539,922</u>
ASET SEMASA					
Inventori	10	63,876	492,825	-	-
Penghutang Dan Prabayar	11	48,768,623	41,562,177	36,684,420	32,158,221
Kos Pembangunan	12	-	-	-	-
Cukai akan dibayar balik		-	38,671	-	-
Depositi, Baki Bank Dan Tunai	13	<u>685,503,046</u>	<u>759,940,462</u>	<u>654,211,912</u>	<u>734,613,666</u>
Jumlah Aset Semasa		<u>734,335,545</u>	<u>802,034,135</u>	<u>690,896,332</u>	<u>766,771,887</u>
JUMLAH ASET		<u>2,466,116,289</u>	<u>2,490,881,650</u>	<u>2,415,525,670</u>	<u>2,446,311,809</u>
EKUITI DAN KUMPULAN WANG					
Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	14	1,210,724,107	1,207,541,102	1,210,724,107	1,207,541,102
Kumpulan Wang Mengurus	15	212,961,073	267,795,175	187,728,824	243,045,884
Kumpulan Wang Pendapatan	16	5,930,162	23,214,943	7,680,162	24,564,943
Kumpulan Wang Amanah	17	148,788,933	140,728,390	148,788,933	140,728,390
Kumpulan Wang Pinjaman	18	<u>10,572,603</u>	<u>16,072,602</u>	<u>10,572,603</u>	<u>16,072,602</u>
		1,588,976,878	1,655,352,212	1,565,494,629	1,631,952,921
Kepentingan tidak mengawal		-	252,483	-	-
JUMLAH EKUITI		<u>1,588,976,878</u>	<u>1,655,604,695</u>	<u>1,565,494,629</u>	<u>1,631,952,921</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Geran Pembangunan Tertunda	19	333,847,153	365,451,975	333,847,153	365,451,975
Geran Penyelidikan Tertunda	20	90,211,974	113,773,203	90,211,974	113,773,203
Geran Universiti Penyelidikan Tertunda	21	99,368,735	115,373,565	99,368,735	115,373,565
Amanah Tertunda	22	39,696,786	11,439,779	39,696,786	11,439,779
Pinjaman Berjangka	23	214,971,664	145,571,041	211,530,613	141,373,332
Pemiutang Sewa Beli	24	105,551	231,764	-	-
Manfaat Pekerja	25	20,356,181	18,710,889	20,356,181	18,710,889
Pendapatan Tertunda	26	<u>1,084,160</u>	<u>1,142,240</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Jumlah Liabiliti Jangka Panjang		<u>799,642,204</u>	<u>771,694,456</u>	<u>795,011,442</u>	<u>766,122,743</u>
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang Operasi Dan Perniagaan		17,414,493	11,756,661	3,727,630	2,953,768
Pemiutang Pelbagai Dan Cagaran	27	36,275,772	35,628,495	28,403,043	29,617,450
Bank overdraf	13	114,831	397,268	-	-
Pinjaman Berjangka	23	20,342,711	13,526,929	19,842,719	13,526,929
Pemiutang Sewa Beli	24	123,596	135,148	-	-
Peruntukan cukai		179,597	-	-	-
Manfaat Pekerja	25	<u>3,046,207</u>	<u>2,137,998</u>	<u>3,046,207</u>	<u>2,137,998</u>
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>77,497,207</u>	<u>63,582,499</u>	<u>55,019,599</u>	<u>48,236,145</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>877,139,411</u>	<u>835,276,955</u>	<u>850,031,041</u>	<u>814,358,888</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>2,466,116,289</u>	<u>2,490,881,650</u>	<u>2,415,525,670</u>	<u>2,446,311,809</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

		KUMPULAN		UTM	
	NOTA	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan semula)	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan semula)
Pendapatan	28	896,516,502	1,032,092,261	815,385,821	968,717,579
Tolak :					
Kos Perkhidmatan Perundingan dan Latihan		(59,580,851)	(40,521,633)	-	-
Kos Pengilangan Dan Barang Niaga		-	(2,150,249)	-	-
Perbelanjaan	29	(883,191,100)	(938,121,613)	(862,249,599)	(918,823,394)
Manfaat Pekerja	25	(8,001,876)	(6,070,686)	(8,001,876)	(6,070,686)
Jumlah Perbelanjaan		(950,773,827)	(986,864,181)	(870,251,475)	(924,894,080)
(Kurangan)/Lebih Dari Aktiviti Operasi		(54,257,325)	45,228,080	(54,865,654)	43,823,499
Kos Pembiayaan	30	(11,792,569)	(4,955,198)	(11,592,638)	(4,916,177)
Bahagian Keuntungan Dalam Syarikat Bersekutu		61,715	332,875	-	-
(Kurangan)/Lebih Dari Operasi Berterusan sebelum cukai	31	(65,988,179)	40,605,757	(66,458,292)	38,907,322
Cukai	32	(455,111)	(319,370)	-	-
(Kurangan)/Lebih Dari Operasi Berterusan, bersih selepas cukai		(66,443,290)	40,286,387	(66,458,292)	38,907,322
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	33	(107,538)	-	-	-
(Kurangan)/Lebih Pendapatan Komprehensif untuk tahun semasa		(66,550,828)	40,286,387	(66,458,292)	38,907,322
Pembahagian jumlah pendapatan komprehensif:-					
Pemilik		(66,298,345)	40,421,542	-	-
Kepentingan tidak mengawal		(252,483)	(135,155)	-	-
		(66,550,828)	40,286,387	-	-

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Kumpulan Wang Pengurus RM	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Pendapatan RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Anaman RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Kepentingan tak mengawal RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2015 (Seperti yang dinyatakan sebelum ini)	1,238,897,892	172,170,156	-	20,817,801	570,750,896	107,323,989	150,944,669	16,638,762	-	2,277,544,165
Kesan menggunakan MPERS	(26,279,151)	51,929,587	-	-	(570,750,896)	(107,323,989)	(10,189,046)	-	387,638	(662,225,857)
Baki pada 1 Januari 2015 (Seperti dinyatakan semula)	1,212,618,741	224,099,743	-	20,817,801	-	-	140,755,623	16,638,762	387,638	1,615,318,308
Lebihan/(Kurangan)	(10,985,357)	11,888,980	-	27,397,142	-	-	12,686,937	(566,160)	(135,155)	40,286,387
Pindahan Tabung Universiti	-	35,000,000	-	(25,000,000)	-	-	(10,000,000)	-	-	-
Pindahan Pembelian Aset	5,907,718	(3,193,548)	-	-	-	-	(2,714,170)	-	-	-
Jumlah Perubahan Tahunan	(5,077,639)	43,695,432	-	2,397,142	-	-	(27,233)	(566,160)	(135,155)	40,286,387
Baki Pada 31 Disember 2015 (Dinyatakan semula)	1,207,541,102	267,795,175	-	23,214,943	-	-	140,728,390	16,072,602	252,483	1,655,604,695
Baki Pada 1 Januari 2016	1,235,947,111	83,065,134	-	23,214,943	620,204,861	104,140,286	271,993,063	-	-	2,338,565,398
Kesan menggunakan MPERS	(28,406,009)	184,653,052	-	-	(620,204,861)	(104,140,286)	(131,264,673)	16,072,602	252,483	(683,037,692)
	1,207,541,102	267,718,186	-	23,214,943	-	-	140,728,390	16,072,602	252,483	1,655,527,706
Lebihan/(Kurangan)	(10,927,062)	(71,053,361)	-	11,715,219	-	-	3,966,888	1	(252,483)	(66,550,828)
Pindahan Tabung Universiti	-	20,870,000	-	(29,000,000)	-	-	13,630,000	(5,500,000)	-	-
Pindahan Pembelian Aset	14,110,067	(4,573,752)	-	-	-	-	(9,536,315)	-	-	-
Jumlah Perubahan Tahunan	3,183,005	(54,757,113)	-	(17,284,781)	-	-	8,060,543	(5,499,999)	(252,483)	(66,550,828)
Baki Pada 31 Disember 2016	1,210,724,107	212,961,073	-	5,930,162	-	-	148,788,933	10,572,603	-	1,588,976,878

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

UTM

	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pinjaman	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	(RM)	
Baki pada 1 Januari 2015 (Seperti yang dinyatakan sebelum ini)	1,238,897,892	149,649,402	-	22,067,801	570,750,896	107,323,989	150,944,669	16,638,762	2,256,273,411
Kesan menggunakan MPERS	(26,279,151)	51,315,270	-	-	(570,750,896)	(107,323,989)	(10,189,046)	-	(663,227,812)
Baki pada 1 Januari 2015 (Seperti dinyatakan semula)	1,212,618,741	200,964,672	-	22,067,801	-	-	140,755,623	16,638,762	1,593,045,599
Lebihan/(Kurangan)	(10,985,357)	10,274,760	-	27,497,142	-	-	12,686,937	(566,160)	38,907,322
Pindahan Tabung Universiti	-	35,000,000	-	(25,000,000)	-	-	(10,000,000)	-	-
Pindahan Pembelian Aset	5,907,718	(3,193,548)	-	-	-	-	(2,714,170)	-	-
Jumlah Perubahan Tahunan	(5,077,639)	42,081,212	-	2,497,142	-	-	(27,233)	(566,160)	38,907,322
Baki Pada 31 Disember 2015 (Dinyatakan semula)	1,207,541,102	243,045,884	-	24,564,943	-	-	140,728,390	16,072,602	1,631,952,921
Baki pada 31 Disember 2015 (Seperti yang dinyatakan sebelum ini)	1,235,947,111	157,957,473	98,444,830	24,564,943	620,204,861	104,140,286	150,583,375	16,072,602	2,407,915,481
Kesan menggunakan MPERS	(28,406,009)	85,088,411	(98,444,830)	-	(620,204,861)	(104,140,286)	(9,854,985)	-	(775,962,560)
Baki Pada 1 Januari 2016	1,207,541,102	243,045,884	-	24,564,943	-	-	140,728,390	16,072,602	1,631,952,921
Lebihan/(Kurangan)	(10,927,062)	(71,613,308)	-	12,115,219	-	-	3,966,858	1	(66,458,292)
Pindahan Tabung Universiti	-	20,870,000	-	(29,000,000)	-	-	13,630,000	(5,500,000)	-
Pindahan Pembelian Aset	14,110,067	(4,573,752)	-	-	-	-	(9,536,315)	-	-
Jumlah Perubahan Tahunan	3,183,005	(55,317,060)	-	(16,884,781)	-	-	8,060,543	(5,499,999)	(66,458,292)
Baki Pada 31 Disember 2016	1,210,724,107	187,728,824	-	7,680,162	-	-	148,788,933	10,572,603	1,565,494,629

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

NOTA	KUMPULAN		UTM	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
AKTIVITI OPERASI				
Geran Mengurus daripada Kerajaan	434,476,772	510,078,720	434,476,772	510,078,720
Pelbagai geran Kerajaan	54,500,870	73,068,575	54,500,870	73,068,575
Terimaan daripada pelanggan	156,950,245	119,211,593	79,033,828	55,441,909
Bayaran kepada staf	(448,119,488)	(393,118,879)	(440,117,612)	(380,742,867)
Bayaran kepada pembekal	(382,501,790)	(459,955,739)	(314,733,185)	(414,364,662)
Perbelanjaan faedah pinjaman	(11,792,569)	(3,721,148)	(11,592,638)	(3,682,127)
Cukai dikembalikan	-	86,358	-	-
Cukai dibayar	(238,061)	(161,500)	-	-
Lebihan/(Kurangan) tunai bersih dari aktiviti operasi	(196,724,021)	(154,512,020)	(198,431,965)	(160,200,452)
AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(177,554,036)	(120,174,012)	(177,269,831)	(119,012,992)
Faedah diterima	18,814,131	23,460,232	18,814,131	22,846,580
Terimaan pelupusan syarikat subsidiari	(46,606)	(127,623)	-	-
Terimaan pelupusan hartanah, loji dan peralatan	171,570	2,308	78,562	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(158,614,941)	(96,839,095)	(158,377,138)	(96,166,412)
AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran pembangunan diterima	72,869,736	96,773,334	72,869,736	96,773,334
Geran penyelidikan diterima	35,116,104	58,744,986	35,116,104	58,744,986
Geran lain diterima	91,948,438	75,733,095	91,948,438	75,733,095
Pulangan dari simpanan tetap	-	1,068,472	-	-
Pembayaran balik pinjaman berjangka	(13,783,595)	(7,211,140)	(13,526,929)	(7,211,140)
Pembayaran balik sewa beli	(137,765)	(128,518)	-	-
Terimaan dari pemiutang jangka panjang	90,000,000	90,000,000	90,000,000	90,000,000
Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan	276,012,918	314,980,229	276,407,349	314,040,275
(Kurangan)/Lebihan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(79,326,044)	63,629,114	(80,401,754)	57,673,411
Tunai dan kesetaraan tunai :				
Pada awal tahun	753,430,817	689,801,703	734,613,666	676,940,255
Pada akhir tahun	674,104,773	753,430,817	654,211,912	734,613,666

13

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

1. KEGIATAN UTAMA

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah sebuah Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kegiatan utama UTM melibatkan pembangunan pendidikan tinggi dalam bidang Sains, Kejuruteraan, Teknologi, Arkitek dan Pendidikan dan juga mengendalikan aktiviti penyelidikan.

Kegiatan-kegiatan utama syarikat subsidiari UTM (Nota 5) termasuklah perkhidmatan pakar runding dan khidmat pengurusan, pengeluar bahan-bahan plastik, perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan dalam pendidikan dan mengusahakan kedai cenderahati.

Penyata kewangan disatukan Kumpulan dan penyata kewangan berasingan UTM dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 15 Jun 2017.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

A. Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan UTM telah disediakan mengikut asas kos (termasuk kos sejarah, kos dilunaskan dan kos yang lebih rendah antara kos asal dan nilai boleh realisasi bersih) dan asas nilai saksama (termasuk asas nilai saksama dan nilai saksama ditolak asas kos berkaitan penjualan). Penyata kewangan terdiri daripada UTM (sebagai entiti induk) dan subsidiari-subsidiarinya.

Penyata kewangan Kumpulan dan UTM telah disediakan menurut Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB").

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Kumpulan dan UTM telah menerima pakai MPERS baru. Tarikh peralihan kepada Rangka Kerja MPERS baru adalah 1 Januari 2015.

Penggunaan Rangka Kerja MPERS baru memerlukan semua piawaian dalam MPERS digunakan untuk penyata kewangan Kumpulan dan UTM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, penyata kewangan perbandingan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, dan penyata pembukaan kedudukan kewangan pada tarikh peralihan kepada MPERS.

Pada bulan Oktober 2015, MASB telah menerbitkan Pindaan kepada MPERS yang efektif bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Kumpulan dan UTM telah memilih untuk menerima pakai awal Pindaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Penggunaan awal Pindaan kepada MPERS tidak mempunyai kesan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan UTM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan tahun perbandingan berakhir 31 Disember 2015.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

B. Kombinasi Perniagaan dan Asas Penyatuan

(i) Kombinasi Perniagaan

Kumpulan menggunakan kaedah pengambilalihan untuk mengambil kira semua kombinasi perniagaan. Jika perolehan aset atau kumpulan aset bukan merupakan sebuah perniagaan, ia diambil kira sebagai pemerolehan aset.

Kumpulan akan mengenal pasti tarikh pengambilalihan daripada kombinasi perniagaan sebagai tarikh di mana Kumpulan memperoleh kawalan syarikat yang diambil alih. Kawalan diperolehi apabila Kumpulan mula mempunyai kuasa untuk mengarahkan keputusan dasar kewangan dan operasi anak syarikat untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Ini mungkin memerlukan syarat-syarat terdahulu dipenuhi, seperti selesai audit usaha yang wajar, dan kelulusan pemegang saham jika dinyatakan secara khusus dalam perjanjian jual beli.

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan mengiktiraf, secara berasingan daripada muhibah, aset yang dikenalpasti yang diambil alih (termasuk aset tidak ketara yang dikenal pasti), liabiliti yang ditanggung (termasuk liabiliti luar jangka) dan apa-apa kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambil alih. Aset dan liabiliti dikenalpasti yang diambilalih diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan mereka, kecuali yang dibenarkan atau dikehendaki untuk diukur pada asas lain oleh MPERS. Kepentingan bukan kawalan pada tarikh pengambilalihan diukur pada bahagian pemilikan aset bersih pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira muhibah.

Kos kombinasi perniagaan diukur pada nilai saksama, diambilkira sebagai jumlah nilai saksama aset yang dipindahkan pada tarikh pengambilalihan (termasuk pertimbangan luar jangka), liabiliti yang ditanggung oleh bekas pemilik syarikat yang diambilalih dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Perbelanjaan yang dibuat berhubung dengan kombinasi perniagaan akan dipermodalkan dalam kos kombinasi perniagaan.

Kos kombinasi perniagaan diperuntukkan kepada bahagian aset bersih yang diambil alih untuk menentukan jumlah muhibah awal pada tarikh kombinasi. Dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat (termasuk perolehan bekas rakan usaha sama), kos bagi setiap urus niaga pertukaran dibandingkan dengan bahagian aset bersih untuk menentukan muhibah bagi setiap urus niaga pertukaran pada asas mengikut peringkat pengambilan. Sebarang peningkatan dalam kepentingan ekuiti dalam pelaburan selepas tarikh pengambilalihan diambilkira sebagai urusniaga ekuiti di antara syarikat induk dan kepentingan bukan kawalan dan sebarang perubahan akan diselaraskan secara langsung dalam ekuiti.

Jika proses untuk kombinasi perniagaan tidak lengkap pada akhir tempoh pelaporan dalam mana kombinasi itu berlaku, Kumpulan akan menggunakan jumlah nilai saksama sementara bagi item untuk mana-mana proses yang sudah selesai. Jumlah sementara akan diselaraskan untuk mencerminkan maklumat baru yang diperolehi mengenai fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan, termasuk tambahan aset dan liabiliti yang dikenal pasti dalam tempoh pengukuran. Tempoh pengukuran bagi perakaunan awal berakhir selepas satu tahun dari tarikh pengambilalihan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

B. Kombinasi Perniagaan dan Asas Penyatuan (sambungan)

(ii) Anak-anak syarikat dan asas penyatuan

Kumpulan mengiktiraf anak syarikat berdasarkan kriteria kawalan. Anak syarikat adalah entiti (termasuk entiti tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu untuk memperoleh manfaat dari aktiviti. Dalam keadaan apabila hak mengundi tidak lebih daripada separuh atau apabila hak mengundi bukan menjadi kawalan penentu yang dominan, Kumpulan menggunakan pertimbangan untuk menilai sama ada ia mempunyai kawalan de facto, kawalan dengan perkiraan lain (termasuk kawalan entiti tujuan khas) atau dengan memegang potensi hak mengundi yang substantif.

Penyata kewangan yang disatukan disediakan dengan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sama bagi semua transaksi, peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

Amaun dibawa bagi pelaburan dalam setiap anak syarikat dalam Kumpulan dihapuskan dengan bahagian ekuiti induk dalam setiap anak syarikat. Penyata kewangan yang disatukan menggabungkan aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai UTM dan kesemua subsidiarinya. Maklumat syarikat subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan komprehensif dari tarikh berkuatkuasa pengambilalihan (yang merupakan tarikh Kumpulan mula mempunyai kawalan ke atas syarikat) atau hingga tarikh efektif penjualan (tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan ke atas penerima pelaburan).

Semua baki dan urusan niaga antara kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan. Keuntungan atau kerugian tidak direalisasikan yang timbul daripada urusan niaga dalam kumpulan juga dihapuskan sepenuhnya pada penyatuan, kecuali apabila kerugian tidak direalisasikan adalah kerugian rosot nilai.

Apabila Kumpulan tidak lagi mengawal anak syarikat, perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan anak syarikat dan jumlah dibawa pada tarikh kawalan hilang diiktiraf dalam penyata untung atau rugi di penyata pendapatan komprehensif sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan anak syarikat. Jumlah yang terkumpul akibat sebarang perbezaan pertukaran asing yang berkaitan dengan anak syarikat luar negara yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain adalah tidak dikelaskan semula kepada penyata untung atau rugi atas pelupusan subsidiari. Jika Kumpulan mengekalkan kepentingan ekuiti dalam subsidiari, ia diambil kira sebagai aset kewangan (dengan syarat ia tidak menjadi sebuah syarikat bersekutu atau usaha sama). Amaun dibawa pelaburan tersebut dikekalkan pada tarikh di mana entiti tidak lagi menjadi anak syarikat dianggap sebagai kos pada pengukuran awal aset kewangan tersebut.

Sebarang pengurangan dalam kepentingan ekuiti dalam sebuah syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urusan niaga ekuiti dan kesan kewangannya diselaraskan secara langsung dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

B. Kombinasi Perniagaan dan Asas Penyatuan (sambungan)

(iii) Syarikat-syarikat bersekutu

Kumpulan mengiktiraf sebuah syarikat bersekutu berdasarkan kriteria pengaruh yang ketara. Pengaruh ketara wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama atas dasar-dasar tersebut. Ini biasanya (walaupun tidak semestinya) dicapai apabila Kumpulan, secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, memegang 20 peratus atau lebih daripada hak mengundi di dalam entiti pelaburan. Apabila hak mengundi Kumpulan dalam entiti pelaburan adalah kurang daripada 20 peratus, Kumpulan menilai sama ada ia mempunyai pengaruh yang ketara dengan memeriksa semua fakta dan keadaan yang berkaitan, termasuk wujudnya hak-hak mengundi yang substantif, perwakilan dalam lembaga pengarah, penyertaan dalam proses membuat dasar, urusan niaga penting antara kumpulan dan entiti pelaburan, pertukaran kakitangan pengurusan dan penyediaan maklumat teknikal penting.

Kumpulan boleh memegang kepentingan ekuiti yang tidak ketara dalam pelaburan untuk mengukuhkan hubungan perdagangan dan mempunyai wakil dalam lembaga pengarah di syarikat yang dilaburkan. Jika perwakilan dalam lembaga pengarah di dalam syarikat pelaburan tersebut adalah semata-mata bagi maksud melindungi nilai pelaburan dan bukannya penyertaan dalam membuat keputusan dasar, pelaburan ini tidak dikelaskan sebagai syarikat bersekutu.

Kumpulan menggunakan kaedah ekuiti dalam mengukur semua pelaburan dalam syarikat bersekutu.

Dalam penyata kewangan disatukan Kumpulan, pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira di bawah kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ini, pada pengiktirafan awal, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos. Selepas itu, amaun dibawa pelaburan tersebut ditambah atau dikurangkan seperti berikut:

- i) bahagian keuntungan atau kerugian pelaburan melalui untung atau rugi;
- ii) bahagian pendapatan komprehensif lain-lain entiti pelaburan melalui lain-lain pendapatan komprehensif; dan
- iii) bahagian perubahan aset bersih lain-lain entiti pelaburan melalui ekuiti

Dalam menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu pada tarikh penyata kewangan Kumpulan diterbitkan.

Jika bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi amaun yang dibawa bagi pelaburannya, Kumpulan tidak meneruskan mengiktiraf bahagian kerugian seterusnya. Selepas kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar, ia mengiktiraf kerugian tambahan oleh peruntukan setakat yang ia telah menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau telah membuat pembayaran bagi pihak entiti yang dilaburkan.

Keuntungan dan kerugian belum direalisasi yang timbul daripada urusan niaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya dihapuskan sebahagiannya setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut, kecuali apabila terdapat tanda-tanda kerugian kemerosotan nilai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

B. Kombinasi Perniagaan dan Asas Penyatuan (sambungan)

Prinsip penghapusan separa juga termasuk pemindahan aset bukan kewangan dengan syarikat bersekutu dalam pertukaran untuk kepentingan ekuiti dalam pelaburan.

C. Penyata Kewangan Berasingan

Dalam penyata kewangan berasingan UTM, pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Kos pada pengiktirafan awal terdiri daripada tunai dan nilai saksama pertimbangan lain yang dipindahkan dan liabiliti yang ditanggung, dan ia termasuk perbelanjaan berkaitan pengambilalihan. Dividen yang diisytiharkan oleh pelaburan adalah diiktiraf sebagai pendapatan apabila hak UTM untuk menerima dividen telah wujud, yang secara umumnya pada tarikh dividen itu diberi kuasa sewajarnya oleh anak-anak syarikat.

D. Hartanah, Loji dan Peralatan

Aset ketara untuk operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan dalam pengeluaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau untuk disewa kepada pihak lain diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila Kumpulan mendapat kawalan terhadap aset tersebut. Aset dikelaskan ke dalam kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian satu komponen penting dalam aset yang sedia ada dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen yang lama tidak lagi diiktiraf.

Semua hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga belian ditambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan dalam keadaan yang boleh digunakan oleh pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman. Untuk pertukaran aset bukan kewangan yang mempunyai unsur-unsur komersial, kos diukur dengan merujuk kepada nilai saksama aset yang diterima. Bagi aset yang dipindahkan daripada pelanggan atau pemberi ("grantor"), kos diukur dengan merujuk kepada nilai saksama aset.

Semua hartanah, loji dan peralatan kemudiannya diukur pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan nilai kerugian kemerosotan terkumpul.

Hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilai mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat bergunanya, diringkaskan seperti berikut:

	Tempoh jangka hayat boleh guna (Tahun)
Bangunan	50
Infrastruktur	10
Loji dan Jentera	7 sehingga 10
Kenderaan	5
Perabut dan Pemasangan Elektrik	5
Alat dan Alat Didermakan	4

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

D. Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

Tanah milik kekal dan kerja dalam pelaksanaan tidak disusut nilai tetapi tertakluk kepada ujian kemerosotan nilai jika terdapat sebarang petunjuk berkaitan rosot nilai.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan disemak semula untuk kewajaran. Apa-apa perubahan dalam anggaran dilaraskan secara prospektif atas jangka hayat yang tinggal, bermula dalam tempoh semasa.

E. Kemerosotan Nilai Aset Bukan Kewangan

Kerugian kemerosotan timbul apabila nilai dibawa aset Kumpulan melebihi amaun boleh pulih. Bagi tujuan menguji kemerosotan nilai aset bukan kewangan, muhibah diperuntukkan kepada setiap unit penjana tunai Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi perniagaan.

Pada akhir setiap tarikh laporan, Kumpulan menilai sama ada terdapat kemungkinan sebarang petunjuk yang aset individu atau unit penjana tunai terjejas berdasarkan maklumat dari sumber-sumber luar dan dalaman. Jika terdapat petunjuk yang berkaitan, Kumpulan akan menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula bagi aset atau unit menjana tunai itu.

Jika sesuatu aset itu menjana aliran tunai secara bebas, ia akan diuji berkaitan kemerosotan nilainya secara berasingan. Jika sesuatu aset tidak menjana aliran tunai secara bebas, ia akan diuji berkaitan kemerosotan nilainya bersama-sama dengan aset lain (termasuk mana-mana muhibah yang diperuntukkan) dalam satu unit penjana tunai kepada tahap terendah di mana aliran masuk tunai secara bebas dijana dan dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman.

Jumlah boleh diperolehi semula bagi sesuatu aset atau unit penjana tunai adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksamanya ditolak kos berkaitan penjualan dan nilai dalam penggunaan. Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk sesuatu aset atau unit penjana tunai mengikut hierarki berdasarkan: (i) harga dalam suatu perjanjian jual beli; (ii) harga pasaran diniagakan dalam pasaran aktif; dan (iii) anggaran harga pasaran menggunakan maklumat terbaik yang ada. Nilai yang digunakan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran masuk tunai bersih (dengan kadar diskaun yang sesuai) bagi aset atau unit, menggunakan belanjawan dan ramalan lima tahun yang munasabah dan disokong oleh pihak pengurusan dan berserta ekstrapolasi aliran masuk tunai untuk tempoh-tempoh selepas ramalan lima tahun atau belanjawan.

Bagi aset diukur pada model berasaskan kos, sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagi hartanah, loji dan peralatan yang diukur pada model penilaian semula, sebarang kerugian rosot nilai dianggap sebagai kurangan penilaian semula.

Untuk unit penjana tunai, sebarang kerugian kemerosotan nilai pertama diperuntukkan untuk mengurangkan amaun bawaan muhibah yang diperuntukkan kepada unit, jika ada, dan baki kerugian kemerosotan nilai kemudian diperuntukkan kepada aset lain secara pro rata berdasarkan amaun dibawa aset.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

E. Kemerosotan nilai aset bukan kewangan (sambungan)

Kumpulan menilai semula jumlah boleh diperolehi semula aset yang mengalami kemerosotan nilai atau unit penjana tunai jika terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin telah diterbalikkan semula.

Selain daripada muhibah, sebarang pembalikan kerugian rosot nilai bagi aset yang dibawa pada model berasaskan kos diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, tertakluk kepada syarat bahawa had jumlah dibawa aset yang telah disemak semula tidak melebihi jumlah yang akan ditentukan bagi kerugian kemerosotan yang diiktiraf sebelum ini. Kerugian kemerosotan nilai muhibah tidak diterbalikkan semula.

F. Perbelanjaan Tertunda

Perbelanjaan Tertunda adalah kos keseluruhan perbelanjaan projek pembinaan asrama yang menggunakan pinjaman KWSP yang ditunda ke masa hadapan, selepas mengambil kira hasil asrama yang digunakan untuk menampung pembiayaan berkenaan.

G. Inventori

Inventori diukur pada harga yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih.

Kos terdiri daripada harga pembelian dan kos langsung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos hartanah yang belum dijual meliputi kos berkaitan dengan pengambilalihan tanah, kos langsung dan bahagian yang sesuai bagi kos yang diperuntukkan berkaitan dengan aktiviti pembangunan hartanah.

Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, ditolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

H. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai di dalam Penyata Aliran Tunai yang disatukan merangkumi baki tunai, bank dan deposit yang mempunyai mudah tunai tinggi dan sedia untuk ditukar kepada tunai dengan risiko perubahan nilai yang kecil.

I. Pajakan Kewangan dan Operasi

Kumpulan dan UTM mengiktiraf pajakan apabila terdapat perjanjian, sama ada secara nyata sebagai pajakan atau sebaliknya, dimana pemberi pajak menyerahkan aset pajakan kepada penerima pajak sebagai balasan untuk pembayaran atau beberapa bayaran untuk hak menggunakan aset bagi tempoh masa yang dipersetujui. Pajakan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan. Milikan mungkin dipindahkan atau tidak. Semua pajakan lain yang tidak memenuhi kriteria ini dikelaskan sebagai pajakan operasi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

I. Pajak Kewangan dan Operasi (sambungan)

Perakaunan Penerima Pajak

Jika Kumpulan dan UTM adalah penyewa, aset pajakan akan dipermodalkan dan liabiliti pajakan berkaitan dalam pajakan kewangan. Jumlah yang diiktiraf pada tarikh permulaan pajakan adalah nilai saksama pajakan aset yang dipajak atau, sekiranya lebih rendah, nilai kini bayaran pajakan minimum, masing-masing ditentukan pada permulaan pajakan. Kadar diskaun yang digunakan dalam mengira nilai kini bayaran pajakan minimum adalah kadar faedah yang tersirat dalam pajakan, jika praktikal untuk ditentukan; jika tidak, kadar pinjaman tambahan pemajak digunakan. Sebarang kos langsung awal pajakan ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tertunggak. Caj kewangan diperuntukkan kepada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki liabiliti pajakan. Sewa luar jangka dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Aset pajakan yang dipermodalkan diklasifikasikan berdasarkan fungsi dan dikira mengikut Piawaian yang berkaitan menurut MPERS. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa penyewa akan mendapat pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusutnilai lebih pendek antara tempoh pajakan dan hayat kegunaannya.

Untuk pajakan operasi, Kumpulan dan UTM sebagai penerima pajak tidak akan mempermodalkan aset tersebut atau mengiktiraf liabiliti pajakan. Sebaliknya, bayaran pajakan di bawah pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan kecuali terdapat kaedah sistematik yang lain yang lebih mencerminkan corak masa manfaat kepada pengguna.

Untuk pajakan yang merangkumi unsur-unsur tanah dan bangunan, Kumpulan dan UTM menilai dan mengklasifikasi setiap elemen sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi secara berasingan menurut Seksyen 20 MPERS. Bayaran pajakan minimum (termasuk mana-mana bayaran pendahuluan) diperuntukkan di antara elemen tanah dan bangunan menurut kadar nilai saksama elemen pajakan tanah dan bangunan pada permulaan pajakan. Jika sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan telah dipindahkan kepada Kumpulan dan UTM sebagai penerima pajak, tanah dan bangunan pegangan pajakan dianggap sebagai pajakan kewangan dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Pajakan jangka pendek tanah dan bangunan dianggap sebagai pajakan operasi dan aset tersebut tidak dipermodalkan. Apa-apa pembayaran pajakan pendahuluan dikelaskan sebagai pra-pembayaran pajakan di dalam kelas aset tidak ketara (aset dengan hak mengguna).

J. Aset dan Liabiliti Cukai

Cukai perlu bayar ditentukan oleh setiap entiti individu dalam Kumpulan. Cukai semasa bagi tempoh semasa dan terdahulu, setakat yang tidak berbayar, diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa. Jika jumlah yang telah dibayar berkenaan bagi tempoh semasa dan terdahulu melebihi amaun yang kena dibayar bagi tempoh tersebut, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa. Liabiliti cukai semasa (aset) diukur pada jumlah yang entiti itu dijangka untuk membayar (bayaran balik) dengan menggunakan kadar cukai

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

J. Aset dan Liabiliti Cukai (sambungan)

dan undang-undang yang telah digubal sepenuhnya atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh laporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai, kecuali setakat yang mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada: (a) pengiktirafan awal muhibah; atau (b) pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai (atau kerugian cukai). Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk hartanah, loji dan peralatan yang tidak layak untuk elaun modal dan aset tidak ketara yang diperolehi yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai. Walau bagaimanapun, perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak syarikat dan cawangan tidak diiktiraf jika induk atau entiti dalam Kumpulan berupaya untuk mengawal masa pembalikan perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa hadapan.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak ke tahap di mana ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan, kecuali aset cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan atau cukai keuntungan boleh cukai (atau kerugian cukai). Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk geran tanpa cukai kerajaan yang diterima dan elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan di kelayakan hartanah, loji dan peralatan. Walau bagaimanapun, bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak syarikat dan cawangan, aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana ia adalah berkemungkinan bahawa perbezaan sementara akan berbalik pada masa hadapan yang boleh diramalkan dan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap di mana perbezaan sementara boleh digunakan.

Aset cukai tertunda diiktiraf boleh dibawa ke hadapan sebagai kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat mana yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia digunakan terhadap kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak digunakan. Kredit cukai yang tidak digunakan tidak termasuk elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan belum diserap kerana Kumpulan menganggap ini sebagai sebahagian daripada perbezaan pengiktirafan awal.

Cukai tertunda diukur menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan ini, untuk mendapatkan atau menyelesaikan amaun dibawa aset atau liabilitinya. Bagi hartanah pelaburan diukur pada nilai saksama, jika entiti pemilik dalam Kumpulan tidak mempunyai model perniagaan untuk memegang harta itu semata-mata untuk pendapatan sewa, liabiliti cukai tertunda ke atas nilai saksama diukur berdasarkan anggapan bahawa harta itu pulih melalui jualan pada akhir tempoh laporan.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, jumlah dibawa aset cukai tertunda dikaji semula dan dikurangkan kepada tahap di mana ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan disediakan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

J. Aset dan Liabiliti Cukai (sambungan)

Cukai semasa atau tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut, kecuali setakat mana cukai timbul daripada butiran yang diiktiraf di luar untung atau rugi. Untuk item pendapatan atau perbelanjaan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, pendapatan semasa atau tertunda dan perbelanjaan cukai atau tertunda diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Untuk perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, kesan cukai berkaitan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Aset dan liabiliti yang timbul daripada gabungan perniagaan, termasuk kesan cukai mana-mana pelarasan nilai saksama cukai tertunda, adalah diiktiraf sebagai sebahagian daripada aset bersih yang diambilalih.

K. Amanah Dan Lain-lain Kumpulanwang

Akaun Amanah diselenggara untuk aktiviti tertentu Universiti yang diamanahkan sama ada dari pihak luar atau dalam Universiti mengikut Surat Arahan Amanah masing-masing. Manakala Kumpulanwang yang signifikan ditunjukkan dalam Penyata Perubahan Ekuiti.

Kumpulanwang-kumpulanwang tersebut adalah :

Kumpulanwang Mengurus

Mengakaunkan terimaan geran mengurus Kerajaan, pendapatan dan perbelanjaan operasi Universiti.

Kumpulanwang Pembangunan

Mengakaunkan terimaan geran pembangunan kerajaan di mana Geran Kerajaan bagi projek pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan direalisasi mengikut susutnilai (terhadap aset yang dibeli dan projek yang telah siap) dan belanja operasi yang tidak dimodalkan.

Kumpulanwang Aset

Mengakaunkan nilai aset tetap Universiti meliputi aset mengurus, penyelidikan, perundingan dan lain-lain sumber selepas mengambilkira susutnilai

Kumpulanwang Pendapatan

Mengakaunkan pendapatan dari aktiviti *secondary* Universiti dan perbelanjaan atau bayaran pindahan untuk menampung operasi Universiti

Kumpulanwang Amanah

Mengakaunkan terimaan bukan hasil (hasil tak langsung) dan perbelanjaan berkaitan aktiviti bukan mengurus termasuk aktiviti pelajar, perundingan, seminar, alumni, akademik (kursus luar kampus), Research Alliance dan pelbagai Tabung Universiti.

L. Pendapatan

Geran kerajaan untuk aktiviti mengurus yang diakaunkan berdasarkan asas akrual dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan. Geran kerajaan bagi belanja pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan diakaunkan sebagai geran tertunda.

Pendapatan yuran pengajian dan pendapatan sewaan diambilkira ke dalam Penyata Pendapatan menurut dasar akrual.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

L. Pendapatan (sambungan)

Pendapatan dividen daripada pelaburan diiktiraf di dalam Kumpulanwang Pendapatan berasaskan penerimaan. Pendapatan dividen bersih daripada pelaburan dalam Akaun Institusi Amanah Raya Berhad dilaburkan semula .

Pendapatan faedah ke atas deposit diambil kira ke dalam Penyata Pendapatan menurut dasar akrual kecuali keuntungan deposit melalui Skim Mudharabah.

Pendapatan bagi subsidiari adalah nilai inbois untuk barang-barang jualan dan perkhidmatan setelah ditolak diskaun perniagaan dan cukai perkhidmatan.

M. Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya diakru sebagai manfaat pekerja jangka pendek.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Semua caruman kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja atau Kumpulan Wang Persaraan telah diambil kira sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akrual sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang. Manfaat Pekerja Jangka Panjang yang diiktiraf secara akrual adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap yang telah mencapai umur 55 tahun (2015 : 55 tahun) dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

N. Geran Kerajaan Bagi Projek Pembangunan

Geran kerajaan bagi projek pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan akan direalisasikan mengikut susutnilai terhadap aset yang dibeli dan projek yang telah siap, serta belanja operasi yang tidak dimodalkan.

O. Kepentingan Bukan Kawalan

Kepentingan bukan kawalan dalam anak syarikat bukan milik penuh mewakili jumlah bahagian aset bersih anak syarikat (selain daripada muhibah) dan dibentangkan sebagai komponen ekuiti berasingan daripada ekuiti pemilik. Kepentingan bukan kawalan pada mulanya dinilai pada tarikh pengambilalihan bahagian aset bersih (selain daripada muhibah) dan kemudiannya diselaraskan bagi perubahan dalam aset bersih anak syarikat selepas tarikh pengambilalihan.

Kumpulan menganggap perubahan dalam kepentingan kawalan induk dalam anak syarikat yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan sebagai suatu

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

O. Kepentingan Bukan Kawalan (sambungan)

urus niaga dengan pemegang ekuiti dalam kapasiti mereka sebagai pemegang ekuiti. Oleh itu, jumlah yang dibawa bagi kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan induk dalam aset bersih anak syarikat tersebut. Sebarang perbezaan di antara jumlah yang mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima, jika ada, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan kepada pemilik syarikat induk.

P. Muhibah

Kumpulan tidak mengiktiraf muhibah dalaman.

Dalam kombinasi perniagaan yang menggunakan kaedah pengambilalihan, muhibah diiktiraf sebagai aset pada tarikh pengambilalihan, diukur pada perbezaan di antara kos pelaburan dan bahagian aset bersih yang diambilalih. Muhibah untuk bahagian kepentingan bukan kawalan tidak diiktiraf.

Dalam situasi yang jarang berlaku dimana bahagian aset bersih yang diambil alih melebihi kos kombinasi, satu penilaian perakaunan dilakukan semula pada tarikh pengambilalihan, dan sebarang lebihan baki berhubung keuntungan atau kerugian diiktiraf serta-merta sebagai keuntungan daripada pembelian murah yang dikaitkan kepada pemilik induk sahaja.

Pembelian muhibah, termasuk muhibah daripada pengambilalihan kepentingan dalam syarikat bersekutu dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang 10 tahun dan tertakluk kepada ujian kemerosotan nilai apabila terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai.

Q. Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Kumpulan mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, satu entiti dalam Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, aset kewangan (termasuk pinjaman antara Kumpulan dan pendahuluan) dan liabiliti kewangan (termasuk pemiutang antara Kumpulan) diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya harga transaksi, termasuk kos urus niaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan adalah tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Bagi instrumen diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga yang dibelanjakan akan melalui untung atau rugi apabila ianya ditanggung. Bagi pinjaman antara Kumpulan dan pendahuluan, dan perjanjian kontrak yang lain, yang merupakan satu transaksi kewangan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa bayaran masa hadapan yang didiskaun pada kadar faedah pasaran bagi hutang instrumen yang serupa .

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Q. Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Untuk tujuan penyahiktirafan, Kumpulan mesti menentukan sama ada aset kewangan atau liabiliti kewangan perlu diiktiraf secara keseluruhannya sebagai satu item atau dinyahiktiraf sebahagian demi sebahagian daripada satu item atau sekumpulan barangan sama.

Aset kewangan, sama ada sebagai satu item atau sebagai sebahagian, tidak lagi diiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan, termasuk keadaan apabila Kumpulan bertindak hanya sebagai ejen terimaan, dan tidak terdedah kepada risiko dan ganjaran yang ketara daripada pemilikan aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan aset kewangan yang dipindahkan.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia ditamatkan secara sah, yang sama ada apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Perubahan kepada terma-terma liabiliti kewangan yang sedia dikira sebagai penamatan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Bagi tujuan itu, Kumpulan mempertimbangkan perubahan ketara kepada terma-terma jika nilai semasa aliran tunai yang telah disemak didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal berbeza sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti yang asal.

(iii) Pengukuran seterusnya bagi aset kewangan

Bagi maksud pengukuran berikutnya, Kumpulan mengklasifikasikan aset kewangannya kepada dua kategori, iaitu: (i) aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi; atau (ii) aset kewangan pada kos terlunas.

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur pelaburan dalam saham keutamaan tersiar harga, saham biasa tersiar harga dan derivatif yang merupakan aset pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif, jika boleh diperhatikan, atau dengan teknik penilaian lain, tanpa apa-apa potongan untuk kos urus niaga yang boleh dikenakan ke atas jualan atau pelupusan lain.

Pelaburan dalam instrumen hutang, sama ada yang tersenarai atau tidak tersenarai, kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak tersenarai dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan yang lain adalah tertakluk kepada kajian semula untuk kemerosotan nilai seperti dinyatakan dalam Nota 2 (R) (vii).

(iv) Pengukuran seterusnya liabiliti kewangan

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur semua liabiliti kewangan pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif, kecuali instrumen derivatif yang merupakan liabiliti yang diukur pada nilai saksama.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Q. Instrumen Kewangan (sambungan)

(v) Pengukuran nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran tersenarai dalam pasaran aktif, dan jika tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, teknik penilaian seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 (T) akan digunakan.

(vi) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata untung atau rugi apabila ia timbul.

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos terlunas, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata untung atau rugi hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen.

(vii) Aset kewangan yang tidak boleh dikutip dan mengalami kemerosotan

Kumpulan menggunakan model kerugian ditanggung untuk mengiktiraf kerugian kemerosotan aset kewangan. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Bukti-bukti terdapatnya kerugian kemerosotan termasuk: (i) kesukaran ketara untuk penerbit atau penanggung obligasi; (ii) pelanggaran kontrak, seperti kecuaiian dalam pembayaran amaun faedah dan prinsipal; (iii) memberikan konsesi yang luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan bahawa pelanggan akan mufli atau lain-lain penyusunan semula kewangan; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) data daripada pasaran yang boleh diperhatikan yang menunjukkan bahawa ada kemungkinan pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada sekumpulan aset kewangan.

Bagi pinjaman bukan semasa dan penghutang dinyatakan pada kos terlunas, anggaran aliran tunai didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal akan digunakan. Sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun elaun rugi. Mana-mana pembalikan semula bagi kerugian kemerosotan aset kewangan akan dibalikkan semula ke dalam untung atau rugi dengan pelarasan berkaitan ke akaun elaun, tertakluk kepada had yang pembalikan semula tersebut.

Untuk perdagangan dan lain-lain penghutang jangka pendek, di mana kesan pengurangan jumlah adalah tidak ketara, kerugian kemerosotan diuji bagi setiap terimaan yang ketara secara individu di mana terdapat petunjuk kemerosotan nilai. Secara individu, penghutang ketara yang mana tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dikumpulkan bersama dengan lain-lain penghutang mengikut kelas berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan rekod pembayaran dalam tempoh tahun kewangan sebelumnya. Peruntukan kolektif dianggarkan untuk setiap kategori berdasarkan pengalaman Kumpulan dalam nisbah kerugian dalam setiap kategori, dengan mengambil kira keadaan pasaran semasa.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Q. Instrumen Kewangan (sambungan)

Bagi pelaburan ekuiti tidak tersenarai dinyatakan pada kos ditolak kemerosotan nilai, pengurangan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) yang dijangkakan akan diterima untuk aset jika ia dijual pada tarikh laporan. Kumpulan boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

R. Kos-kos Pinjaman

Kos pinjaman Kumpulan merangkumi faedah ke atas pinjaman, liabiliti pajakan kewangan dan faedah instrumen hutang lain yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif. Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

S. Pengukuran nilai saksama

Bagi aset, liabiliti dan instrumen ekuiti (sama ada kewangan atau bukan kewangan) yang memerlukan pengukuran nilai saksama atau dinyatakan, Kumpulan menurut ukuran hierarki nilai saksama yang memberikan keutamaan tertinggi kepada harga yang tersenarai (tidak dilaras) dalam pasaran aktif untuk aset yang sama, liabiliti atau instrumen ekuiti dan keutamaan yang paling rendah kepada input tidak boleh diperhatikan.

Ukuran nilai saksama dianggarkan dengan menggunakan harga yang tersenarai dalam pasaran aktif jika harga itu boleh diperhatikan. Pasaran aktif adalah pasaran utama bagi aset atau liabiliti; di mana Kumpulan boleh membuat transaksi bagi aset atau liabiliti pada harga pasaran itu pada tarikh pengukuran.

Dalam ketiadaan harga pasaran aktif, nilai saksama dianggarkan melalui teknik penilaian yang menggunakan input daripada pasaran yang boleh diperhatikan bagi sebahagian besar syarat-syarat aset atau liabiliti.

Dengan ketiadaan kedua-dua harga pasaran dan input yang boleh diperhatikan, ukuran nilai saksama dianggarkan dengan teknik penilaian menggunakan input yang tidak boleh diperhatikan termasuk andaian yang munasabah dan disokong.

T. Kontrak pembinaan

Prinsip perakaunan untuk kontrak pembinaan digunakan secara berasingan untuk setiap kontrak pembinaan dengan pelanggan. Walau bagaimanapun, apabila kontrak merangkumi beberapa aset, pembinaan setiap aset dianggap sebagai kontrak yang berlainan apabila: (a) pelan pembinaan yang berasingan telah dikemukakan bagi setiap aset; (b) setiap aset tertakluk pada rundingan yang berasingan, dan kontraktor dan pelanggan dapat menerima atau menolak bahagian kontrak yang berkaitan dengan setiap aset; dan (c) kos dan hasil bagi setiap aset boleh dikenal pasti. Sebaliknya, sekiranya beberapa kontrak pembinaan, sama ada dengan satu pelanggan atau dengan beberapa pelanggan, dianggap sebagai kontrak pembinaan tunggal apabila: (a) kontrak-kontrak dirundingkan sebagai satu pakej tunggal; (b) setiap kontrak berkait rapat sehinggakan kesemua kontrak adalah, pada hakikatnya, sebahagian daripada projek tunggal dengan margin keuntungan secara keseluruhan; dan (c) kontrak itu dilaksanakan serentak atau dalam urutan yang berterusan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

T. Kontrak pembinaan (sambungan)

Apabila hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak yang berkaitan dengan kontrak pembinaan diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat penyediaan aktiviti kontrak pada akhir tempoh pelaporan. Peringkat penyediaan diukur dengan nisbah kos yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos.

Apabila hasil daripada kontrak tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil diiktiraf hanya setakat kos kontrak yang ditanggung yang mungkin akan boleh diperolehi semula dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Apabila ada kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta, berserta dengan peruntukan berkaitan dengan kontrak yang membebankan.

Apabila agregat: (i) kos yang dikenakan; tambah (ii) keuntungan progresif diiktiraf, ditolak (iii) kerugian diiktiraf yang dijangka melebihi bil berperingkat untuk kontrak dengan pelanggan, lebihan tersebut diiktiraf dan dibentangkan sebagai jumlah kasar daripada pelanggan (aset semasa). Sebaliknya, apabila agregat yang kurang daripada pengebilan berperingkat, kekurangan ini diiktiraf dan dibentangkan sebagai jumlah kasar yang disebabkan oleh pelanggan (liabiliti semasa).

U. Operasi yang dihentikan

Kumpulan akan mengenal pasti dan membentangkan secara berasingan operasi yang dihentikan dalam untung rugi, termasuk keuntungan atau kerugian untuk tempoh sebelumnya sebagai angka perbandingan. Operasi yang dihentikan adalah sebahagian daripada pelan penyelarasan pelaburan dan mewakili secara berasingan barisan utama perniagaan atau kawasan operasi, atau merupakan anak syarikat yang diperolehi secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual semula. Jumlah keuntungan atau kerugian selepas cukai untuk operasi yang dihentikan termasuk apa-apa kerugian rosot nilai yang diiktiraf untuk operasi berkenaan.

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

A. Pertimbangan dan andaian yang digunakan

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan UTM, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

(a) Klasifikasi pajakan kewangan dan operasi

UTM mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan sebenar aset. Sebagai penyewa, UTM mengiktiraf pajakan sebagai pajakan kewangan jika ia terdedah kepada risiko dan ganjaran yang besar yang berkaitan dengan pemilikan aset sandaran. Dalam menggunakan pertimbangan, UTM mempertimbangkan sama ada terdapat insentif ekonomi dalam bentuk pilihan pembelian dan sebarang tempoh pembaharuan pilihan. Pajakan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan jika tempoh pajakan adalah untuk sekurang-kurangnya 75% daripada kehidupan ekonomi aset

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

A. Pertimbangan dan andaian yang digunakan (sambungan)

sandaran, nilai kini bayaran pajakan adalah sekurang-kurangnya 90% daripada nilai saksama aset, atau aset yang dikenal pasti dalam pajakan adalah aset khusus yang hanya boleh digunakan secara berkesan oleh pemajak. Semua pajakan lain yang tidak mengakibatkan perpindahan besar risiko dan ganjaran diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

UTM mengklasifikasikan pajakan tanah sebagai pajakan kewangan jika nilai saksama tanah pegangan pajak adalah 90% atau lebih daripada nilai saksama tanah pegangan bebas yang setara atau jika tempoh pajakan, yang ditentukan pada permulaan pajakan, adalah 50 tahun atau lebih. Pajakan tanah yang tidak memenuhi mana-mana kriteria ini dikelaskan sebagai pajakan operasi.

(b) Kawalan ke atas penerima pelaburan

Pada tahun 2011, UTM dengan kerjasama Perbadanan Malaysia Technology Development ("MTDC") telah menganjurkan satu program untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan di kalangan penyelidik dan graduan UTM dengan cara menggabungkan syarikat baru (simbiosis) sebagai satu cara untuk mengkomersilkan produk dan perkhidmatan perindustrian yang dibangunkan oleh penyelidik di UTM. Peranan MTDC dalam kerjasama ini adalah untuk menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat tersebut untuk memastikan bahawa program ini berjalan dengan jayanya. Selaras dengan program tersebut, pada 31 Disember 2016, 9 syarikat telah diperbadankan dan Uni-Technologies Sdn. Bhd. ("UTSB"), anak syarikat kepada UTM, telah dilantik oleh UTM untuk memiliki 85% ekuiti saham dalam setiap syarikat di mana kos melanggan saham tersebut telah dibayar oleh UTM.

Kesemua 9 syarikat tersebut adalah:

1. WCC Telco Sdn. Bhd.
2. Gigalink Solution Sdn. Bhd.
3. Microclear Sdn. Bhd.
4. Sono Engineering Sdn. Bhd.
5. HQ Nutraceutical Sdn. Bhd.
6. Bioswitch Technologies Sdn. Bhd.
7. E Elements Technology Sdn. Bhd.
8. Membrane Technology Sdn. Bhd.
9. Photo Laser Grammetry Sdn. Bhd.

Berdasarkan tujuan dan peranan syarikat-syarikat simbiosis ini, Kumpulan memutuskan bahawa kos pelaburan dan keputusan kewangan kesemua syarikat simbiosis tidak akan diiktiraf dan disatukan kerana Kumpulan tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi syarikat masing-masing untuk mendapatkan faedah daripada aktiviti perniagaan mereka.

